

"DALAM usaha untuk melancarkan jentera pentadbiran dan mewujudkan perkhidmatan yang lebih 'customer-focused', usaha ke arah memperkenalkan e-government telah pun dilaksanakan melalui penubuhan Jawatankuasa Eksekutif E-Government." - Titah sempena Perayaan Hari Keputeraan baginda ke-55 tahun pada 15 Julai 2001.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"BARANGSIAPA yang tetap mengamalkan istighfar (memohon ampunan) nescaya Allah akan membebaskannya daripada segala bentuk kesesahan, melepaskannya daripada segala bentuk kesempitan dan mengurniakan rezeki yang tidak disangka-sangka." - Seba Rasoolullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 49 BILANGAN 16

RABU 21 APRIL 2004/1425 رابو 1 ربيع الأول

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Empat lagi dikurniakan gelaran Pehin Manteri

Oleh Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Istiadat Mengurniakan Gelaran Pehin Manteri kepada empat orang penerima yang berlangsung di Bangunan Lapau.

Berangkat sama di istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Empat orang yang di-angugerahkan gelaran Pehin Manteri ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji

Osman; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim; Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Kolonel Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir dan bekas Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Haji Awang Zainal.

Istiadat Pengurniaan Gelaran Pehin Manteri dimulai dengan penganugerahan kepada Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub menjadi Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna, dengan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jaafar duduk di sebelah kanan dan kemudian menapakkan Gangsa Sireh ke bahu kanan dan kiri serta atas kepala Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub.

Lihat muka 8



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi.

RKN Ke-8 sediakan ruang kerjasama para pelabur Brunei - UK

Oleh Siti Aishah HS

JERUDONG, 19 April. - Terdapat pelbagai bidang kerjasama khususnya dalam pembangunan, pelancongan dan perkembangan infrastruktur yang mewujudkan beberapa projek yang boleh dimanfaatkan bersama oleh pelabur-pelabur Negara Brunei Darussalam dan Britain dalam Rancangan Kemajuan Negara RKN Ke-8.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laili Utama Haji Awang Isa di Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Queen Elizabeth II yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menambah forum perdagangan Britain-Brunei diharap dapat meningkatkan usaha yang telah dibuat dalam menyediakan hubungan dan kerjasama di

antara para peniaga kedua-dua buah negara.

Pada majlis itu, Yang Berhormat juga menyatakan Negara Brunei Darussalam secara berterusan menikmati hubungan kerjasama yang erat dalam Komanwel, Forum ASEAN-Eropah, di samping Mesyuarat Asia Eropah, yang mana usaha sama berkenaan telah membantu meningkatkan kegiatan kerjasama dan program-program kepentingan bersama baik di peringkat nasional mahupun serantau.

Terdahulu Yang Berhormat difahamkan bahawa dalam bidang-bidang perubatan, pergigian, kejuruteraan dan undang-undang terdapat 161 pemegang biasiswa kerajaan yang melanjutkan pelajaran di United Kingdom dan Ireland, manakala seramai 29 penuntut persendirian berdaftar, juga terpilih mengembangkan pembelajaran mereka dalam pelbagai institusi pendidikan di United Kingdom.

Angka tersebut tidak termasuk bilangan kakitangan kerajaan yang mengikuti program ijazah lanjutan dan kegiatan-kegiatan latihan di United Kingdom, di samping sejumlah pelajar dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang melanjutkan pelajaran di sana sebagai sebahagian daripada program berkembar UBD dalam kejuruteraan elektronik dan elektrik.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam terus mengalu-alukan kehadiran mereka yang mahir dan pakar-pakar dari United Kingdom dalam bidang-bidang di mana negara belum mempunyai pegawai atau profesional tempatan yang berkemahiran dan perkara tersebut sangat dihargai dari segi sumbangan pakar-pakar Britain dalam pembangunan negara ini.

Perkara lain yang tidak kurang pentingnya ialah mengenai sistem perundangan yang diperolehi dari pihak British ialah dari segi sistem perundangan yang dapat mewujudkan dan

memelihara keselamatan negara.

Undang-undang tersebut memberikan manfaat kepada negara terutama dalam menghadapi suasana dunia yang tidak stabil, malah ia menunjukkan dan memperlihatkan kebijaksanaan serta pandangan jauh dalam sistem perundangan British yang diwujudkan dalam Persekutuan Malaya sekitar 60 tahun dahulu.

Dari segi nilai kerjasama pertahanan, Yang Berhormat melahirkan kegembiraan terhadap kemajuan yang berterusan yang telah dicapai di antara kedua-dua pihak, sambil melahirkan keyakinan kerjasama tersebut berjalan dengan baik bagi kepentingan di masa hadapan.

Majlis juga diselenggarakan dengan acara memotong kek ulang tahun Hari Keputeraan Queen Elizabeth II yang diwakili oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Andrew Caie dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan : Rakyat perlu berusaha secara pasif

- Muka 2

Bicara IT: Membina keupayaan di bidang IT

- Muka 3

Berangkat ke Majlis Persandingan

- Muka 4

Suburkan semangat kesukarelawan

- Muka 7

Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia-Eropah Ke-6 (ASEM - FMM6)

- Muka 10

Istiadat Mengagui bagi empat lagi yang dikurniakan gelaran Pehin Manteri

- Muka 11

Kelalaian manusia punca kemalangan jalan raya

- Muka 5 ANEKA

PPNBD akan menambah kepada 10,000 keahlian menjelang tahun 2013

- Muka 7 ANEKA

Biasiswa ditawarkan kepada pelajar cemerlang akademik

- Muka 9 ANEKA

Halaman Puisi

- Muka 15 ANEKA

TAHUKAH AWDA

KAWASAN Hutan Simpan Negara akan ditingkatkan keluasan daripada 41 peratus kepada 55 peratus pada tahun 2023. Sumbangan sektor perhutanan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka meningkat sebanyak 45 peratus iaitu berjumlah BS40 juta melalui penerokaan kegiatan pembangunan bidang-bidang yang memberi impak alam sekitar yang minima seperti bidang bioteknologi, ekopelancongan dan penyelidikan dengan menjadikan hutan negara sebagai makmal global hutan-hutan tropika. - Sumber : Dato Paduka Haji Idris bin Haji Belaman, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, 'Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Pencapaian dan Prospek', Kertas Kerja Seminar Hari Kebangsaan anjuran Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-20 Negara Brunei Darussalam kelolaan bersama Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan & Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), di Pusat Persidangan Antara-bangsa, Berakax pada 13 Mac 2004. - (2004 : 12).



21 APRIL 2004 BERSAMAAN 1425 ربيع الأول 1

KESALAHAN MENGGUNAKAN TELEFON BIMBIT SEMASA MEMANDU

KADAR bilangan kemalangan jalan raya di Negara Brunei Darussalam adalah meningkat dari setahun ke setahun. Mengikut perangkaan, dalam tahun 2002, seramai 45 orang telah terkorban akibat kemalangan jalan raya, dan ianya merupakan sebab keenam utama kematian di negara ini. Sementara itu menurut Perangkaan Buku Tahunan 1999, Jabatan Pengangkutan Darat, jumlah kenderaan persendirian (kenderaan bukan kerajaan), teksi dan bas yang berdaftar terus meningkat daripada 149,570 buah pada tahun 1996 kepada 176,761 buah pada tahun 2000. Dari jumlah itu sebanyak 174,948 buah kereta persendirian, 392 buah teksi dan 1,421 buah bas dan van.

Pihak kerajaan melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya sejak dulu lagi telah mengambil langkah-langkah yang tegas dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Pelbagai mekanisme dan modus operandi telah dikerah untuk tujuan itu. Rondaan dan pemeriksaan melalui sekatan jalan raya telah diperhebatkan. Kempen-kempen, ceramah-ceramah juga diadakan bagi memberikan kesedaran sivik kepada para pengguna jalan raya, namun nisbah kemalangan saban hari meningkat. Jumlah korban yang membawa maut meningkat, kecacatan dan kecederaan meningkat. Kos dari segi perbelanjaan rawatan, pemulihan, bantuan kecacatan, kos insurans, mahkamah dan sebagainya amat membebankan.

Dalam usaha untuk mengurangkan kemalangan jalan raya, Pasukan Polis Diraja Brunei kini menjalankan kempen ke atas pemandu-pemandu kenderaan yang menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Menurut pihak polis, semasa kempen operasi itu, tindakan tegas akan diambil kepada pemandu-pemandu yang didapati menelefon sambil memandu menggunakan telefon bimbit. Mereka yang didapati bersalah boleh didenda sebanyak B\$1,000.00 dan penjara selama enam bulan atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua atau seterusnya jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda sebanyak B\$2,000.00 dan penjara selama 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Langkah pihak polis mengadakan kempen itu amatlah dialu-alukan dan bertepatan bilamana jumlah kemalangan jalan raya di negara ini yang semakin meningkat tinggi. Operasi itu juga bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai keselamatan jalan raya. Memang kita menyedari telefon bimbit merupakan peralatan canggih untuk kita berkomunikasi, tetapi amatlah tidak wajar dan bertentangan dengan Akta Keselamatan Jalan Raya menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Rasikonya amat tinggi, mengundang bahaya dan membawa padah kepada kemalangan jalan raya. Yang jelas memandu sambil menelefon terdedah kepada bahaya. Para pemandu akan hilang penumpuan, berjalan tidak tentu arah sama ada ke kiri atau ke kanan disebabkan memandu dengan menggunakan sebelah tangan. Tetapi apa yang kita perhatikan, masih ramai pemandu yang berbuat demikian. Begitu juga me "sms" ketika memandu sering didapati yang kadangkala mengganggu kelancaran perjalanan kereta dan yang lebih parah lagi membawa kepada kemalangan jalan raya. Mereka langsung tidak mengendahkan akta tersebut, tetapi mereka lebih rela "menghalakannya". Dalam perkembangan mutakhir ini terdapatnya kemalangan jalan raya yang melibatkan mereka yang memandu ketika menelefon atau me "sms".

Oleh yang demikian, selaku pengguna jalan raya perlulah menyedari akan bahaya-bahaya yang timbul daripada perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu. Patuhilah peraturan jalan raya. Jaganlah siok sendiri dengan kecanggihan teknologi tetapi membahayakan nyawa orang lain. Tidak ada gunanya kecanggihan komunikasi itu membawa bencana dan mengundang maut. Jaganlah kita salah gunakan kemudahan perhubungan itu untuk menempe maut. Ingatlah orang tersayang kerana malang tidak berbau. Beringat-ingatlah sebelum kena. Hindarilah perbuatan menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Jika semua orang mengambil iktibar yang baik ini, jalan raya kita akan menjadi selamat dan kadar kemalangan jalan raya akan dapat dikurangkan.

Semua pihak perlu terlibat dan komited serta bertanggungjawab dalam sama-sama meneruskan usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini. Penglibatan pelbagai sektor seperti kesihatan, pengangkutan, pendidikan, pembangunan, alam sekitar dan penguatkuasaan undang-undang adalah di antara strategi penting ke arah usaha murni itu. Selain komitmen kerajaan dalam memastikan pemantauan serta penilaian dasar dan program-program keselamatan jalan raya, penglibatan orang ramai juga adalah diperlukan. Maka di sinilah peranan dan komitmen para pemandu agar tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu demi kepentingan dan keselamatan semua para pengguna jalan raya. Selain itu, semua pengguna jalan raya juga perlu bertolak ansur, bertimbang rasa, hormat-menghormati dan yang mustahak sentiasa berwaspada dan berhati-hati semasa berada di jalan raya.

HALUAN...

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-LAHI Rabbil 'Aalameen, Wabi-hee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihihee Wasah-bihee Ajma'een, Waba'du.

Kami amat berbesar hati menerima kedatangan Tuan Presiden ke Negara Brunei Darussalam.

Beta ingin sekali mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas sambutan yang sungguh istimewa yang beta terima pada tahun lepas dalam lawatan kami ke Singapura.

Bersempena dengan lawatan ini, beta berharap kami dapat membalas sedikit sebanyak layanan istimewa yang telah awda berikan kepada kami.

Tahun ini pula, Tuan telah memberi kami penghormatan dengan mengadakan lawatan negara yang serupa.

Dalam hubungan ini, Tuan bukan hanya berada bersama-sama kami sebagai rakan lama.

Tuan berada di sini selaku wakil salah sebuah negara jiran kami yang paling rapat dan paling disegani dan Tuan adalah tempat kami mengagih begitu banyak kerjasama.

Yang demikian, kami mengucapkan selamat datang kepada Tuan dan Puan Nathan.

Sejak dua puluh tahun yang lalu, kedua-dua buah negara kita telah menjalin hubungan yang amat kukuh dan penting sekali.

Ianya mempunyai begitu banyak lembaran.

Ianya merangkumi hubungan yang khusus yang menyatukan matawang kita hinggalah kepada perundangan yang cukup meluas yang dijalankan hampir dalam setiap aspek penghidupan moden, kedua-dua awam dan komersil.

Kerjasama kita cukup meluas dan berkekalan.

Tuan Presiden, sebagaimana yang telah Tuan sentuh tahun lepas, kita merupakan dua buah negara yang paling kecil di rantau kita.

Di waktu yang sama, situasi geopolitik antarabangsa berubah dengan dramatik sejak beberapa tahun yang lalu bagi negara-negara seperti negara kita.

Atas sebab inilah, terdapat beberapa faktor yang khusus yang menghubungkan negara-negara kecil seperti negara kita di dunia pada hari ini.

Yang penting, kita mempunyai kepentingan yang sama dalam memastikan keamanan dan keselamatan serantau.

Beta yakin kesemua ini memerlukan kita semua

Rakyat perlu berusaha secara pasif



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Santap Negara sempena Lawatan Negara Tuan Yang Terutama Tuan S R Nathan, Presiden Republik Singapura di Istana Nurul Iman pada 16 Mac 2004.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Zahara HAM

menghalakan segala usaha kita ke arah dua objektif.

Yang pertama sudah tentunya, adalah untuk memastikan masa hadapan bagi warganegara kita masing-masing.

Rakyat kita seharusnya berusaha dengan lebih meluas tidak hanya menerima secara pasif segala perubahan yang membentuk setiap aspek penghidupan moden.

Mereka seharusnya cukup bersedia untuk menghadapi dengan yakin.

Sebagaimana yang Tuan telah sentuh, kedua-dua buah negara kita agak kekurangan dari segi fizikal.

Oleh itu, rakyat kita seharusnya berusaha dengan lebih tekun lagi agar dapat menghadapi dan mengatasi segala perubahan moden.

Mereka seharusnya dapat menguasainya serta mendapat faedah darinya.

Beta yakin inilah satu-satunya laluan yang boleh membawa kepada kestabilan juga keselamatan peribadi yang dapat diberikannya kepada rakyat kita dalam erti kata yang sebenarnya.

Bahagian lain di dunia tidak dapat membantu kita berkembang maju melainkan kita dapat memberikan alasan untuk terlibat sama serta melabur bagi masa depan kita.

Begitulah cabaran yang kita hadapi baik secara ekonomi mahupun teknologi.

adalah legasi yang perlu dipupuk serta dikembangkan secara berterusan.

Objektif kedua yang beta sebut, melewati kedua-dua buah negara kita.

Kita telah memperluaskan rasa hormat yang mendalam di antara satu sama lain di mana kita sering mengadakan perundingan pada semua tahap penghidupan awam dan pribet.

Kesemua ini merupakan sebahagian dari satu rangkaian perhubungan yang serupa, terjalin bersama-sama rakan-rakan kita dalam ASEAN.

Kerjasama adalah bakaikan jantung ASEAN di mana perhubungan di antara para anggotanya merupakan salur nadi yang amat penting.

Ianya boleh diibaratkan nyawa bagi pertubuhan ini.

Kesemua program, projek serta objektifnya mengalir melaluinya.

Oleh itu, pada dasarnya ianya memastikan agar jantung ASEAN kekal kukuh.

Tuan Presiden, justeru itu beta memandang perhubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura atas dasar tersebut.

Beta yakin ianya mendatangkan faedah bukan hanya kepada rakyat kita bahkan juga kepada rantau kita yang kita sama-sama bangga menjadi sebahagiannya.

Beta ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan dan rakyat Singapura atas sokongan besar yang diberikan untuk mewujudkan perhubungan seumpama itu.

Lawatan Tuan memang detik yang amat bererti dalam sejarah kami.

Kini sudah 20 tahun sejak kami mencapai semula kemerdekaan penuh kami.

Sepanjang waktu itu, kami telah belajar dengan begitu banyak untuk menjadi anggota di dunia dan masyarakat serantau.

Sejak membuat langkah moden pertama keluar dari pinggir pantai kami, semua teman di rantau ini memberikan sokongan yang amat besar kepada kami.

Yang penting sekali, kami amat menghargai kemurahan hati dan galakan yang diberikan oleh para pemimpin Singapura dan perwakilannya dalam ehwat antarabangsa.

Rakyat Tuan merupakan teman rapat kami dalam perjalanan kami menyusuri dunia antarabangsa yang sukar ini.

Kerajaan dan rakyat beta amat berpuas hati menikmati keyakinan dan kerjasama Singapura sepanjang waktu ini.

Beta berharap sambutan mesra sempena lawatan ini dapat menggambarkan penghargaan besar kami.

Tuan Presiden, beta ingin mengucapkan terima kasih atas penghormatan yang Tuan berikan dengan mengadakan lawatan ini. Kepada Tuan dan Puan Nathan, juga kerajaan dan rakyat Singapura, sekali lagi beta ingin mengucapkan selamat sejahtera dan semoga persahabatan kita terus berkekalan.

Terima kasih. Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamulailikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kebawah DYMM berkenan hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Margrethe II, Queen Denmark dan kepada Tuan Yang Terutama Anders Fogh Rasmussen, Perdana Menteri Denmark sempena ulang tahun Hari Keputeraan Queen Margrethe II.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Denmark.

Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Denmark akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

terata dan semoga rakyat Denmark akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Anders Fogh Rasmussen, Perdana Menteri Denmark, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Denmark sempena ulang tahun Hari Keputeraan Queen Margrethe II.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Denmark. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Anders Fogh Rasmussen, Perdana Menteri Denmark dan rakyat Denmark akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Croatia, TYT Zeljko Cimbur (kiri) dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Zambia, TYT Godfrey S. Simasiku (kanan).



DPPW berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan

Oleh
Abdullah Asgar

menerima mengadap dua perwakilan asing yang baru dilantik yang tidak menetap ke negara ini.

Majlis yang berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan, Duli Yang Teramat Mulia menerima mengadap Duta Besar Republik Croatia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Zeljko Cimbur yang tidak menetap yang beribu

pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia.

Setelah itu Duli Yang Teramat Mulia berkenan pula menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Zambia, Tuan Yang Terutama Godfrey S. Simasiku yang beribu peja-

bat di Tokyo, Jepun.

Dalam kedua-dua perjumpaan itu Duli Yang Teramat Mulia telah mengalu-alukan perwakilan-perwakilan asing tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Pencegahan kemalangan jalan raya memerlukan usaha-usaha bantuan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Hari Kesihatan Sedunia yang diraikan pada 7 April, dengan tujuan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman serta mengambil tindakan melalui pencegahan dan rawatan terhadap isu kesihatan yang dipilih.

Hari Kesihatan Sedunia 2004 menumpukan perhatian kepada kecederaan di jalan raya dan langkah-langkah untuk pencegahannya dengan tema yang dipilih 'Road Safety Is No Accident' - Keselamatan Jalan Raya Bukan Satu Kemalangan'.

Ini bererti keselamatan jalan raya memerlukan usaha-usaha yang dirancang oleh kerajaan dan sektor-sektor lain yang berkenaan dan bukannya berlaku dengan sendirinya,

jelas Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng sempena Hari Kesihatan Sedunia 2004.

Kenderaan bermotor menjadi popular, jelasnya, kerana ianya memberikan kemudahan yang menarik. Dengan menjadikan pengangkutan manusia dan barangan lebih cepat dan efisien, kenderaan bermotor telah membantu dalam perkembangan sosial dan ekonomi.

Walau bagaimanapun, di sebalik kemudahan itu telah menyebabkan bebanan kos, termasuk kos kepada kesihatan manusia. Selain dari kematian dan kecederaan berjuta manusia setiap tahun, kenderaan bermotor juga mengaki-

batkan penyakit-penyakit saluran pernafasan melalui pengeluaran pencemaran dan menjadikan penggunaan kurang kegiatan fizikal yang menyebabkan kegemukan dan masalah kesihatan yang lain.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan bahawa bagi tahun 2002, seramai 1.18 juta orang terbunuh dan 20 - 50 juta orang tercedera disebabkan oleh kemalangan jalan raya. Berjuta-juta orang telah dirawat di hospital-hospital dalam beberapa hari, minggu dan bulan. Mungkin, sebanyak lima juta orang mengalami kecacatan seumur hidup mereka. Jika masalah ini berterusan, bilangan orang yang terbunuh dan cacat akibat kemalangan jalan raya akan bertambah lebih

dari 60 peratus dan akan menjadikannya di tangga ketiga dalam penyebab penyakit dan kecederaan sejagat.

Di Negara Brunei Darussalam, menurut Yang Berhormat, penggunaan kereta di jalan raya adalah tinggi jika dibandingkan dengan penggunaan bas, basikal, motorsikal dan pejalan kaki. Bagi tahun 2002, seramai 45 orang telah terbunuh akibat kemalangan jalan raya dan ianya adalah sebab kematian keenam di negara ini. Kadar kematian kemalangan jalan raya di negara ini ialah 12.6 bagi 100 ribu penduduk dan ianya sebanding dengan negara-negara membangun.

Dari itu katanya, langkah-langkah untuk mengurangkan kematian dan kecacatan akibat kemalangan jalan raya akan meningkatkan kesihatan penduduk. Pihak berkenaan perlu menumpukan usaha bagi memastikan had laju, penggunaan topi keledar, tali pinggang keselamatan dan lain-lain alat keselamatan, memperbaiki reka bentuk jalan raya dan kenderaan, penguatkuasaan peraturan keselamatan jalan raya, meningkatkan perkhidmatan kecemasan dan sebagainya. Insya Allah, dengan adanya komitmen ini akan mengurangkan kematian dan kecacatan akibat kemalangan jalan raya.

20 pegawai masjid sertai kursus

Oleh
Abu Bakar HAR

pelbagai masjid.

Majlis hari itu diakhiri dengan penyerahan Mushaf Brunei Darussalam kepada Pusat Logistik Outward Bound daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama dan peserta kursus.

Antara matlamat kursus itu diadakan adalah untuk melahirkan pegawai-pegawai masjid yang abid, salih dan bersifat warak serta istiqamah.

Selain dari itu kursus juga bertujuan untuk menjadikan para peserta lebih berwibawa dan menjadi contoh sebagai tokoh agama yang dihormati oleh masyarakat.

TEMBURONG, 25 Mac. - Peserta kursus ke arah melahirkan pegawai-pegawai masjid yang bersifat warak dan istiqamah dan Kursus Outward Bound berakhir dengan penyampaian sijil yang berlangsung di Pusat Logistik Outward Bound Batang Duri di sini.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil tersebut kepada peserta yang terlibat ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Kursus yang berlangsung selama beberapa bulan itu disertai oleh kira-kira 20 orang terdiri pegawai masjid yang mewakili

BICARA IT

Membina keupayaan di bidang IT

LEDAKAN teknologi maklumat (IT) amat dirasakan oleh masyarakat sejagat di abad ke-21 ini. IT yang sudah bermula sejak penghujung abad ke-20 lagi kini sudah menjadi sebahagian dari cara hidup masyarakat moden. Ia mesti dikuasai jika kita ingin maju bukan sahaja di peringkat negara malah mampu bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kini terdapat pelbagai peralatan IT dan perisian komputer yang serba canggih bagi memenuhi keperluan pengguna. Ternyata IT membawa banyak manfaat kepada masyarakat, baik bagi urusan peribadi, pengurusan di sektor awam, sektor perniagaan dan masyarakat umumnya.

Memandangkan betapa pentingnya IT dalam kehidupan hari ini maka semua negara menjadikannya sebagai salah satu agenda utama dalam sama-sama berpacu untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan.

Penggunaan IT dalam kerajaan di negara ini bermula sejak tahun 70-an. Komputer mula digunakan di beberapa buah jabatan untuk mengambil alih sistem manual dalam melaksanakan dan mengurus kerja-kerja banci penduduk, perangkaan, pembayaran gaji, pengeluaran bil-bil tuntutan dan maklumat pemilikan tanah.

Sejak negara mencapai kemerdekaan penuh pada tahun 1984, penggunaan IT oleh pihak kerajaan dan swasta telah meningkat. Kerajaan memperkenalkan Program Teknologi Maklumat (TEMA) bagi perkhidmatan awam pada tahun 1995 dan menaikkan taraf Bahagian Teknologi Maklumat di Kementerian Kewangan sebagai sebuah jabatan pada bulan Januari 1996 melalui percantuman dengan Jabatan Stor dan Perbekalan Negara yang sekarang dikenali sebagai Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara.

Pada tahun 1995, perkhidmatan BruNet dimulakan bagi memudahkan negara menghubungkan internet. Dalam tempoh Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-7, kemajuan dalam IT banyak memberi kesan yang besar ke atas proses pembangunan negara serta cara hidup rakyat dan penduduk. Kesan ini akan lebih banyak dirasai dalam tempoh RKN Ke-8.

Menyadari potensi IT, usaha ditumpukan ke arah penggalakan penggunaan dan pemakaian komputer secara meluas yang menjurus ke arah masyarakat celik komputer. Dalam hubungan ini infrastruktur IT terus diperluas di mana beberapa projek dan program kemajuan akan dilaksanakan bagi mempercepat penggunaan IT dalam pelbagai sektor dan pentadbiran negara.

Dalam RKN Ke-7 (1996-2000), sektor kerajaan dan swasta telah sama-sama membuat pelaburan dalam menyediakan peralatan dan perisian komputer dengan tujuan memudahkan penggunaan IT dengan lebih berkesan dalam pengurusan serta pengeluaran perkhidmatan dan barangan.

Berikutan dengan pesatnya perkembangan IT, pembangunan infrastruktur seperti rangkaian telekomunikasi dan perkhidmatan serta latihan yang berkaitan dengan IT telah dipertingkatkan selari dengan permintaan terhadapnya.

RKN Ke-7 juga menyaksikan perkembangan pengendalian laman-laman web oleh beberapa organisasi tempatan dan laman web rasmi kerajaan yang diimbangi laman-laman web beberapa jabatan dan kementerian.

Dengan menggunakan kemajuan IT dalam bidang teknologi 'Smart Card' dan 'Biometric', Negara Brunei Darussalam merupakan negara pertama di dunia yang menggunakan teknologi ini untuk menghasilkan Kad Pengenalan Pintar pada Ogos 2000. Pada tahun yang sama Kementerian Pembangunan telah memperkenalkan 'e-tender' kepada kontraktor bagi mengimbangi prosedur tawaran yang sedia ada.

Bagi merancang, melaksana dan memantau penggunaan IT di seluruh negara, Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (BIT) telah ditubuhkan. Selain daripada itu, langkah-langkah mewujudkan 'e-kerajaan' juga sedang giat dilaksanakan.

Sejajar dengan dengan kepesatan IT, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah sempena Sambutan Ulang Hahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 2002 yang antara lain menekankan:

"... Perhatian terhadap kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT perlulah terus diutamakan sebagai salah satu usaha memperkasa keupayaan bangsa. Kerajaan telah melancarkan beberapa projek yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi termasuk 'e-government' bagi meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan dalam Perkhidmatan Awam dan pentadbiran kerajaan." (Kelolalaan: Sahari Akim dan Siti Aishah Haji Selamat / Sumber: Buku RKN Ke-8).



BERANGKAT KE MAJLIS PERSANDINGAN

TELANAI, 18 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Persandingan bagi perkahwinan anakanda sulung kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Wadood Bolkiah dengan Dayangku Siti Aminah binti Pengiran Haji Othman, hari ini.

**Liputan
Samle HJ dan
Abu Bakar HAR
Gambar oleh
Harun HR,
Abdullah HD,
Haji Masmaleh HMA
dan Pg Rafee
PDPHM**

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di kediaman mempelai lelaki dijunjung oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Dari kediaman mempelai lelaki, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha kemudiannya berkenan berangkat ke Majlis Persandingan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Wadood Bolkiah de-



ngan Dayangku Siti Aminah binti Pengiran Haji Othman yang berangkat di kediaman mempelai perempuan di Kampong Kiarong.

Terdahulu dari itu keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di kediaman mempelai perempuan dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Hajah Faezah.

Juga berangkat menyaksikan Majlis Persandingan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati dan

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Berangkat sama di Majlis Perkahwinan dan Persandingan itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakhiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Jefriah berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Bagi memberkati Majlis Perkahwinan itu doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.



BERANGKAT DI MAJLIS PERSANDINGAN ... Kelihatan berangkat ke Majlis Persandingan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Hajah Faezah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.



JUNJUNG ZIARAH ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika bekenan menerima junjung ziarah pasangan mempelai.



DOA SELAMAT ... Pasangan mempelai berserta tetamu yang hadir di Majlis Persandingan itu mensada tangan memanjatkan doa agar perkahwinan tersebut kekal selamanya (atas).

JUNJUNG ZIARAH ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima junjung ziarah pasangan mempelai (kiri).

PENGANTIN BARU ... Kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Wadood Bolkiah bersama isterinya, Dayangku Siti Aminah berangkat meninggalkan majlis sejurus selesainya Majlis Persandingan (kanan).



اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ وَسَلِّمْ

PERHIMPUNAN DAN PERARAKAN
SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD
SALLALLAHU ALAIHI WASSALAM
TAHUN 1425 HIJRAH

Cintakan Negara Berteraskan Iman



HARI AHAD

12 Rabiulawal 1425 Hijrah, bersamaan 2 Mei 2004
Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien
Bandar Seri Begawan

PADANG SEKOLAH
RENDAH MUDA HASHIM
TUTONG

PADANG BANDARAN
KUALA BELAIT

PADANG DEWAN
KEMASYARAKATAN
TEMBURONG

ISTIADAT Mengarak bagi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Muda Mohammad Bolkiah menjadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar selamat dilangsungkan dengan penuh istiadat di Lapau Bandar Brunei pada hari Jumaat, 6 Februari 1970. Dengan perasmian Istiadat Mengarak itu menjadikan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar sebagai Kepala Wazir bagi Negeri Brunei. Gambar menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei menyusupkan Keris Si Kikil ke pangkal arat sinjang Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar semasa istiadat berkenaan. - Sumber: PELITA BRUNEI, 11 Februari 1970. Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kerajaan Brunei. Bandar Brunei: Percetakan Bintang. (1970 : 1, 5 & 8).



RICS bertanggungjawabelihara piawaian, lindungi pelanggan

BERAKAS, 10 April. - Institut Diraja Juruukur Berkanun (RICS) hari ini mengadakan Majlis Makan Malam bagi pertubuhan itu yang berlangsung di sebuah hotel di sini.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat hadir selaku tetamu kehormat. Presiden RICS, Nicholas Brook juga hadir.

Di majlis itu Pengerusi Pusat RICS Brunei, Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, antara lain menggariskan empat peraturan-peraturan pertubuhan RICS yang bertanggungjawab ke atas ahli-ahli RICS dan orang awam, iaitu memelihara piawaian tertinggi terhadap pendidikan dan latihan, melindungi pelanggan-pelanggan melalui peraturan-peraturan yang tegas serta etika dan piawaian.

Peraturan juga termasuk untuk mendapatkan nasihat pihak kerajaan dan badan-badan serantau serta menerbitkan maklumat pasaran dan penyelidikan mengenai harta, pembinaan dan persekitaran.

Menurut beliau, Pusat RICS Brunei akan memelihara peraturan-peraturan di peringkat tempatan melalui bantuan rangkaian

Oleh
Haji Ahmad HS

kerja global RICS.

Beliau juga menjelaskan mengenai matlamat pertubuhan RICS iaitu memberikan perkhidmatan kepada ahli-ahli dan ahli-ahli yang berkeinginan sama ada warganegara tempatan dan yang menjalani latihan di Negara Brunei Darussalam.

Manfaat yang diperolehi secara terus melalui

pusat itu, jelas beliau, termasuk Mengendalikan Penilaian Tahap Kecekapan Yang Profesional (APC) di negara ini; perhubungan yang cepat dan terus dengan para pegawai yang berada di Ibu Pejabat RICS khususnya perkara yang berkaitan dengan kelayakan dan pendidikan; perkhidmatan yang tumpuan utama di mana semua ahli boleh berkongsi idea dan berkhidmat bagi pusat tempatan di dalam aktiviti pertubuhan Kemajuan Profesional Yang Berterusan

(CPD).

Majlis Makan Malam itu merupakan sumbangan Hongkong And Shanghai Banking Corporation Ltd.

Pelancaran Pusat RICS di negara ini merupakan permulaan yang baru bagi penglibatan profesional-tempatan yang terlibat dalam kerja-kerja pengukuran tanah, penilaian, harta tanah dan isu-isu persekitaran sebagai mencapai visi mereka iaitu 'to be the mark of property professionalism worldwide'.

Maklumat penting dalam kemajuan



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail menyaksikan pameran sejour melancarkan dua buah buku semasa Minggu Maklumat UBD 2004. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ASEAN Ke-8

BANDAR SERI BEGAWAN. - Timbalan Menteri Kewangan Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Dato Paduka Haji Yakub bin Abu Bakar telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ASEAN Ke-8 di Republik Singapura pada 6 dan 7 April 2004.

Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ASEAN Ke-8 dibuka rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong pada 7 April 2004. Tuan Yang Terutama juga memberikan jamuan makan malam di Istana bagi mengalu-alukan Menteri-menteri Kewangan ASEAN.

Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ASEAN Ke-8 dipengerusi oleh Menteri Kewangan Kedua Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lim Hng Kiang, yang mana mesyuarat kali ini telah memberikan tumpuan terhadap perkara-perkara yang telah diperseutujui oleh Ketua-ketua Negara ASEAN, iaitu antara lain Petajalan bagi Integrasi Monetari dan Kewangan ASEAN di bidang perkembangan pasaran modal, liberalisasi akaun modal dan liberalisasi perkhidmatan kewangan dan seterusnya menilai pencapaian kerjasama kewangan ASEAN dalam bidang perkastaman, insurans dan percukaian.

Mesyuarat juga meneliti perkembangan dan

prospek ekonomi serantau yang semakin menggalakan serta pencapaian kerjasama ASEAN + 3, iaitu negara-negara ASEAN dengan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea seperti di bidang Chiang Mai Initiative dan Asian Bond Market Initiative.

Menteri-menteri Kewangan ASEAN juga mengadakan perjumpaan informal semasa retreat di Sentosa pada 6 April 2004 sebelum mesyuarat rasmi Menteri-menteri Kewangan ASEAN diadakan pada 7 April 2004, yang mana kesimpulan hasil mesyuarat dimuatkan dalam kenyataan bersama Menteri-menteri Kewangan ASEAN selepas mesyuarat berakhir.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN URUSAN HAJI, KEMENTERIAN HAL-EHWAL UGAMA (Bahagian Kebajikan Jemaah) BAHAGIAN I

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Mengendalikan Taklimat dan Pemeriksaan Kesihatan Haji Proses-proses yang terlihat : * Menghadapkan tarikh-tarikh rancangan mengadakan Taklimat Kesihatan dan Pemeriksaan Kesihatan bagi bakal-bakal jemaah haji kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan sebagaimana Rancangan Kerja Tahunan Jabatan Urusan Haji	3 bulan sebelum tarikh perancangan
2.	Mesyuarat dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.	1 bulan sebelum Taklimat Kesihatan dan Pemeriksaan Kesihatan diadakan

TUNGKU, 5 April. - Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman berkata, Minggu Maklumat UBD ialah untuk memperkukuhkan pentingnya maklumat di dalam kemajuan kita dalam semua bidang. Sehubungan itu, Perpustakaan UBD juga memainkan peranan yang penting di dalam menyebarkan maklumat yang betul kepada pengguna.

Beliau berharap para pengguna perpustakaan akan terus berkunjung ke perpustakaan walaupun sudah meninggalkan universiti dan menjadikannya sebagai kebiasaan dalam kehidupan.

Beliau menyatakan perkara itu di Majlis Perasmian Minggu Maklumat UBD 2004 Ke-2 yang berlang-

Oleh
Haji Ahmad HS

sung di universiti berkenaan.

Menurut beliau, penyelidikan telah menunjukkan bahawa terdapat 90 peratus penuntut universiti memperoleh pengetahuan mereka melalui penyelidikan dan ketika berehat dalam bilik darjah.

Perpustakaan UBD, jelas beliau, ialah modal terhadap fakta dan kebenaran bagi para pengguna teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, terutama dalam penyelidikan.

Di majlis itu, beliau juga melancarkan dua buah buku bertajuk 'Bibliografi Mengenai Isu Sosial Di Negara Brunei Darussalam' yang disusun oleh Dayang Mer-

hane binti Mohd. Salleh dan 'Index To UBD Periodicals' yang disusun oleh Awang Mohammad Haji, Pegawai Perpustakaan UBD.

Sempena Minggu Maklumat UBD 2004, beberapa acara lain turut diadakan termasuk pameran buku-buku daripada jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat kedai buku, mini ceramah dan seminar yang dilangsungkan bermula 12 April di Perpustakaan UBD.

Minggu Maklumat UBD 2004 bertujuan mewujudkan kesedaran betapa pentingnya maklumat dalam membantu keperluan para akademik, orang perseorangan, organisasi dan masyarakat, di samping memberikan bantuan kursus kemahiran maklumat di bawah program perkembangan pembelajaran penuntut.

SUBURKAN SEMANGAT KESUKARELAWAN

KESUKARELAWAN atau kegiatan sukarela berkait rapat dengan konsep bantu-membantu, bergotong-royong atau 'memucang-mucang' mengikut istilah kitani. Semuanya dilakukan secara ikhlas tanpa mengharapkan sesuatu faedah atau habuan.

Semangat kesukarelawan sebenarnya memang wujud dalam masyarakat Brunei dan menjadi salah satu tradisi dan cara hidup sejak dahulu lagi. Orang kitani memang terkenal dengan sikap bertolong-tolongan, bantu-membantu antara satu sama lain terutama kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Semangat seperti ini di zaman lampau sangat menyerlah didorong oleh suasana dan keadaan pada ketika itu. Ketika ini pun semangat sedemikian masih wujud cuma bentuk dan caranya sudah berubah mengikut perubahan semasa. Kalau dahulu biasanya bantuan atau pertolongan disumbangkan melalui tenaga atau berbentuk barangan seperti beras dan keperluan dapur yang lain tetapi sekarang dalam banyak keadaan kita lebih mudah menghulurkan sumbangan berbentuk kewangan.

Orang kitani pada masa dahulu memucang-mucang untuk membina rumah, jambatan, tetarak dan seumpamanya. Suasana sedemikian akan lebih dapat kita saksikan terutamanya semasa majlis-majlis suka-duka, kenduri-kendara, perkahwinan dan kematian.

Dalam membantu keperluan tempat tinggal untuk orang susah atau orang kurang upaya umpamanya, orang kitani pada masa dahulu akan bermuafakat mengutip derma di kalangan masyarakat setempat, 'beramu' ke hutan untuk mendapatkan bahan-bahan binaan dan seterusnya memucang-mucang untuk membina.

Ketika ini sesuai dengan suasana moden, kita lebih mudah menghulurkan wang untuk membeli keperluan binaan yang dikehendaki dan mengupahkannya kepada kontraktor. Dalam keadaan-keadaan tertentu masih ada juga masyarakat kitani yang membina rumah bagi keperluan orang kurang upaya dan aktiviti berkebajikan yang lain secara memucang-mucang.

Memucang-mucang dan tolong-menolong memang dituntut oleh ajaran agama Islam dan agama lain. Budaya sedemikian juga sejajar dengan obligasi moral dan tanggungjawab kemanusiaan. Masyarakat sejagat tanpa mengira bangsa dan agama juga mengamalkan budaya membantu sama ada melalui tabung-tabung bantuan kemanusiaan serantau dan antarabangsa atau bantuan persendirian.

SUKARELAWAN

FOKUS kita kali ini ingin berkongsi semangat dan maklumat mengenai usaha Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dalam menganjurkan Seminar Mengenai Kesukarelawan pada 3 April 2004 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seminar yang diketendalikan oleh Yayasan MENDAKI Singapura itu antara lain bertujuan untuk mengadakan skim kesukarelawan di negara ini khususnya bagi membolehkan mereka yang berhasrat atau berminat untuk menjadi sukarelawan tampil ke hadapan bagi sama-sama menyumbangkan khidmat bakti dalam aktiviti-aktiviti berkebajikan terutamanya dalam perkhidmatan masyarakat.

Melalui cara sedemikian mereka akan dapat bekerjasama dengan YSHHB untuk menyumbangkan dalam pelbagai bentuk kepakaran, tenaga, kewangan dan lain-lain bagi sama-sama menjayakan projek dan aktiviti YSHHB secara sistematik dan berkesan.

Ia juga selaras dengan hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB pada 30 November 2003 yang antara lain menekankan:

"... Beta berharap, para profesional muda akan dapat menyeluk hasrat ini, untuk bagaimana sama-sama dapat memberikan perkhidmatan sukarela dalam bentuk-bentuk yang sesuai dengan kepakaran masing-masing, tidak semestinya dalam bentuk mata benda, tetapi mungkin nasihat atau tunjuk ajar bagi meningkatkan kemahiran atau menambahkan pendapatan masyarakat yang berhajat.

"Dalam hal ini, beta gembira, bahawa salah satu dari pendekatan untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk, maka Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mengambil langkah menerusi pelaksanaan rancangan-rancangan dan projek-projeknya dengan membentuk perkongsian yang berkesan (effective partnership) dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Maka ke arah ini, pada hemat beta, para profesional muda jika mereka mahu, boleh saja tampil menjadi 'strategic partner' kepada Yayasan beta itu."

Seminar tersebut bertepatan sekali dengan hasrat baginda terutama dalam meningkatkan kesedaran masyarakat di negara ini untuk melibatkan diri dengan kegiatan sukarela terutama dalam membantu mereka yang memerlukan.

Adalah juga diharapkan hasil seminar yang dihadiri oleh kira-kira 1,000 peserta dari agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, badan-badan perniagaan dan perusahaan, pertubuhan dan persatuan serta orang perseorangan akan dapat dimanfaatkan dan disebarluaskan kepada masyarakat umum.

Hasrat yang sama juga dilahirkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa berkenan merasmikan Seminar Kesukarelawan tersebut yang antara lain bersabda:

"... Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada berbagai pihak yang telah berterusan menghulurkan bantuan kepada golongan yang daif dan susah ini.

"Kesungguhannya penglibatan mereka itu mengukuhkan lagi semangat dan budaya pemedulian di kalangan bangsa kita. Ianya sangat mustahak untuk mengusahakan aplikasi semangat dan budaya pemedulian itu secara sistematik supaya dapat lebih mendatangkan kesan dan kemanfaatan."

SISTEMATIK

Seperti yang kita maklumi, masyarakat kini masih lagi mengekalkan budaya bertolong-tolongan di antara satu dengan yang lain. Perkara ini juga dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan orang-orang perseorangan.

Budaya seperti itu harus terus dikekalkan dan diberikan suntikan semangat, di samping dilaksanakan secara lebih terarah dan bersistematik. Perkara itu penting terutama kepada golongan generasi baru atau golongan profesional muda agar mereka mempunyai wadah untuk menabur khidmat bakti mengikut kepakaran masing-masing.

Apa yang diperlukan di sini ialah pembentukan kumpulan pekerja sosial dan tenaga sukarelawan untuk bekerjasama dengan agensi-agensi bantuan yang ada seperti YSHHB, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim termasuklah agensi-agensi lain seperti Baitulmal, Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Pusat Da'wah Islamiah, pertubuhan-pertubuhan sosial seperti KACA, PAPDA dan seumpamanya.

Walaupun agensi-agensi dan pertubuhan-pertubuhan tersebut mempunyai pegawai-pegawai dan kakitangan tetap tetapi dalam keadaan tertentu terutama dalam mengukuhkan program atau projek besar, mereka setentunya memerlukan sukarelawan tambahan

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

sama ada dari segi guna tenaga mahupun kepakaran.

Di sinilah perlunya ada kumpulan atau badan sukarelawan khusus yang dianggotai oleh masyarakat dari pelbagai bidang dan kepakaran. Tidak dinafikan bahawa kita mempunyai badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan kebajikan termasuk pasukan beruniform seperti Pengakap, Pandu Puteri dan Bulan Sabit Merah yang bersedia melaksanakan kerja-kerja sukarela jika diperlukan.

Pada masa yang sama kita juga perlu mempunyai kumpulan sukarelawan terdiri dari golongan profesional seperti doktor, peguam, pendidik, jurutera, akauntan, arkitek, pakar agama, ahli korporat dan seumpamanya. Mereka ini sangat penting dan perlu sama-sama menyumbangkan kepakaran masing-masing.

Kita tidak mengatakan selama ini mereka tidak memberikan sumbangan. Mereka mungkin menyumbang melalui agensi-agensi di mana mereka berkhidmat atau di kawasan-kawasan tempat tinggal mereka. Apa yang kita maksudkan di sini ialah secara berkumpulan dan berpersatuan dalam satu wadah khusus 'Kumpulan Sukarelawan'.

Sebagai contoh satu ketika dahulu kitani biasa mendengar 'Sukarelawan Bomba' ditubuhkan hampir di setiap kampung untuk membantu Pasukan Bomba dalam menangani musibah kebakaran. Begitu juga 'Ahli Kejiranan Kampung' yang bersedia membantu Pasukan Polis dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Kedua-dua kumpulan sukarela ini begitu aktif dan menyerlah suatu ketika dahulu dengan pelbagai kegiatan dan aktiviti. Kita percaya ia masih wujud tetapi menghendaki suntikan semangat untuk kembali aktif semula.

PROFESIONAL

Kita ingin melihat anggota 'pasukan sukarelawan' terdiri dari pakar-pakar dan cendekiawan yang berpengalaman dan berkemahiran di seluruh pelusuk negara. Pada bila-bila masa mereka bersedia membantu memberikan khidmat nasihat dan kepakaran dalam mengerjakan projek-projek berkebajikan atau kepada kumpulan dan individu yang memerlukan.

Secara khusus jika ia seorang pakar di bidang pertanian, dia secara sukarela boleh membantu masyarakat untuk meneroka dan memajukan industri pertanian. Jika ia seorang pengurus yang berkaliber dia, boleh membantu meningkatkan organisasi yang berkehendak. Begitu juga jika ia pakar dalam dunia perniagaan, dia boleh membantu peniaga dan pengusaha yang baru hendak bertapak.

Terlalu banyak yang boleh disumbangkan secara sukarela kepada negara dan masyarakat. Yang penting mungkin mereka memerlukan wadah atau 'team' secara khusus supaya sumbangan dapat dibuat dengan lebih bersistematik, terarah dan efektif.

Ketika ini pun kerja-kerja sukarela boleh disumbangkan melalui agensi-agensi dan badan-badan kebajikan yang ada. Secara mudah kita boleh melibatkan diri dalam badan-badan kebajikan yang sedia ada. Di kampung ada persatuan belia, ada Kejiranan Kampung, ada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, ada Jawatankuasa Takmir Masjid, ada koperasi kampung dan banyak lagi.

Pendek kata, jadikan diri kita seorang 'dermawan dan sukarelawan'.

Oleh
Ak. Jeffery PD

Berhati-hati membeli barangan terpakai

GADONG, 6 April- Pengusaha syarikat barangan terpakai di negara ini diingatkan agar berhati-hati terhadap barangan jualan mereka yang mungkin diperolehi daripada orang yang terbit dalam pencurian barangan yang dijual kepada mereka.

Perkara ini diingatkan kepada pengusaha berikutan kerap berlakunya kecurian wayar telefon, peralatan elektrik, besi atau aluminium serta kabel yang berkemungkinan dijual kepada mereka yang menjalankan perniagaan barangan terpakai.

Sehubungan dengan itu para pengusaha atau pemilik syarikat yang terbit harus menyedari bahawa tidak semua barangan terpakai yang ditawarkan kepada mereka dari orang yang tidak dikenali merupakan besi-besi buruk kerana besar kemungkinan ia merupakan barangan yang dicuri.

Perkara itu dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Awang Peng Eng Lee dalam sesi taklimat mengenai perniagaan barangan terpakai di Jhu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, di sini.

Beliau seterusnya menyarankan agar kesemua pengusaha syarikat supaya memastikan dan memeriksa barangan yang ditawarkan kepada mereka selain memastikan dari mana barangan tersebut diperolehi dan jika terdapat kesangsian dari maklumat yang dinyatakan oleh si penawar maka pengusaha hendaklah segera membuat laporan dan melaporkan kepada pihak polis.

Pada taklimat tersebut beliau juga mengingatkan kepada pengurus syarikat barangan terpakai mengenai tindakan mahkamah mengikut peruntukan undang-undang seperti Akta Kesalahan-kesalahan Kecil dan Kanun Jenayah yang boleh diambil ke atas peniaga jika didapati menerima hasil barangan curi untuk dijual.

Beliau juga menerangkan garis panduan pengendalian perniagaan di mana setiap perniagaan mesti dilesenkan dan ditunjukkan dalam kedai serta memaparkan di luar kedai dengan papan tanda 'Licensed Dealer In Second-Hand Goods' yang dibuat daripada kayu (2'6"X2") dan

dicat putih ditulis dalam huruf hitam di samping pengusaha juga dilarang untuk membeli atau menjual sebelum 7.00 pagi atau selepas 9.00 petang.

Adalah menjadi kesalahan sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi dan denda \$1,000 bagi kesalahan pertama, \$5,000 atau penjara enam (6) bulan bagi kesalahan kedua dan seterusnya akan dikenakan.

Pengusaha atau pengurus syarikat juga hendaklah menyimpan buku catatan mengandungi maklumat pembelian barang (Purchased Ledger) seperti butir-butir barang yang dibeli (bentuk, berat), tarikh membeli, harga beli, nama dan alamat penjual, serial number dan nombor kereta (Police Requirement)

Peniaga juga hendaklah menyimpan buku catatan mengandungi maklumat penjualan barang (Sales Ledger) seperti butir-butir barang yang dijual (bentuk, berat), tarikh jual, harga jual, nama dan alamat pembeli, serial number seperti di purchased ledger, nombor kereta (Police Requirement)

Buku-buku berkenaan

mestilah ditunjukkan untuk pemeriksaan pada bila-bila masa di antara jam 7.00 pagi hingga 9.00 malam apabila diminta oleh pihak yang berkuasa.

Mana-mana pengusaha atau pengurus syarikat yang gagal mematuhi peraturan tersebut di atas akan dikenakan denda sebanyak \$500.00 bagi kesalahan pertama dan \$2,500.00 atau penjara tiga (3) bulan bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Maklumat mengenai barang-barang curi atau hilang akan dibekalkan oleh pihak polis ke semua second-hand dealers atau pengurus barangan terpakai, sekiranya barang-barang tersebut ada dijual atau terdapat di tempat mereka, pengurusnya dengan segera hendaklah memaklumkan kepada pegawai polis atau balai polis yang berdekatan dengan memberikan nama, alamat dan nombor kereta si penjual barang tersebut.

Pengurus juga mempunyai kuasa menahan orang yang disyaki menjual barang-barang curian sementara menunggu ketibaan polis dan jika didapati

para pengurus atau pengusaha syarikat gagal memberikan maklumat berkenaan mereka boleh didenda sejumlah \$1,000.00.

Beliau seterusnya menjelaskan mana-mana anggota polis yang berpangkat tidak rendah daripada pangkat sarjan dan mana-mana anggota polis yang dibenarkan secara tulis oleh pegawai melesen maka mereka ini berhak masuk ke kedai 'Second-Hand Dealers' semasa waktu perniagaan dan menggeledah tanpa waran kalau disyaki terdapat barang-barang curi atau hilang di dalam kedai berkenaan.

Mereka juga boleh menahan sesiapa yang berlegar-legar di sekitar kedai tersebut yang disyaki mempunyai barang-barang curi dan jika orang yang disyaki enggan diperiksa dan menyerahkan barang-barang yang disyaki dicuri atau hilang mereka boleh dibawa ke hadapan hakim untuk mendapatkan arahan untuk diperiksa.

Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, pada sesi taklimat tersebut juga menerangkan mengenai barang-barang yang di-

tegah untuk diterima seperti kabel elektrik, kabel telefon, keratan aluminium railings; pintu substitution, rod besi bas stop, papan tanda jalan; stop-look-go signs, no parking signs dan arrow signs.

Memiliki barang-barang yang disyaki dicuri dan gagal menjelaskan bagaimana barang tersebut diperolehi juga dikenakan denda sebanyak \$2,000.00 atau penjara tiga (3) bulan, sementara memiliki barang curi dan tahu mengenai barang tersebut adalah barangan curi hukumannya ialah denda \$2,500.00 atau penjara tiga (3) bulan, manakala pernah dihukum dengan kesalahan yang relevan boleh didenda \$10,000.00 atau penjara dua (2) tahun.

Sementara itu jika gagal melaporkan kepada pihak polis mengenai dengan barang-barang yang disyaki dicuri yang terdapat dalam senarai yang telah diberikan oleh pihak polis dan barangan tersebut berada di tempat pengusaha atau pengurus wang hukumannya adalah denda sebanyak \$5,000.00.

Mana-mana pengusaha atau pengurus syarikat dan pajak gadai yang mengubah

atau mencairkan barang-barang curi seperti emas, perak, besi dan sebagainya tanpa kebenaran Pesuruhjaya Polis adalah menjadi kesalahan dan berhak dihukum denda sebanyak \$5,000.00 atau penjara enam (6) bulan.

Sesiapa yang menerima barang-barang curi tersebut juga akan dihukum penjara selama tiga (3) tahun atau denda atau kedua-duanya sekali sementara menerima barang curi melibatkan rompakkan berkumpulan akan menerima hukuman penjara 15 tahun dan denda.

Terlibat menerima barang curi pula akan dikenakan hukuman penjara 10 tahun dan denda, sementara membantu menyembunyikan barang curi pula akan dihukum penjara selama lima (5) tahun dan denda.

Tujuan taklimat diadakan adalah untuk memaklumkan kepada pihak berkenaan mengenai tanggungjawab yang harus diambil oleh para pengusaha dan pengurus syarikat di negara ini agar tidak terlibat sama dalam melakukan jenayah di samping dapat bekerjasama menghupuskannya di negara ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berangkat ke Istiadat Mengurniakan Gelaran Pehin Manteri di Bangunan Lapau.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria, Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz (kiri).

Liputan Haji Ahat Haji Ismail Gambar-gambar oleh Haji Haranadi HB, Harun HR, Halim HS, Abdullah HAD dan Pengiran Rafee PDPHM

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat masuk ke Bangunan Lapau (atas kiri sekali).

BAGINDA bersama kerabat-kerabat diraja duduk di tempat khas bagi Istiadat Mengurniakan Gelaran Pehin Manteri (atas kiri).

BAGINDA ketika berangkat mengurniakan gelaran Pehin Manteri kepada empat orang penerima (kanan).

YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Awang Yakub menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda (kiri).

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menapakkan Gangsa Sireh ke atas kepala Kolonel Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani (bawah).

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menapakkan Gangsa Sireh di atas kepala Dato Paduka Awang Haji Dani (bawah kanan).



Disaksikan oleh Awang dan dan cakan mulakan Haji Hafiz. Yang Pehin Kerna Dato Seri Haji menjunjung hadapan Duli Yang Istana menyuaran Pehin an kepada Paduka Seri Paduka Seri Pehin Pahlawan Berhormat Kaya Dato Awang sebelum dian mulakan Sireh ke kiri Kolonel Awang Rahmani. Kemudian cakan Awang manak

ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN PEHIN MANTERI



Dari muka 1

as itu
udim
Latif
diba-
Di-
hatib
i Al-

ukan
laha-
aduka
akub
ke
awah
lia.

sama
a de-
lejar-
Dato
Haji
Dato
enja-
ukan
Seri
Yang
rang
awan
Haji
uk di
kemu-
angsa
a dan
epala
aduka
Abdu'r

diba-
Haji
kasra,
lamat

dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Emran.


Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman kemudian menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Istiadat Mengurniakan Gelaran Pehin Manteri selanjutnya ialah bagi Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim yang menjadi Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menapakkan Gangsa Sireh ke bahu kanan dan kiri serta atas kepada Dato Paduka Awang Haji Dani.

Disusuli selepas itu dengan bacaan chiri oleh Mudim Awang Haji Amran dan doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mustafa.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji

YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kanan).



Ibrahim seterusnya menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Setelah itu, istiadat pengurniaan gelaran selanjutnya ialah bagi Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjadi Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menapakkan Gangsa Sireh ke bahu kanan dan kiri serta atas kepala Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi.

Diikuti pula dengan bacaan chiri oleh Mudim Awang Haji Tamin dan doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi

kemudian menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Terdahulu sebelum istiadat-pengurniaan gelaran itu berlangsung, Istiadat Mengambil Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub, Kolonel Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman, Dato Paduka Awang Haji Dani dan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi telah berlangsung di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiyah.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas mengepalai rombongan mengambil Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub di No. 591, Simpang 585, Kampong Dato Gandhi, Jalan Kota Batu.

Yang Dimuliakan Pehin

Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman mengepalai rombongan mengambil Kolonel Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman di No. 10, Simpang 514, Kampong Beribi, Jalan Gadong.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Awang Abu Hurairah mengepalai rombongan mengambil Dato Paduka Awang Haji Dani, di No. 7, Simpang 66-67-9, Kampong Bengkurong.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Tahir mengepalai rombongan mengambil Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi di No. 18, Simpang 472, Kampong Sungai Tiling, Jalan Muara.

Keempat-empat Pehin Man-

teri yang mengepalai rombongan mengambil diiringi oleh beberapa orang Pehin-pehin Manteri di bawahnya dan Manteri-manteri Hulubalang berserta alat-alat kebesaran diraja yang terdiri empat pedang dan empat tombak masing-masing menuju ke tempat kediaman empat bakal Pehin Manteri yang akan dikurniakan gelaran.

Juga berangkat dan hadir di istiadat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang, Manteri-manteri Pedalaman, Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Setiausaha-setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda (atas kiri).

YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda (atas).

YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna merapak sembah ke hadapan majlis baginda (bawah kiri sekali).

YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman merapak sembah ke hadapan majlis baginda (bawah kiri).

YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani merapak sembah ke hadapan majlis baginda (bawah tengah).

YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi merapak sembah ke hadapan majlis baginda (bawah).



Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia - Eropah Ke-6 (ASEM-FMM6)

Berangkat hadir Mesyuarat Menteri Luar ASEM

DUBLIN, Republik Ireland, 16 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Dublin kira-kira 7.05 malam waktu setempat bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia-Eropah Ke-6 (ASEM-FMM6) yang akan diadakan di Hotel Kildare and Golf Club kira-kira 27 kilometer dari Dublin, ibu negara Republik Ireland.

Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh para pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London.

Mesyuarat dua hari itu bermula pada 17 hingga 18 April dan dihadiri oleh Menteri Luar dari 10 buah negara-negara Asia dan 15 negara-negara Eropah, Perserikatan Perhubungan Luar Suruhanjaya Eropah dan wakil-wakil dari Majlis Kesatuan Eropah.

Negara-negara Asia yang menjadi anggota ASEM ialah Negara Brunei Darussalam, China, Republik Indonesia, Jepun, Malaysia, Republik Filipina, Republik Korea, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Sementara anggota ASEM dari Eropah pula terdiri daripada Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Ireland, Itali, Luxembourg, Netherlands, Portugal, Sepanyol, Sweden dan United Kingdom.

Mesyuarat itu akan dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Republik Ireland, Tuan Yang Terutama Brian Cowen T.D.

Antara agenda Mesyuarat ASEM-FMM6 itu dijangka tertumpu mengenai perkembangan proses damai Timur Tengah, ketegangan di Iraq, isu Kesatuan Eropah meningkatkan strategi dan pendekatan tegas di rantau Timur Tengah dan Mediterranean.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar China, Tuan Yang Terutama Li Zhaoxing di Hotel Kildare Club.



gangan di Iraq, isu Kesatuan Eropah meningkatkan strategi dan pendekatan tegas di rantau Timur Tengah dan Mediterranean.

Di samping itu, mesyuarat juga akan memberikan penumpuan kepada beberapa isu yang menjadi perhatian bersama bagi Asia-Eropah, di samping membincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan lagi kerjasama kedua-dua buah rantau tersebut.

Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia-Eropah Ke-5 yang lalu telah diadakan pada bulan Julai, 2003 di Bali.

ASEM merupakan forum dialog informal membincangkan kerjasama politik, ekonomi, sosial dan budaya, di samping memupuk perhatian terhadap isu antarabangsa, serantau dan kegiatan kerjasama negara-negara sekutunya.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri adalah antara Menteri Luar ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah ketika berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Dublin, Republik Ireland bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Hal Ehwal Luar Asia-Eropah Ke-6 (ASEM-FMM6).

Asia - Eropah bina kerjasama yang lebih komprehensif

DUBLIN, Republik Ireland, 17 April. - Para Menteri Luar Asia-Eropah hari ini mengadakan mesyuarat pertamanya melalui dua mesyuarat yang berasingan iaitu Mesyuarat Menteri-menteri Luar bagi Negara-negara Asia dan Mesyuarat Menteri-menteri Kesatuan Eropah.

Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, adalah antara Menteri Luar ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia, di samping tiga rakan Asia yang lain iaitu Jepun, Korea dan China.

Mesyuarat Menteri Luar Asia itu merupakan persiapan awal kepada Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia-Eropah Ke-6.

Para Menteri Luar Asia di mesyuarat itu antaranya membincangkan beberapa isu yang menjadi perhatian bersama bagi Asia dan Eropah dengan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi kerjasama antara kedua-dua buah rantau tersebut.

Sementara itu di tempat yang berasingan perwakilan dari 15 buah negara Kesatuan Eropah juga mengadakan mesyuarat yang sama bagi persiapan awal kepada Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia-Eropah Ke-6 dengan membincangkan beberapa isu bagi kepentingan bersama dalam mengukuhkan hubungan antara kedua-dua benua dalam era global, sekutu dalam ASEM dan berusaha untuk mencapai sasaran yang sama iaitu mengekalkan, meningkatkan dan menstabilkan keamanan, di samping meningkatkan keadaan yang

lebih kondusif dalam perkembangan berdaya tahan di bidang ekonomi dan sosial.

Asia dan Eropah hingga ke hari ini berusaha untuk membina kerjasama yang lebih komprehensif yang berorientasikan kerjasama masa hadapan dalam menghadapi cabaran dan menjadikannya sebagai suatu peluang bersama.

ASEM merupakan forum dialog informal yang membincangkan kerjasama politik, ekonomi, sosial dan budaya, di samping memupuk perhatian terhadap isu antarabangsa dan serantau dan kegiatan kerjasama negara-negara sekutunya.

Dalam meningkatkan kerjasama pelbagai bidang melalui Sidang Kemuncak pertamanya di Bangkok pada tahun 1996, Sidang Kemuncak Ke-2 di London pada tahun 1998, Sidang Kemuncak Ke-3 di Seoul, Korea pada tahun 2000 dan Sidang Kemuncak Ke-4 di Copenhagen, Denmark tahun 2002, Sidang Kemuncak Ke-5 akan diadakan di Viet Nam itu juga akan terus menekankan kepentingan untuk meningkatkan dialog dalam ASEM khususnya mengenai isu-isu sejagat.

Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEM diadabulkan dengan mesyuarat pegawai-pegawai kanan yang juga bermula pada 16 April lalu.

Adakan perjumpaan bersama Menteri Luar China

DUBLIN, Republik Ireland, 17 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Zhaoxing yang berlangsung di Hotel

Kildare and Golf Club.

Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama berada di sini bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia-Eropah Ke-6 (ASEM-FMM6).

Di perjumpaan tersebut, kedua-dua pemimpin telah membincangkan isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan China, di samping itu, ke-

Liputan Aladdin HM
Gambar-gambar oleh
Masri Osman dari Dublin, Republik Ireland

Memperbaiki hubungan politik, ekonomi

DUBLIN, Republik Ireland, 17 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, telah berkenan berangkat bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia-Eropah Ke-6 (ASEM-FMM6) yang berlangsung di Hotel Kildare and Golf Club di sini.

Menteri Hal Ehwal Luar Republik Ireland, Tuan Yang Terutama Brian Cowen T.D. merasmikan mesyuarat dua hari itu.

Sejurus selepas majlis perasmian Mesyuarat ASEM-FMM6 itu, Duli Yang Teramat Mulia beserta para Menteri Luar Asia-Eropah merakamkan gambar kenangan di ruang sidang akhbar yang berdekatan.

Di sesi pertama plenary itu, para Menteri Luar Asia dan Eropah telah bertukar pandangan mengenai pelbagai isu serantau dan antarabangsa yang menjadi perhatian bersama.

Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asia-Eropah ini merupakan salah satu dari mesyuarat-mesyuarat utama dalam proses ASEM ke arah memperbaiki hubungan politik, ekonomi dan kerjasama sejak tahun 1996.

Antara isu-isu hangat yang dibincangkan di mesyuarat itu tertumpu mengenai perkembangan politik terkini di rantau

Asia dan Eropah, selain membincangkan mengenai perkembangan proses damai di Timur Tengah, ketegangan di Iraq, isu Kesatuan Eropah meningkatkan strategi dan pendekatan tegas di rantau Timur Tengah dan Mediterranean.

Mesyuarat yang juga memberikan penumpuan kepada isu yang menjadi perhatian bersama bagi Asia-Eropah, di samping membincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan lagi kerjasama kedua-dua rantau tersebut.

Pertemuan tersebut penting bagi Asia-Eropah yang mencerminkan wujudnya kerjasama antara kawasan dua benua ke arah menajana hubungan persefahaman dan memberikan pandangan yang bermanfaat demi kepentingan negara-negara Asia dan Eropah.

Dunia pada masa kini mengambil perhatian terhadap perkembangan di rantau Asia Tenggara melalui pelbagai bidang kerjasama khususnya dalam bidang ekonomi yang dirangka melalui Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan juga melalui pertubuhan ASEAN.

Melalui pelbagai kerjasama berkenaan telah membuka mata negara-negara Kesatuan Eropah untuk menjalin hubungan kerjasama khususnya di bidang politik, perdagangan dan bidang-bidang yang mempunyai kepentingan bersama.

land, Tuan Yang Terutama Brian Cowen T.D.

Di majlis itu juga para Menteri Luar Asia-Eropah telah membincangkan isu luas tertumpu kepada temanya 'Bagaimana Asia-Eropah Mampu Mengembangkan Order Antarabangsa Berasaskan Keberkesanan Pelbagai Hala' (How We Can Sustain and International Order Based On Effective Multilateralism).

Istiadat Mengagai bagi empat lagi yang dikurniakan gelaran Pehin Manteri

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 April.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan gelaran Pehin Manteri kepada empat orang yang bermula dengan Istiadat Mengagai di Lapau, di ibu negara dekat sini.

Istiadat Mengagai itu dilangsungkan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Istiadat bermula dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan untuk memulakan Istiadat Mengagai kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz yang kemudiannya



PEHIN-PEHIN Manteri yang disabdakan untuk mengepalai rombongan bagi Majlis Mengagai empat lagi yang dikurniakan gelaran Pehin Manteri.



AWANG Goh King Chin ketika membaca pengakuan penerima kurnia gelaran di Istiadat Mengagai yang berlangsung di rumahnya di Simpang 813, Kampong Jangsak, Jalan Gadong.



AWANG Haji Osman bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Said menyerahkan pengakuan penerimaan kurnia gelaran kepada Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar.

**Liputan Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh
Abdullah HAD, Halim HS,
Haji Masmaleh HMA
Pg. Rafee PDPHM, Hamadi HM,
dan Mohd. Zul-Izzi HD**

menyampaikan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menyabdakan istiadat dimulakan dan seterusnya Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bersabda supaya Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Awang Onn Siew Siong, Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Kornia Diraja Awang Ng. Teck

Hock, Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar dan Yang Dimuliakan Pehin Dato Pekerma Jaya Leftenan Kolonel Awang Mohd. Tawih bin Abdullah mengepalai rombongan bagi Majlis Mengagai.

Keempat-empat yang akan mengepalai rombongan mengagai itu dipanggil mengadap ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan seterusnya bersabda menyampaikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai dengan hasrat baginda untuk menyampiri gelaran kepada Awang Goh King Chin, Awang Lau Ah Kok, Awang Haji Osman bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Said, dan Awang Haji Muhd. Ali bin Abdullah Hitam bakal menjadi Pehin Manteri.

Rombongan yang mengepalai Istiadat Mengagai itu kemudiannya meninggalkan Bangunan Lapau disertai masing-masing oleh beberapa orang Pehin-pehin Manteri yang di bawahnya dan Manteri-manteri Hulu-balang menjunjung anugerah untuk menuju ke tempat kediaman bakal Pehin Manteri berkenaan.

Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Awang Onn Siew Siong menjunjung anugerah menuju ke tempat kediaman Awang Goh King Chin di Simpang 813, Kampong Jangsak, Jalan Gadong.

Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Kornia Diraja Awang Ng. Teck Hock pula mengepalai rombongan menuju ke tempat kediaman Awang Lau Ah Kok di No. 222, Kampong Sungai Akar, Kilometer 9 Jalan Muara, Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar mengepalai rombongan ke tempat kediaman Awang Haji Osman bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Said, di No. 6,

Simpang 625-81, Kampong Madewa, Jalan Tutong.

Sementara rombongan yang dikepalai oleh Yang Dimuliakan Pehin Dato Pekerma Jaya Leftenan Kolonel Awang Mohd. Tawih menuju ke Rumah Persinggahan Kerajaan, Bandar Seri Begawan bagi mengagai Haji Muhd Ali.

Selepas menyampaikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengurniakan gelaran Pehin Manteri kepada mereka yang hendak disampiri gelaran, keempat-empat rombongan itu kemudiannya kembali ke



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berangkat ke Istiadat Mengagai yang berlangsung di Lapau ibu negara.



AWANG Lau Ah Kok semasa menyerahkan pengakuan penerimaan kurnia gelaran kepada Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Kornia Diraja Awang Ng. Teck Hock.

Lapau dan menyampaikan pengakuan penerimaan kurnia gelaran oleh Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Awang Onn Siew Siong dari pengakuan ucapan penerimaan Awang Goh King Chin dan kemudian Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Kornia Diraja Awang Ng. Teck Hock

menyampaikan pengakuan penerimaan bagi Awang Lau Ah Kok.

Setelah itu Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar menyampaikan pengakuan penerimaan bagi Awang Haji Osman dan Yang Dimuliakan Pehin Dato Pekerma Jaya

Leftenan Kolonel Awang Mohd. Tawih menyampaikan penerimaan bagi Awang Haji Muhd. Ali ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Istiadat Mengagai itu kemudian diakhiri dengan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyampaikan bahawa istiadat tersebut selamat sempurna dilaksanakan.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menyabdakan supaya Majlis Mengagai itu ditutup.

Berangkat dan hadir di istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Hulu-balang.



AWANG Haji Muhd. Ali bin Abdullah Hitam yang dikurniakan gelaran di Majlis Mengagai yang berlangsung di Rumah Persinggahan Kerajaan, Bandar Seri Begawan.

DPMM prihatin terhadap sistem pembelajaran dan perkembangan akademik

BERAKAS, 7 April. - Keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di kedua-dua buah sekolah baru-baru ini menunjukkan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap sistem pembelajaran dan perkembangan akademik sekolah-sekolah di negara ini termasuk sekolah-sekolah bukan kerajaan.

Selain itu lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia itu juga merupakan suntikan perangsang bagi pihak-pihak sekolah berkenaan dan agensi-agensi berkaitan untuk terus berusaha meningkatkan mutu pendidikan di negara ini ke taraf kecemerlangan dan berkebolehan untuk berdaya saing dengan negara luar.

Lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dimulakan dengan keberangkatan lawatan ke International School Brunei (ISB) yang terletak berhampiran Kampong Burong Pingai Berakas iaitu bersebelahan dengan Kementerian Pertahanan di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan Pengarah sekolah berkenaan serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah International School Brunei.

Lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia dimulakan dengan sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah International School Brunei, Awang Haji Ahmad disusuli kemudiannya dengan sembah taklimat yang disampaikan oleh Pengarah sekolah berkenaan, Awang David G. Taylor yang menyentuh sejarah penubuhan sekolah tersebut, perkembangan dan pencapaianannya.

Dalam lawatan tersebut Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjung untuk melawat ke bilik-bilik darjah dan menyaksikan secara dekat penuntut-penuntut sekolah berkenaan mengikuti pembelajaran dan mengendalikan aktiviti harian masing-masing.

**Liputan Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh
Harun HR dan Abdullah HAD**

Semasa lawatan itu juga, Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan beramah mesra dan berinteraksi bersama beberapa orang penuntut sekolah tersebut, di samping berkenan pula untuk meninjau kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah itu.

Dari International School Brunei, Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan meneruskan atur cara lawatan ke Jerudong International School (JIS) yang terletak di Jerudong.

Lihat muka 13



SEMBAH ALU-ALUAN ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan mendengar sembah alu-aluan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah International School Brunei (ISB), Awang Haji Ahmad sejurus keberangkatan tiba.



JUNJUNG ZIARAH ... DPMM ketika menerima junjung ziarah sebahagian pelajar sejurus keberangkatan tiba di ISB (atas).

PRIHATIN ... Duli Yang Teramat Mulia prihatin bersama seorang penuntut kindergarten di ISB (kanan).

DPMM kelihatan melewati beberapa buah kelas sebelum mengadakan lawatan ke beberapa buah bilik darjah (bawah kiri).



DPMM ketika berkenan menerima pesambah oleh Pengerusi Lembaga Pengarah ISB, Awang Haji Ahmad di bilik perpustakaan sebagai tanda ingatan sempena lawatan yang bermakna itu (atas kanan).

PESAMBAH ... DPMM ketika berkenan menerima pesambah yang disampaikan oleh wakil pelajar sewaktu lawatan ke bilik darjah di Bahagian Design and Technology (kiri).

GAMBAR KENANGAN ... Lawatan penuh bermakna DPMM ke ISB diakhiri dengan bergambar ramai di hadapan sekolah (kanan).





TERTARIK ... DPMM kelihatan tertarik dengan hasil kerja yang dilaksanakan oleh para pelajar yang menuntut di Jerudong International School (JIS).



DPMM kelihatan disebarkan penerangan oleh seorang guru semasa keberangkatan ke sebuah bilik darjah.



TANDATANGAN ... Sebagai memperingati keberangkatan yang bermakna itu, DPMM berkenan menandatangani plak sebagai tanda kenangan keberangkatan bersejarah.

Dari muka 12

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Jerudong International School, Pengetua sekolah berkenaan, Awang Donald Wilkinson berserta Ahli-ahli Lembaga Pengarah sekolah tersebut.

Dalam lawatan itu Duli

Yang Teramat Mulia telah dijunjung untuk melawat ke bilik-bilik darjah, di samping meninjau secara dekat kemudahan-kemudahan yang disediakan di sekolah tersebut.

Di sepanjang lawatan itu, Duli Yang Teramat Mulia juga telah berkesempatan untuk berinteraksi bersama sebahagian para penuntut sekolah berkenaan sambil disebarkan penerangan ringkas oleh pengetua sekolah tersebut mengenai perkembangan dan pencapaian sekolah tersebut sejauh ini serta perkara-perkara berkaitan dengannya.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia diakhiri dengan Majlis Ramah Mesra dan Santap Tengah Hari bersama pegawai-pegawai dan kakitangan sekolah tersebut, sebahagian penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



KELAS MUZIK ... Dalam lawatan singkat itu, DPMM telah sempat meluangkan masa mendengar alunan muzik yang dipersembahkan oleh sebuah kelas muzik dalam perjalanan meneruskan lawatan ke bilik darjah (atas).

DPMM kelihatan beramah mesra bersama seorang penuntut sambil bersabd mengenai hasil projek yang dibuat (kiri).

GAMBAR RAMAI ... DPMM ketika berkenan mengabadikan kenangan bergambar ramai bersama guru dan sebahagian pelajar JIS (kanan).



LUKISAN seni yang dipamerkan hasil ciptaan pelajar JIS telah menarik perhatian DPMM untuk meluangkan masa menyaksikan seketika.



JUNJUNG ZIARAH ... DPMM ketika berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Lembaga Pengarah JIS dan tenaga pengajar yang sebelumnya dijunjung oleh Menteri Pembangunan yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah JIS, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad sejurus keberangkatan tiba di JIS.



MOU 'Aquatherm Fusiotherm Pipe System'

BERAKAS, 29 Mac. - Ke arah melahirkan penuntut yang berkemahiran program latihan bersama yang dipanggil Memorandum Persefahaman (MOU) 'Aquatherm Fusiotherm Pipe System' di antara Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan Syarikat Aman Setia berlangsung di Kementerian Pembangunan di sini.

Di majlis penandatanganan itu, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal diwakili oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim, manakala Syarikat Aman Setia diwakili oleh pemiliknya, Awang Mohammad Hamdillah Suini.

Majlis itu juga dilaksanakan oleh Setiausaha

Oleh
Haji Ahmad HS

Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Pengiran Haji Othman bin Pengiran Haji Omar selaku tetamu kehormat.

Matlamat penandatanganan MOU itu adalah bagi menubuhkan sebuah program latihan bersama yang memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak dalam rangka melahirkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran.

Antara skop perjanjian itu ialah penghantaran pelatih menjalani latihan di luar negara, bertukar-tukar maklumat dan pengetahuan material berhubung program yang dikendalikan.



MAJLIS Menandatanganan MOU antara Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan Syarikat Aman Setia. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Lawatan sambil belajar ke RBA

BERAKAS, 8 April. - Serombongan 18 orang penuntut dan guru Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait hari ini melakukan lawatan sambil belajar ke Jabatan Kejuruteraan Penerbangan Diraja Brunei (RBA), di Hangar Teknikal RBA.

Sejurus ketibaan, rombongan pelawat dibawa melihat lebih dekat mengenai peranan dan fungsi yang dijalankan di Bengkel Keselamatan Pesawat. Di sana para penuntut telah diberikan taklimat oleh Pengawas Bengkel, Awang Haji Jufri bin Haji Ahmad. Bengkel keselamatan mempunyai enam orang kakitangan yang bertugas memelihara peralatan-peralatan keselamatan pesawat dan menjalankan pemeriksaan secara keseluruhan.

Dari bengkel berkenaan, para pelawat beredar ke Bengkel Mesin yang berfungsi menjalankan pemeliharaan peralatan-peralatan dan membuat pengubahsuaian secara keseluruhan ke atas pesawat-pesawat RBA. Taklimat mengenai peranan dan fungsi bengkel disampaikan oleh Pengawas Bengkel Mesin, Pengiran Latif bin Pengiran Abdullah.

Menurut salah seorang guru Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, tujuan lawatan ialah untuk memberikan pendedahan, pe-



ROMBONGAN penuntut dan guru Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah ketika membuat lawatan ke Jabatan Kejuruteraan RBA. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Pameran Skim Kemudahan Pembiayaan Pendidikan

RIMBA, 24 Mac. - Pameran dan Taklimat Skim Kemudahan Pembiayaan Pendidikan yang dikendalikan oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD) di Dewan Canselor mendapat sambutan para pelajar persendirian.

Pameran dan taklimat tersebut disertai oleh beberapa buah bank di negara ini yang antara lain bertujuan untuk membantu para pelajar terutamanya pelajar persendirian untuk mendapatkan sumber ke-

Oleh
Abu Bakar HAR

wangan bagi pembiayaan pengajian mereka di UBD di samping menggalakkan mereka mengikuti skim berkenaan.

Penyertaan pelajar persendirian ke dalam skim tersebut secara tidak langsung dapat membantu meringankan beban dalam pembayaran yuran pengajian dalam masa yang ditetapkan dan memberi ja-

minan kepada setiap pelajar terbabit untuk menamatkan pengajian masing-masing dengan diberi bantuan elaun sara hidup.

Pelajar-pelajar yang mengikuti skim berkenaan akan berpeluang untuk menikmati beberapa insentif yang ditawarkan oleh pihak bank dalam Skim Kemudahan Pembiayaan Pendidikan sekiranya mereka memperoleh keputusan Kepujian Kelas Pertama atau Kepujian Kelas Kedua Atas.

Perpustakaan UBD sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik

TUNGKU, 12 April. - Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) sentiasa berusaha untuk memainkan peranan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penggunaannya dan sering membuat penilaian terhadap pengguna serta tahap perkhidmatan.

"Ia sepatutnya diteruskan dan dikaji selain merupakan nadi kepada UBD yang memainkan peranan

Oleh Samle HJ

penting dalam mencapai matlamatnya," jelas Timbalan Naib Canselor UBD, Dr. Pengiran Hajah Rahmah binti Pengiran Haji Mohd. Jadid ketika menutup rasmi Minggu Maklumat UBD, di kampus berkenaan di sini.

Dr. Pengiran Hajah Rahmah berkata, ada kala-

Lawatan sambil belajar ke KPSSU

BERAKAS, 13 April. - Seramai 50 orang penuntut dalam jurusan perdagangan Pra U1 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (SOAS) hari ini mengadakan lawatan sambil belajar ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Jalan Menteri Besar di sini.

Sejurus ketibaan penuntut-penuntut dibawa beredat ke Dewan Setia Pahlawan, Kementerian berkenaan bagi sesi taklimat dan soal jawab.

Pemangku Pengarah Bahagian Pengurusan dan Kewangan, KPSSU, Awang Haji Zaini bin Madaros juga hadir dan mengalu-alukan ketibaan para penuntut.

Para penuntut yang disertai dua orang pensyarah diberikan taklimat oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas, Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan, Pengiran Malik bin Pengiran Badarudin yang berkis mengenai fungsi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Jabatan/Bahagian di bawahnya dengan penumpuan kepada peranan, objektif, program kementerian dan perkembangan sektor industri, sumber-sumber utama dan perkhidmatan

Oleh
Haji Ahmad HS

terutama pelancongan dan perdagangan.

Taklimat itu diikuti sesi soal jawab bersama pegawai-pegawai kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Menurut siaran akhbar KPSSU, lawatan tersebut adalah sangat dialu-alukan sebagai wadah untuk menyebarkan maklumat-maklumat di dalam dan luar negeri.

Matlamat KPSSU, tambah siaran akhbar itu ialah untuk memudahkan dan menggalakkan penyertaan aktif anak-anak tempatan dan menarik pelabur-pelabur asing untuk membolehkan pengusaha/perniagaan di Negara Brunei Darussalam mengetahui maklumat terkini melalui penyebaran maklumat yang berterusan.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menganungi beberapa buah jabatan iaitu Jabatan Pertanian, Perhutanan, Perikanan, Badan Kemajuan Industri Brunei, Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Perkembangan Perdagangan dan Bahagian Kemajuan Pelancongan.



PENUNTUT jurusan perdagangan Pra U1 Maktab SOAS ketika mengadakan lawatan sambil belajar ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU). - Gambar oleh Hamadi HM.

nya kualiti maklumat yang tidak menepati menjejaskan pencapaian akademik pelajar justeru untuk memberi maklumat berkualiti kepada setiap pelajar dengan memenuhi tahap jaminan berkualiti dan diiktiraf merupakan matlamat utama.

Di majlis itu, Timbalan Naib Canselor UBD telah menyampaikan sijil penghargaan kepada pence-

ramah, para remaja dan penjual buku serta kepada lima pemenang kuiz sempena aktiviti berkenaan.

Minggu Maklumat yang telah dikendalikan meliputi berbagai-bagai jenis aktiviti termasuk seminar, pameran buku dan jerayawara yang mendapat sambutan yang menggalakkan dari institusi dan kolej swasta serta orang ramai.

ARENA SUKAN



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal berserta lebih 100 peserta menyertai Ekspedisi Berbasikal sempena Hari Air Sedunia. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Ekspedisi Berbasikal sempena Hari Air Sedunia

Oleh Abdullah Asgar

SUKAN berbasikal terus popular di negara ini dengan penglibatan pelbagai pihak untuk meningkatkan dan memajukan sukan berkenaan.

Sempena Hari Air Sedunia 2004 Jabatan Perkhidmatan Air, Kementerian Pembangunan menganjurkan Ekspedisi Berbasikal yang disertai

oleh lebih 100 peminat basikal dari seluruh negara yang dibahagikan kepada dua kategori.

Bagi peserta dewasa berbasikal sejauh 30 kilometer dengan mengelilingi Bandar Seri Begawan, Jalan Sungai Akar-Subok, Lebuhraya Hassanah Bolkiah, Jalan Tutong dan berbalik ke Kementerian

Pembangunan.

Sementara bagi kategori kanak-kanak berbasikal sejauh 15 kilometer mengelilingi Bandar Seri Begawan.

Antara yang menyertai ekspedisi tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji

Marsal dan beberapa orang pegawai kanan kementerian berkenaan.

Ekspedisi tersebut juga mendapat tajaan dari sebuah bank konvensional Standard Chartered dan Triple Star Sendirian Berhad dengan menaja hadiah cabutan tiket bertuah bagi peserta ekspedisi.

Gajah Emas Industries sumbang peralatan sukan

BERAKAS, 10 April. - Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman di antara Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan Gajah Emas Takraw Industries Sendirian Berhad telah berlangsung di Ibu Pejabat Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan di sini.

Menyaksikan majlis penandatanganan berkenaan ialah Dr. Hisham bin Haji Md. Sum, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Pendidikan, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Arsad bin Abdul

Adis menandatangani bagi pihak Jabatan Pendidikan Kokurikulum, sementara Awang Kelvin C.H. Lim menandatangani bagi pihak Gajah Emas Takraw Industries Sendirian Berhad, Malaysia.

Antara lain kandungan Perjanjian Persefahaman meliputi kerjasama antara Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan Gajah Emas Takraw Industries Sendirian Berhad seperti menggunakan alat sukan jenama Gajah Emas yang disumbangkan oleh mereka sebagai alat sukan rasmi yang akan dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Ko-

kurikulum, Kementerian Pendidikan. Sumbangan lengkap dari Gajah Emas Takraw Industries Sendirian Berhad seperti bola, baju, seluar, track suit dan lain-lain bagi Pasukan Sekolah-sekolah Negara Brunei Darussalam yang akan bertanding di peringkat antarabangsa dan juga memberikan sumbangan sama ada dalam bentuk nasihat, tenaga dan material dalam membantu memperkembangkan sukan sepak takraw di Negara Brunei Darussalam seperti Kursus-kursus Jurulatih dan Pengadil.



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Arsad bin Abdul Adis dan Pengarah Urusan Gajah Emas Takraw Industries Sdn. Bhd., Awang Kelvin C.H. Lim ketika menandatangani Perjanjian Persefahaman bagi sumbangan peralatan sukan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KUASAI KEJOHANAN FUTSAL

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 5 April. Kejohanan Bola Sepak Futsal antara kementerian-kementerian yang mempertandingkan kategori terbuka dan veteran akhirnya dikuasai sepenuhnya oleh Kementerian Pembangunan setelah keluar sebagai juara berganda.

Dalam perlawanan pertama Kementerian Pembangunan telah berjaya menewaskan Jabatan Perdana Menteri dengan kesudahan jaringan 3-2.

Dalam pertemuan itu kedua-dua pasukan mempamerkan permainan yang hampir seimbang sekalipun pada awalnya Jabatan Perdana Menteri berjaya memulakan jaringan menerusi Awang Junaidi, namun selang beberapa minit kemudian rembatan Ibrahim Haji Sabtu berjaya menyamakan kedudukan sehingga membawa ke waktu rehat separuh masa pertama.

Bakat tersembunyi yang dimiliki Awang Haji Junaidi sekali lagi memecah kebuntuan apabila terjemahannya malam itu berjaya menggantikan jaringannya setelah menerima hantaran melalui Haji Morni dari

jarak dekat.

Namun hasrat Jabatan Perdana Menteri menjadi juara mula tergoncang apabila bahagian pertahanan sering membuat kesilapan dan secara tidak langsung memberi ruang kepada Kementerian Pembangunan untuk membuat serangan yang akhirnya membawa padah apabila gerakan Haji Shair dari sebelah kiri mendatangkan hasil.

Sedang permainan berbaki dua minit Kementerian Pembangunan akhirnya mengesahkan dirinya menjadi juara apabila gerakan solo Haji Mohd. Noor membawa padah kepada pasukan Jabatan Perdana Menteri sehingga tamat perlawanan dengan keputusan 3-2.

Manakala dalam perlawanan bahagian terbuka Kementerian Pembangunan telah menerima ujian berat sekalipun berjaya menewaskan pasukan Kementerian Pertahanan dengan jaringan 2-1.

Perlawanan sengit dari kedua-dua pasukan ter-

pamer sebaik saja bermulanya perlawanan sekalipun Kementerian Pembangunan kebanyakannya dilobi oleh bekas-bekas pemain kebangsaan dan dikukuhkan lagi dengan jurulatih mereka yang pernah menjadi penolong jurulatih dan bermain dengan pasukan kebangsaan, Haji Mohd. Rosanan.

Namun pasukan Kementerian Pertahanan yang terbilang dengan tentera ini tetap tidak janggal dalam mempersembahkan permainan malah lebih kukuh dalam membuat percaturan yang mantap sehingga hampir membuat anak buah Haji Mohd. Rosanan berputih mata.

Kementerian Pembangunan yang lebih banyak membuat bunga-bunga permainan di kaki akhirnya memulakan langkah kanan apabila pemain perancang yang pernah mewakili negara, Azmanuddin Haji Gillen menerjemahkan bisanya apabila berjaya menggagalkan jaring lawan.

Berbanding dengan pasukan Kementerian Pertahanan pula kemasukan satu jaringan tidak memberi kesan dalam mempersembahkan permainan, malah percaturan gerak pantas serta serangan balas yang cepat terasa membuat lawan kelelahan dan kesempatan ini menjadi senjata untuk dimanfaatkan apabila sentuhan yang bermula dari Ak. Md. Safri direbut sebaiknya oleh Md. Effandy melalui tendangan leret bagi menyamakan kedudukan setelah Azmanuddin Haji Gillen dikeluarkan dan digantikan oleh Haji Norazmie.

Sedang Haji Mohd. Rosanan memikirkan bagi rombakan permainan di masa tambahan akhirnya tersenyum lebar apabila anak buahnya berjaya mengukuhkan kedudukan apabila perebutan di depan pintu gol disempurnakan oleh Mohd. Rafie sedang masa hanya tinggal beberapa minit untuk ditamatkan.

Azmanuddin yang menjadi tunggak utama permainan Kementerian Pembangunan tidak salah jika akhirnya dipilih sebagai pemain terbaik malam itu.



TERLEPAS ... Seorang pemain Kementerian Pembangunan cuba merampas bola dalam perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak Futsal antara kementerian-kementerian yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas. - Gambar oleh Hamadi HM.

Kejohanan Bola Tampar Pantai Perempuan

JABATAN Belia dan Sukan Cawangan Tutong akan menganjurkan Kejohanan Bola Tampar Pantai Perempuan yang terbuka kepada jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah menengah, persatuan-persatuan dan kelab sukan, syarikat swasta, kampung-kampung dan orang ramai di Daerah Tutong.

Kejohanan ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori 'A' bagi peserta berumur 12 hingga 16 tahun, manakala kategori 'B' bagi peserta berumur 25 tahun ke bawah.

Kejohanan akan berlangsung pada 16 Mei depan di Pantai Seri Kenangan bertujuan bagi menggalakkan orang ramai melibatkan diri

dalam lapangan sukan ke arah menjaga kesihatan.

Borang-borang penyertaan dan keterangan lanjut bagi menyertai kejohanan ini boleh didapati daripada Jabatan Belia dan Sukan (Belia) Cawangan Tutong dan setiap penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada 6 Mei sebelum jam 4.00 petang.

Bagi memperkembangkan daya pemikiran penuntut

SEKOLAH HATIMINDA DIPERKENALKAN

GADONG, 14 April. - Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, Kementerian Pendidikan akan terus-menerus mempromosikan dan mengembangkan daya pemikiran yang tinggi di kalangan para penuntut yang bermula di peringkat rendah.

Oleh itu jelasnya, Sekolah Hatiminda diperkenalkan di kebanyakan sekolah rendah di negara ini sebagai 'pilot skim' dan harapan bagi menyediakan perkembangan.

"Walaupun beberapa usaha masih diperlukan untuk mengesankan projek ini kepada yang paling maksimum, kita malah lebih komited kepada perkembangan Sekolah Hatiminda, di mana penuntut-penuntut, guru-guru dan pentadbiran sekolah akan lebih berusaha ke arah lebih hatiminda di dalam cara belajar, mengajar dan mengurus," katanya.

Dato Paduka menambah, apa yang menjadi kebingungan ke arah mempromosikan penggunaan kedua-dua iaitu kepala dan hati atau minda ialah pemikiran yang sangat mendalam dan cara yang bertanggungjawab.

Dato Paduka berucap demikian sebelum merasmikan Seminar Sehari Projek Sekolah Bestari: 'Satu Perspektif Malaysia' pagi tadi di Dewan Teratai Pusat SEAMEO-VOC TECH di sini.

Antara fokus utama di dalam peringkat rendah ialah strategi pembelajaran dan celik huruf yang antara lain untuk pembasmian lemahahan pembacaan, penulisan dan kemahiran matematik di kalangan generasi akan datang, kata Dato Paduka.

"Di peringkat menengah kita memusatkan pada pelbagai usaha untuk pembasmian ketidakcapaian, objektif kita ialah untuk mengurangkan satu budaya iaitu rendah aspi-

Oleh
Abdullah Asgar

rasi dan standard yang mana ia masih terjadi dalam sistem persekolahan kita," katanya.

Menurut Dato Paduka, pada gambaran besar Kementerian Pendidikan kini bersedia untuk mengambil penyesuaian-penyesuaian yang utama di dalam sistem pendidikan bagi membina pada mengukuhkan sistem masa kini dan bersedia di dalam pergerakan ke arah menyediakan generasi baru kita dengan kemahiran-kemahiran, pengetahuan dan sikap untuk berdepan dengan cabaran-cabaran masa depan.

Oleh itu, adalah menjadi objektif kita iaitu melahirkan penuntut hatiminda siapa yang boleh berfikir secara kritis dan kreatif mengenai bagaimana mereka boleh menyumbangkan ke arah kemajuan bagi mencintai kedamaian dan menjadi bangsa yang progresif, kata Dato Paduka.

Objektif lain, jelasnya,

membentuk penuntut-penuntut untuk gigih berusaha dengan memacu mereka supaya menjadi generasi masa depan lebih mandiri dan berdikari.

Objektif seterusnya, tambah Dato Paduka ialah mencari perimbangan di antara percubaan kurikulum dasar dan satu kurikulum yang boleh menyediakan para penuntut ke arah situasi hidup yang sebenar, di mana kurikulum ini membolehkan kita ke arah melahirkan 'Penuntut Hatiminda'.

Seminar sehari itu melibatkan lebih 100 orang para pengetua dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Seminar dianjurkan oleh Pusat SEAMEO-VOC TECH dengan diketendalikan oleh Alif Technologies Sendirian Berhad dengan mengundang beberapa orang penceramah dari Projek Sekolah Pintar Malaysia bagi menyampaikan kertas kerja yang bertujuan memberikan platform asas kepada para peserta mengenai pemahaman 'Projek Sekolah Pintar Malaysia'.



Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 April Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri kepada Tuan Yang Terutama Haji Adnan bin Haji Zainal, bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke di Emiriah Arab Bersatu, Dayang Hajah Mariam binti Haji Mohd. Salleh dan isteri

Tuan Yang Terutama Dr. Haji Emran bin Bahar, Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, Dayang Emaleen Abdul Rahman Teo.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman (gambar atas).

DPMM berkenan menerima mengadap Duta Besar baru

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah hari ini berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab

Oleh
Haji Ahmad HS

Bersatu dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kemboja yang baru dilantik.

Majlis Mengadap Duta Besar Istimewa dan

Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu (UAE), Tuan Yang Terutama Haji Adnan bin Haji Zainal dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Haji Emran bin Bahar dilangsungkan secara serentak di Istana Nurul Iman di sini.

Hadir sama di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair.

Tuan Yang Terutama Haji Adnan bin Haji Zainal dan Tuan Yang Terutama Dr. Haji Emran bin Bahar telah menerima surat watakah perantaraan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 12 April lepas.

Tuan Yang Terutama Haji Adnan berusia 55 tahun pernah berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura. Manakala Tuan Yang Terutama Dr. Haji Emran berusia 43 tahun sebelum ini ialah Setiausaha Sulit Laila Rahsia kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu (UAE), TYT Haji Adnan dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, TYT Dr. Haji Emran bin Bahar.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

ALLAHUMA SALLI 'ALA SAIYIDINA MUHAMMAD

دتریتکن اولہ جباتن فراعن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اولہ جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

UNTUK memudahkan kita memahami tajuk rencana ini, ada baiknya kita menghuraikan serba sedikit mengenai pengertian apa yang dikatakan 'budaya', 'etika kerja cemerlang' dan seterusnya 'perkhidmatan awam' dalam konteks negara kita, Negara Brunei Darussalam.

Budaya, bermakna nilai, sikap, tindakan (atau tindak-tanduk) ataupun tingkah laku yang menjadi amalan seharian. Dalam konteks bekerja atau bertugas, ia dikaitkan dengan budaya kerja dalam sesebuah jabatan ataupun organisasi yang menjadi faktor utama dalam menentukan matlamat maju atau mundurnya sesebuah organisasi itu.

Etika, bermakna 'ilmu' atau dasar-dasar akhlak ataupun moral ataupun boleh juga ditakrifkan sebagai sistem akhlak atau tingkah laku di dalam sesuatu pekerjaan yang kita lakukan (rujuk Kamus Dewan).

Kerja cemerlang, bermakna seseorang pegawai ataupun kakitangan kerajaan yang telah menunjukkan prestasi kerjanya yang sentiasa baik, ada peningkatan dari setahun ke setahun dan tidak pernah melakukan kesilapan atau mendatangkan sebarang masalah di mana dia bertugas ataupun bekerja.

Perkhidmatan Awam, bermakna jentera yang digunakan oleh sesebuah negara dalam memberikan perkhidmatan kepada seluruh rakyatnya dan sebagai alat dalam menyusun perancangan ataupun program dan juga melaksanakan rancangan-rancangan yang telah disusun, termasuk mengenai struktur organisasi, perancangan sumber manusia yang berhubung kait dengan ekonomi, budaya dan sosial dan juga termasuk mengadakan ataupun mengeluarkan undang-undang ataupun peraturan-peraturan kerja yang seharusnya diikuti oleh setiap pegawai dan kakitangan awam dalam semua pangkat dan peringkat.

BUDAYA KERJA CEMERLANG

Budaya kerja cemerlang sebenarnya bukanlah dimiliki oleh seseorang individu ataupun mana-mana perkumpulan masyarakat, sebaliknya ia meliputi keseluruhan pegawai dan kakitangan kerajaan dalam sesebuah organisasi itu. Kesan daripada budaya kerja cemerlang ini akan melahirkan atau menjadi sesebuah organisasi itu maju dan berjaya kerana mempunyai pegawai dan kakitangan yang mempunyai tahap atau pengalaman-pengalaman yang tinggi. Mereka berkhidmat dengan penuh dedikasi, patuh kepada setiap arahan atau peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh pihak pengurusan dari semasa ke semasa.

Biasanya, apabila sesebuah organisasi itu berjaya dan cemerlang, maka akan majulah organisasi itu. Sebagai misal, negara Jepun begitu maju dalam bidang industri pembuatan kenderaan seperti syarikat pengeluar kereta Toyota,

Honda, Matsushita dan lain-lain.

Di negara kita Brunei Darussalam ini saya rasa Syarikat Brunei Shell Petroleum dan anak-anak syarikatnya bolehlah dikategorikan sebagai sebuah syarikat yang benar-benar berjaya, bukan sahaja dapat memberikan perkhidmatan yang sebaik-baiknya kepada semua kakitangannya, malah juga dapat membantu pihak kerajaan dalam bidang ekonomi yang berasaskan minyak dan gas yang pada masa ini masih lagi menjadi sumber ekonomi paling atas.

Mengapa organisasi ini boleh mencapai tahap kecemerlangannya dan mengatasi syarikat atau organisasi yang lain, kerana semua pegawai dan kakitangannya mengamalkan budaya dan etika kerja cemerlang dari semenjak mereka memulakan tugas lagi hingga mencapai ke tahap berpuan, termasuk mengutamakan disiplin yang tinggi dan sentiasa taat dan patuh kepada arahan-arahan ataupun peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pihak majikan dari semasa ke semasa.

DORONGAN KE ARAH ETIKA BUDAYA KERJA CEMERLANG

Budaya Kerja Cemerlang sebenarnya adalah hal setiap individu di dalam setiap organisasi, bermula daripada peringkat atas (Ketua Pengarah) hinggalah kepada peringkat bawahan seperti buruh, tukang kebun, pelayan pejabat dan jawatan-jawatan seumpamanya. Apabila Budaya Kerja Cemerlang ini dapat diserapkan ke dalam minda setiap pegawai dan kakitangan kerajaan itu, maka hasilnya



BUDAYA Kerja Cemerlang perlu dimiliki oleh setiap anggota dalam Perkhidmatan Awam dari segenap peringkat.

akan tinggillah kualiti dan kuantiti kerja setiap individu itu dan seterusnya peningkatan produktiviti (pengeluaran) hasil kerjanya. Apabila setiap orang pegawai dan kakitangan itu dapat menunjukkan tahap kecemerlangan dalam bidang kerjayanya masing-masing, maka hasilnya akan bertambah majulah sesebuah negara itu dan apabila negara menjadi maju, rakyatnya akan dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik dan sempurna.

Islam sebagai agama pegangan kita, sangatlah menggalakkan setiap umatnya supaya bekerja keras dan berusaha pada meningkatkan taraf hidup dan jika matlamat ini dapat dicapai maka akan bebaslah negara dan bangsa itu daripada belenggu kemiskinan, ke-riana kemiskinan itu sebenarnya adalah musuh bagi setiap manusia. Dengan kata lain, apabila Budaya

Budaya Etika Kerja dalam P'khidmatan Awam

Kerja Cemerlang itu ada pada setiap diri individu, sudah pasti ia akan mendapat keuntungan, bukan sahaja selama hidupnya di dalam dunia ini, tetapi juga di akhirat kelak kerana setiap apa jua yang kita kerjakan yang dapat memberikan sumbangan kepada setiap orang, termasuk diri, keluarga, bangsa dan seterusnya negara adalah dikira sebagai satu amalan ataupun ibadah yang dituntut oleh agama kita.

TUJUAN ATAU MATLAMAT BEKERJA

Apa jua yang kita buat atau lakukan, ianya hendaklah disertai dengan niat sama juga seperti kita menunaikan sembahyang fardu lima waktu sehari semalam. Tanpa niat, sudah pasti amalan kita tidak akan diterima (batal). Demikian juga dalam mencari kerja atau mencari rezeki, tentu ada matlamat dan disertai dengan niatnya sekali.

Tujuan kita bekerja sebenarnya adalah untuk menyara diri sendiri, keluarga dan seterusnya memberikan sumbangan bakti kepada bangsa, negara dan agama. Oleh hal yang demikian, setiap pekerjaan yang kita lakukan, termasuk makan gaji sama ada dengan pihak kerajaan ataupun swasta, hendaklah seimbang.

Maksudnya, jika kita mendapat gaji penuh tanpa dikurangi walau satu sen sekalipun dalam setiap bulan, maka waktu bekerja pula hendaklah cukup atau menepati waktunya, kerana jika perkara ini tidak kita ambil perhatian ataupun kita bekerja dengan sambil lewa, sentiasa ponteng daripada menjalankan tugas dan kewajipan kita, sebagaimana yang telah diamanahkan kepada kita, semua ini akan mendapat per-kiraan ataupun sekurang-kurangnya ditanya oleh

OLEH MUHAMMAD HAJI KASSIM

Allah Subhanahu Wataala apabila kita berhadapan dengannya di alam akhirat nanti.

FAKTOR HALANGAN KE ARAH BUDAYA KERJA CEMERLANG

Lawan kepada Budaya Kerja Cemerlang ini sebenarnya banyak. Antaranya ialah sikap malas, kurang bersemangat untuk memajukan diri, terlalu mementingkan diri sendiri, kurang pegangan agama, bersikap pasif atau menerima apa sahaja arahan dari pihak atasan atau ketua tanpa mahu berusaha sendiri bagaimana untuk memajukan diri sendiri. Biasanya mereka yang tergolong daripada jenis yang tersebut di atas akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan 'seadanya' sahaja. Ertinya ada arahan daripada ketua, baharulah bekerja, selepas itu kembali duduk-duduk hingga sampai waktu balik bekerja atau rehat.

Pegawai dan kakitangan yang menghadapi sindrom atau tabiat yang kurang baik ini, perlulah diberikan kursus atau motivasi diri semberlyan meng-awakan dan didikan agama secukupnya terutama sekali mengenai dan memahami pengertian halal haram dan hubungannya dengan pemberian rezeki yang menjadi sumber kehidupan di sepanjang perkhidmatan sama ada dengan pihak kerajaan ataupun swasta.

Dan dalam hubungan ini juga, ada baiknya kita renungi akan maksud Surah Al-Ashr (Masa) ayat 3 daripada Surah 103, Al-Quran yang tafsirnya:-

"Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-

benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih dan nasihat-menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya menepati kebenaran."

Intisari daripada ayat-ayat Al-Quran ini selain daripada memberikan peringatan kepada mereka yang tidak dapat menggunakan masanya dengan sebaik-baiknya adalah tergolong daripada mereka yang rugi termasuk juga mereka yang mencuaikan pekerjaan yang telah diamanahkan kepadanya seperti banyak membuang masa di luar pejabat dan juga menyalahgunakan kuasa bagi mereka yang telah diamanahkan oleh pihak yang berkenaan.

Kesan daripada sikap yang tidak bertanggungjawab ini sudah tentu akan melibatkan banyak pihak termasuk para pelanggan yang sentiasa berurusan dengan mereka. Walhal, mereka telah sedia diberikan ganjaran (gaji) dan segala macam kemudahan-kemudahan yang bukan sedikit jumlahnya.

Akhir sekali, marilah kita renungkan pula apa kata seorang negarawan Amerika, iaitu John F. Kennedy yang berbunyi "Jangan ditanya apakah sumbangan negara kepada kamu, tetapi tanyalah apa yang boleh kamu sumbangkan kepada negara."

Kata-kata hikmat dan padat ini harus menjadi pedoman yang berguna jika kita ingin maju dan memberikan sumbangan ke arah kecemerlangan bukan sahaja kepada negara tetapi juga bagi diri sendiri, keluarga dan masyarakat sekeliling.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

DI ALAM Melayu, bahasa dan budaya adalah dua hal yang berbeza, namun saling berkait rapat antara satu dengan yang lain. Bahasa sering ditekankan sebagai jiwa bagi sesebuah bangsa. Di waktu yang sama tidaklah keterlaluan sebagai kesinambungan bahawa budaya itu sebaliknya merupakan cermin bagi satu-satu bangsa itu pula.

Memang sudah terdapat bahawa kita akan lebih mudah mengerti peradaban dan gaya hidup sesuatu bangsa itu melalui budaya dan adat istiadat mereka. Tanpa budaya, kewujudan sesuatu bangsa di dalam masyarakat majmuk ini pasti terasa kosong dan hampa, hilang keunikannya.

Secara ringkasnya, pengertian budaya itu ialah tamadun, cara peradaban, cara berkelakuan (berfikir dan sebagainya) dan kemajuan (akal budi).

Manakala kebudayaan pula membawa pengertian keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, kemajuan akal budi dan lain-lain.

Dan untuk lebih jelasnya, takrif kebudayaan adalah satu pentakrifan yang amat bergantung kepada pegangan teori seseorang pengkaji, justeru itu takrif kebudayaan ini amat banyak kita temui.

Secara mudah kebudayaan itu adalah segala ciptaan dan warisan manusia hidup bermasyarakat. Oleh kerana budaya itu merangkumi hal-ehwal kehidupan maka terkandunglah di dalamnya perkara berikut:-

- 1) Sosial; 2) Ekonomi;
- 3) Politik; 4) Pengetahuan dan Teknik; 5) Seni; 6) Filsafat; 7) Ugama.

Sosial adalah pergaulan hidup. Pergaulan hidup membentuk masyarakat. Masyarakat adalah kelompok manusia yang mengamalkan kebudayaannya. Kebudayaan adalah konsep masyarakat yang mengatur cara berlaku dan berbuat anggota-anggotanya demi kesejahteraan.

Anggota masyarakat itu memerlukan makanan, pakaian, perubahan, ubat-ubatan dan lain-lain. Keperluan-keperluan itu mustahak diusahakan dan dalam hal ini, bidang ekonomi memainkan peranan demi kemakmuran anggota masyarakat.

Untuk membawa anggota masyarakat itu kepada kesejahteraan dan kemakmuran pula, masyarakat itu perlu diatur dan aturan-aturan itu perlu ditaati. Di dalam bidang peraturan dan ketatan inilah politik memainkan peranannya.

Sosial, ekonomi dan politik menjurus kita kepada beraktiviti dan ianya memerlukan pengetahuan. Pengetahuan seterusnya mengarahkan kita kepada sains dan teknologi.

Kerana fitrah manusia

itu yang gemar bersuka-suka, bergembira dan sentiasa mengimpikan kenikmatan, maka kesenian di sini memainkan peranannya. Dari sana timbul pula hasrat untuk mencapai kebenaran dan filsafatnya yang menggali kebenaran tersebut hingga sampai ke tahap yang hakiki menurut kemampuan akal manusia.

Akhirnya kerana manusia itu mempunyai roh, roh itu mengarah kita ke alam ghaib yang tetap menjadi rahsia kerana ia tidak dapat dicapai oleh ilmu dan teknologi, akal manusia tidak akan sampai kepadanya.

Maka di sini, timbulah para Rasul sebagai pembawa wahyu dari Allah, perantara makhluk manusia dengan Tuhan, pencipta semesta alam. Dan kerana itu, budaya atau kebudayaan beragama itu akan tetap terus menjadi pegangan kita.

Maka beragama Islam, bersopan santun, lemah lembut dan berbudi bahasa adalah budaya dan cermin diri orang-orang Melayu. Memberi 'angpow' (lambang ekonomi yang kukuh) pula sering dikaitkan sebagai kebudayaan turun temurun orang-orang Cina. Demikian pula bagi orang-orang Inggeris di Eropah yang berbangga dengan pesta 'hallowen' mereka, sebagai warisan kebudayaan turun-temurun dari nenek moyang mereka.

Jadi memang sudah

Kebudayaan - kekayaan material dan spiritual sesuatu bangsa

OLEH LANGIT

telaslah takrif kebudayaan itu sekarang. Yang jelas, berbagai-bagai definisi atau tafsiran bakal diterima dari individu berbeza, bergantung kepada pegangan teori seseorang pengkaji, sesuai dengan pendapat mereka sendiri seperti yang dikatakan awal-awal tadi. Namun secara ringkas dapat ditekankan bahawa kebudayaan itu ialah suatu perbuatan yang menjadi amalan tetap atau peradaban sesuatu bangsa (manusia) semenjak beberapa lama, sama ada diperolehi daripada pengalaman ataupun daripada ilmu pengetahuan.

Oleh yang demikian, maka telaslah betapa pentingnya kebudayaan itu sebagai warisan yang menunjukkan kekayaan material dan spiritual bagi sesebuah masyarakat itu. Tanpa kebudayaan, satu-satu masyarakat itu seperti mempunyai rupa tapi tanpa wajah. Sesebuah masyarakat itu pasti akan kehilangan harga diri mereka dan hidup menumpang kebudayaan

masyarakat yang lain. Cuba bayangkan bagaimana lucunya jika orang India bersilat dan menghunus keris. Atau bayangkanlah juga kelucunya jika orang Inggeris pergi berburu ke hutan dengan bersenjatakan sumpit.

Dalam menyebut senjata warisan orang-orang Melayu, iaitu keris tadi ianya memang termaktub sudah sebagai senjata orang-orang Melayu. Demikian halnya pula dengan kukri yang pastinya akan menjurus ingatan kita kepada orang-orang Gurkha yang berasal dari Nepal. Bagi bangsa Iban pula (terutamanya dari negeri Sarawak) mereka akan sentiasa berbangga dengan parang flang, yang cantik dan halus ukiran seninya.

Namun demikian adat istiadat dan kebudayaan itu sentiasa berjalan seiring dan sememangnya tidak dapat dipisahkan. Seperti lagu dan irama, aur dengan tebing begitulah keadaannya.

OLEH yang demikian, maka telaslah betapa pentingnya kebudayaan itu sebagai warisan yang menunjukkan kekayaan material dan spiritual bagi sesebuah masyarakat itu. Tanpa kebudayaan, satu-satu masyarakat itu seperti mempunyai rupa tapi tanpa wajah. Sesebuah masyarakat itu pasti akan kehilangan harga diri mereka dan hidup menumpang kebudayaan masyarakat yang lain.

Dalam hal tersebut, maka kita selalunya dapat membayangkan identiti satu-satu bangsa itu, misalnya melalui adat istiadat dan budaya perkahwinan mereka yang sudah dianuti turun-temurun. Pusar Naga sememangnya dikaitkan dengan perkahwinan orang-orang Melayu Brunei. Adat dan budaya Cuci Kaki pula sebagai intipati perkahwinan orang-orang di sebelah Turong. Dan satu perbezaan yang ketara bagi adat istiadat dan budaya perkahwinan antara orang-orang Melayu dan orang-orang Cina pula ialah di dalam budaya perkahwinan orang-orang Cina tadi, pengantin perempuan yang menaiki rumah pengantin lelaki untuk menjemput mereka ke Majlis Persandingan.

Demikianlah uniknya pengertian kebudayaan bagi peradaban makhluk yang bernama manusia yang hidupnya bersuku-suku dan berbangsa dan sentiasa berbangga mewarisi gaya hidup nenek moyang zaman-berzaman, malah sentiasa bersedia untuk mempertahankannya hingga ke akhir hayat. Demikian pentingnya adat istiadat dan budaya itu kepada mereka hinggalah timbul pepatah yang berbunyi: 'biar mati anak jangan mati adat'.

Sebagai cermin sesu-

atu bangsa, kebudayaan itulah yang sebenarnya mewarnai kehidupan kita sehari-hari. Orang-orang asing datang ke negara kita, bukan hanya ingin melihat pantai kita. Keindahan pantai sebetulnya untuk mereka masih boleh dinikmati di negara tetangga mahupun Hawaii ataupun Tahiti.

Para Pelancong luar, terutama dari Eropah, kebiasaannya akan merasa kagum dengan keindahan beberapa buah masjid di negara kita, seperti Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Jame' 'Asr Hassani Bolkiyah. Apa yang mereka nampak apabila berada di persekitaran perkarangan masjid-masjid yang indah itu adalah nilai kesucian Islam yang cukup terpelihara ditani dengan segala rasa syukur dan bertanggjawab oleh pihak pemerintah dan keseluruhan rakyatnya. Keindahan masjid-masjid itu sebetulnya melambangkan kebudayaan kita yang mengkedepankan hal-hal yang berhubung-kait dengan ugama Islam yang akan tetap dipelihara kesuciannya. Dan hal tersebut, tentulah berpetepatan pula dengan ideologi negara kita sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Dengan memusatkan seluruh pemikiran ke arah itu, adalah diharapkan para pelancong tadi

mengerti mengapa minuman-minuman keras diharamkan untuk dijual di kedai ataupun di restoran. Di Negara Brunei Darussalam, tidak ada budaya Nyam Shing, budaya mabuk-mabukan. Kerana apa yang diharapkan dengan pengharaman penjualan minuman keras itu ialah supaya anak-anak muda harapan bangsa dan pemangkin generasi masa depan tetap hidup utuh di dalam sebuah kebudayaan yang suci murni, beriman dan siap siaga untuk memimpin negara di masa hadapan.

Di dalam hal yang lain pula, para pelancong dari Eropah banyak yang tertarik dengan cara duduk kita iaitu duduk bersila (bagi pihak lelaki) atau duduk bersimpuh (bagi pihak perempuan). Duduk dengan dua cara yang disebutkan itu tadi agak asing bagi mereka dan di sinilah terletak kesenian kebudayaan itu. Dengan cara duduk yang demikian sambil menikmati juadah yang terhidang berupa ambuyat dengan dadah tahai, pastilah, aduhai....

Di dalam konteks ambuyat itu tadi, cara menumpahnya juga harus dipelajari kerana memerlukan kepakaran khusus dan memang diakui tidak

KEBUDAYAAN adalah perlu bagi survival bangsa.

**Sebuah bangsa yang tidak berbudaya
dapatlah dianggap sebagai sebuah bangsa
yang tidak bertamadun, tidak ada jati diri
dan tidak relevan lagi.**

Lihat muka 11

PELIHARA DAN BERI PENDIDIKAN SEMPURNA KEPADA ANAK-ANAK

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sesungguhnya Allah itu Maha Pengasih dan Maha Penyayang kepada hamba-hamba-Nya dengan melimpahkan nikmat yang tidak terkira banyaknya. Selaku hamba Allah yang beriman, maka kita wajiblah bersyukur di atas anugerah tersebut kerana tanpanya kita tidak mungkin dapat hidup bahagia di dunia ini.

Di antara anugerah Allah yang amat berharga kepada kita ialah anak. Anak merupakan kurnia dan nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wataala kepada kita di mana kita diamanahkan untuk menjaga dan memeliharanya dengan sebaik-baiknya.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Tahrim ayat 6 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka yang bahan-bahan bakarnya manusia dan batu berhal, Neraka itu dijaga dan dikawal oleh Malaikat-malaikat yang keras kasar layanannya, mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."

Dari ayat tersebut, jelas kepada kita bahawa adalah menjadi tanggungjawab kita para ibu bapa memelihara dan mendidik keluarga khususnya anak-anak kita supaya menjadi anak yang salih dan berguna dengan jalan memberikannya pendidikan yang sempurna.

Pendidikan yang sempurna amat mustahak diberikan kepada anak-anak dan kerana kepentingannya itulah agama Islam telah menganjurkan umatnya supaya menerapkan ilmu agama kepada anak-anak sejak mereka dalam kandungan di mana ibu-ibu yang mengandung digalakkan untuk membaca ayat-ayat suci Al-Quran sebagai didikan rohani kepada anak-anak dalam kandungan itu.

Setelah dilahirkan pula, sunat diazankan pada telinga kanan dan diqamatkan pada telinga kiri anak-anak tersebut dan sunat juga dibacakan Surah Al-Ikhlâs pada telinga anak tersebut supaya kalimah yang mula-mula didengar oleh mereka setelah lahir ke dunia ini adalah kalimah tauhid. Di samping itu, akhlak yang mulia juga hendaklah disemai ke jiwa anak-anak sedari mereka masih kecil lagi, ikutilah kata-kata pepatah, 'melentur buluh biarlah dari rebungannya'.

Ketahuilah, sesungguhnya jika jiwa anak-anak itu telah dididik dan

tersemai dengan ajaran agama Islam yang kuat, insya-Allah, mereka akan menjadi orang yang beriman, cinta pada Allah dan Rasul-Nya, menjadi anak yang salih, berbakti kepada agama, ibu bapa, masyarakat, raja dan negara serta mendapat kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Itulah hasrat setiap ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Oleh itu adalah amat penting supaya ibu bapa sentiasa mengambil perhatian terhadap anak-anak mereka tanpa membiarkannya. Jika terdapat tingkah laku dan kelakuan yang tidak wajar apatah lagi jika bertentangan dengan lunas-lunas agama Islam, maka perbaiki dan perbetulkanlah dari awal-awal dan jangan menunggu sehingga masalah itu menjadi besar dan berat serta sukar untuk ditangani.

Oleh itu, jika ibu bapa mendapati anak-anak mereka leka dan lalai dalam mentaati perintah Allah seperti tidak bersembahyang, tidak menutup aurat, tidak menghormati orang tua dan sebagainya atau anak-anak itu mem-

buat perkara yang dilarang oleh agama seperti apa yang kita lihat pada masa kini yang mana terdapat sebilangan remaja dan belia yang mewarnakan rambut mereka, terlibat dengan perhubungan sosial yang terlalu bebas, berpakaian yang mendedahkan aurat mereka, terlibat dengan gejala dadah dan sebagainya maka ibu bapa adalah bertanggungjawab dan tidak sepatutnya membiarkannya, sebaliknya wajib menegurnya, melarang, mencegah, menasihati dan mendidik anak-anak mereka.


Islam telah mengajarkan kita bahawa tanggungjawab menegur sebenarnya bukan hanya terhad kepada ibu bapa, tetapi juga kepada keluarga, guru, jiran, sahabat dan saudara sesama agama, yang sama-sama bertanggungjawab untuk menegur mana-mana perbuatan yang tidak elok dan tidak baik. Perkara amar makruf nahi mungkar adalah merupakan kewajipan seluruh umat Islam yang sepatutnya diamalkan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah

mengingatkan dalam hadis Baginda yang maksudnya:

"Dari Abi Saïd Al-Khudri Radiallahuanhu, katanya: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa di antara kamu yang melihat akan kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya. Jika sekiranya ia tiada berkuasa maka hendaklah ia mengubahnya dengan lidahnya, jika sekiranya ia tiada juga berkuasa maka hendaklah ia (mengubahnya dengan hatinya), yang demikian itu (mengubah dengan hatinya) adalah selangkah-selangkah iman." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Dalam usaha ibu bapa untuk mencapai kejayaan dalam mendidik anak-anak supaya mereka taat kepada perintah Allah dan Rasulullah, ibu bapa yang seharusnya terlebih dahulu menjadi pelopor dan contoh kepada mereka kerana merekalah 'role model' kepada anak-anak mereka. Jika ibu bapa baik, insya-Allah, anak-anak mereka juga akan mengikut jejak langkah mereka yang baik



itu dan jika ibu bapa melakukan perkara yang salah, maka anak mereka juga berkemungkinan akan melakukan sama perkara yang salah itu kerana mereka sudah terbiasa melihat perbuatan tersebut, jangan ikut perumpamaan seperti 'ketam mengajar anaknya ber-jalan betul'.

Pada hakikatnya ibu bapa sememangnya amat sayang kepada anak-anak mereka, maka kerana itulah mereka berusaha memenuhi tanggungjawab dengan menyediakan segala keperluan anak-anak seperti memberi pendidikan, kasih sayang dan keperluan harian yang secukupnya serta sentiasa memberikan nasihat dan teguran yang berguna. Jangan biarkan mereka bergaul tanpa perhatian kerana adalah tidak mustahil

ISLAM telah mengajarkan kita bahawa tanggungjawab menegur sebenarnya bukan hanya terhad kepada ibu bapa, tetapi juga kepada keluarga, guru, jiran, sahabat dan saudara seagama, yang sama-sama bertanggungjawab untuk menegur mana-mana perbuatan yang tidak elok dan tidak baik. Perkara amar makruf nahi mungkar adalah merupakan kewajipan seluruh umat Islam yang sepatutnya diamalkan.

berkemungkinan mereka akan mudah terpengaruh untuk berbuat salah misalnya melanggar peraturan sekolah seperti merokok, ponteng sekolah, terlibat dalam perkelahian dan sebagainya. Dan lebih buruk lagi jika mereka melakukan perkara yang melanggar perintah Allah Subhanahu Wataala seperti mencuri, berjudi, memakan dadah dan sebagainya.

Oleh itu, sebagai ibu bapa, kita hendaklah sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap anak-anak, baik dari segi emosi, mental mahupun fizikal. Kita hendaklah berusaha membawa anak-anak dan keluarga kita mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala seperti mengajak mereka mengerjakan sembahyang berjemaah, membaca Al-Quran bersama-sama, baik di rumah mahupun di masjid.

Jika amalan sedemikian dapat dilaksanakan, insya-Allah, nikmat kebahagiaan akan dapat dinik-

mati dan dikecapi. Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga anak, isteri serta keluarga kita sentiasa mendapat rahmat dari Allah Subhanahu Wataala dan selamat di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Israa' ayat 23 yang tafsirnya:

"Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan perlindunganmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka sebarang perkataan yang kasar sekalipun perkataan 'ah' dan janganlah engkau menengking, menyergah kepada mereka tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia yang bersopan santun."

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 1 ربيع الاول، 1425 برسمان دشن 21 افريل، 2004 هيگ کھاري ثلاث، 7 ربيع الاول، 1425 برسمان دشن 27 افريل، 2004 اداله سفوت دياوه اين :-

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	سمبھيغ
ربيع الاول									الفريل
1	12.21	3.33	6.27	7.38	4.43	4.53	6.11	6.35	21
2	12.20	3.33	6.27	7.38	4.43	4.53	6.11	6.34	22
3	12.20	3.33	6.27	7.38	4.42	4.52	6.10	6.34	23
4	12.20	3.34	6.27	7.38	4.42	4.52	6.10	6.34	24
5	12.20	3.34	6.27	7.38	4.41	4.51	6.10	6.34	25
6	12.20	3.34	6.27	7.38	4.41	4.51	6.09	6.33	26
7	12.19	3.35	6.27	7.38	4.41	4.51	6.09	6.33	27

وقت ۲ سمبھيغ باكي دائره توتوغ دھيه ساتو مينيت دان دائره بلايت دھيه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تھاري.



Setem Brunei mula digunakan sejak 1895

BERAKAS, 28 Mac. - Mengikut sejarah, sebelum Jabatan Perkhidmatan Pos mengambil alih dalam proses pembuatan dan percetakan setem-setem Negara Brunei Darussalam pada 1979, setem-setem Brunei dikendalikan oleh pihak swasta iaitu diuruskan oleh J. S. Robson yang bertugas di Borneo Central Agency, Labuan.

Dengan pengambilalihan aktiviti sedemikian oleh Jabatan Perkhidmatan Pos, hasil pengeluaran setem dapat dikawal pengeluarannya dan lazimnya setem-setem yang dikeluarkan pada masa ini adalah berunsur tematik dan peringatan (commemorative).

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar berucap demikian di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Pertama, Persatuan Filatelik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Kementerian Perhubungan di sini.

Beliau menjelaskan, setem Brunei mula dipergunakan sejak 22 Julai

Oleh Siti Aishah HS

1895 yang dikendalikan oleh pihak swasta, malah kehadiran setem Brunei juga pada masa itu tetap diterima penggunaannya oleh negara-negara luar. Setem-setem berkenaan juga telah menjangkau nilainya puluhan ribu ringgit Brunei di harga pasaran masa kini.

Dalam memperbanyakkan setem-setem Negara Brunei Darussalam, Unit Filatelik Jabatan Perkhidmatan Pos, tidak terkendur berusaha mengeluarkan sekurang-kurangnya tiga jenis setem serta sampel surat rasmi hari pertama sempena aktiviti tertentu, misalnya pada tahun 2003 sahaja setem-setem yang dirancang telah dilaksanakan seperti Setem Tematik, setem peringatan sempena - Pertukaran ASEAN-Jepun tahun 2003 dan setem peringatan mengenai penubuhan Persatuan Filatelik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Dalam melaksanakan pembuatan setem yang berkaitan dengan negara-

negara ASEAN, persetujuan semua negara berkenaan adalah menjadi keutamaan, kerana setem Negara Brunei Darussalam bukan sahaja terhad pengeluarannya bagi negara ASEAN malah negara Jepun dan China juga memberikan sokongan dalam mempromosikan adat resam negara masing-masing dalam bentuk setem dan sampel surat rasmi hari pertama.

Di samping itu juga, Negara Brunei Darussalam sendiri telah mengeluarkan berbilang jenis setem yang terdiri bangunan-bangunan yang menjadi ristaan, Kampong Ayer, adat resam orang Brunei, tumbuh-tumbuhan, bunga-bunga, ikan, alat-alat kebesaran dan lain-lain.

Antara tujuan penubuhan Persatuan Filatelik Kebangsaan Brunei (PFKB) adalah sebagai induk kepada semua pertubuhan dan kelab-kelab filatelik di negara ini, selain menyelaras hal-hal filatelik persatuan-peratuan, pertubuhan-pertubuhan, serantau dan antarabangsa, di samping membuat penyelidikan yang berterusan mengenai filatelik dan sejarah per-

kembangannya bagi Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama di majlis itu ialah Pemangku Ketua Pos Agung, Awang Haji Azahari bin Haji Mohd. Ali yang juga selaku Timbalan Yang Dipertua, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sementara Persatuan Filatelik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pengumpul setem.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah menyaksikan setem Persatuan Filatelik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Hamadi HM.

Kelalaian manusia punca kemalangan jalan raya

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 7 April. - Sempena Hari Kesihatan Sedunia, forum yang bertema 'Keselamatan Jalan Raya Bukan Suatu Kemalangan' telah berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Empat ahli panel telah diundang bagi menjayakan forum itu terdiri daripada Pemangku Timbalan Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Omar bin Haji Sirat; Timbalan Penguasa Polis Mohd. Erwan bin Haji Hambali; Pegawai Perubatan Kanan, Bahagian Ortopedik Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Abdul Rashid bin Haji Mohammad dan Awang Rosli bin Mohd. Noor, bekas pesakit kemalangan jalan raya.

Forum itu dipengerusikan oleh Pakar Bedah Otorhinolaryngologi, Jabatan Otorhinolaryngologi Hospital RIPAS, Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Ahli panel pertama, Awang Haji Omar berkata, antara faktor terjadinya kemalangan ialah faktor manusia itu sendiri, keadaan di sekeliling dan kenderaan itu sendiri di mana faktor manusia (pemandu) sering lalai, mengantuk ketika memandu, kurang pengetahuan, selalu bersikap mengikut perasaan atau kehendak, memakan benda-benda yang boleh menghayalkan dan tidak mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya dan ibu bapa membiarkan anak-anak mereka memandu kereta yang tidak mempunyai lesen dan sebagainya.

Manakala faktor kejuruteraan, jelas beliau, ialah

melaporkan kes kemalangan yang berlaku.

"Tindakan undang-undang yang diambil ke atas kelewatan laporan dalam masa 24 jam terkandung di bawah Seksyen 33 (2) Akta Lalulintas Jalan Raya Penggal 68, yang mana boleh didakwa di mahkamah," jelas beliau.

Menurut beliau, hasil penyiasatan pihak Pasukan Polis Diraja Brunei, kes-kes kemalangan adalah disebabkan kecuaiannya pemandu itu sendiri. Ini adalah berdasarkan beberapa keterangan yang diambil ke atas pemandu-pemandu yang terlibat dalam kemalangan.

Sementara Dr. Abdul Rashid turut menasihati kepada orang ramai yang ingin memberikan bantuan kepada mereka yang ditimpa kemalangan jalan raya supaya berhati-hati memberikan pertolongan dan tidak sesuka hati memindahkan orang yang ditimpa kemalangan, kerana ditakuti beberapa anggota yang cedera akibat kemalangan seperti tulang belakang boleh menyebabkan seseorang itu menjadi lumpuh akibat diangkat secara mengejut dan tidak berhati-hati, ada baiknya menunggu sahaja bantuan kecemasan ambulans.

Terdahulu daripada itu, Dr. Abdul Rashid menjelaskan mengenai peranan yang dimainkan oleh Unit Trauma Hospital RIPAS yang sentiasa bersedia untuk menerima pesakit-pesakit yang mengalami kecederaan akibat kemalangan jalan raya.

Beliau juga menggariskan perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh orang ramai ketika berada di tempat kejadian iaitu melaku-

kan panggilan ambulans terlebih dahulu, menjaga keselamatan diri sendiri lebih penting sebelum memberikan bantuan dan berikan bantuan sebaiknya.

Awang Rosli pula menceritakan pengalaman hidupnya akibat ditimpa kemalangan jalan raya yang mana sejak berlaku kemalangan dalam tahun 1997 dan kini sudah mencapai kira-kira tujuh tahun masih merasa sakit pada tangan beliau akibat kemalangan yang menimpanya.

Beliau yang bertugas di jabatan kerajaan menceritakan pada 1 Januari 1997, jam 6.40 petang dalam perjalanan ke rumah beliau di Kampong Rimba, menggunakan kereta pacuan empat roda bersama isteri dan tiga orang anak secara tidak disedari kenderaan beliau telah dilanggar dari belakang oleh sebuah kereta dan menyebabkan kereta beliau terbalik serta terhumban ke longkang besar yang berhampiran jalan raya menyebabkan kecederaan yang teruk pada tangan beliau.

Dalam keadaan panik, melihat isi tangan sebelah kanan beliau terkeluar, beliau tidak lagi ingatkan anak-anak beliau akibat kesakitan yang dirasa oleh beliau ketika itu. Akibat kemalangan itu beliau telah menjalani beberapa pembedahan dalam negeri dan juga di luar negeri.

Sesi forum sempena Hari Kesihatan Sedunia yang bertemakan 'Keselamatan Jalan Raya Bukan Suatu Kemalangan' diteruskan dengan sesi soal jawab. Forum tersebut adalah anjuran Kementerian Kesihatan yang merupakan acara tahunan setiap 7 April.



PEMANGKU Pengarah Penjara, Awang Haji Abdul Manan menyampaikan cenderamata kepada Dayang Nursyahira binti Abdullah Yap. - Gambar oleh Haji Masmalah HMA.

Majlis Pengislaman

JERUDONG, 8 April. - Dengan petunjuk dan hidayah dari Allah Subhanahu Wataala, Dayang Yap Chuon Cheah, 23 tahun hari ini memeluk agama Islam dengan nama pilihan, Dayang Nursyahira binti Abdullah Yap dengan pengucapan dua kalimah syahadat yang berlangsung di Balai Ibadat Penjara Jerudong.

Acara dimulakan dengan Majlis Pengislaman di hadapan pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Norain binti Haji Mat Yassin dan seterusnya penyampaian cen-

Oleh Siti Aishah HS

deramata yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Abdul Manan bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis juga diselenggarakan dengan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh pelatih-pelatih wadar wanita dan menabur bunga rampai.

BMR mendapati salah seorang anggota polis

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 April. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan telah menjatuhkan hukuman ke atas seorang anggota polis, Koper 1958 Amir Hamzah bin Bujang setelah beliau mengaku bersalah ke atas empat pertuduhan di bawah Akta Kastam (Penggagal 36).

Mahkamah menjatuhkan hukuman denda sebanyak \$8,700.00 dan jika gagal membayar denda tersebut akan dipenjara selama 13 bulan. Mahkamah telah memberi tempoh selama tiga (3) bulan kepada Koper 1958 untuk membayar denda tersebut.

Maklumat awal yang diterima oleh Biro Menengah Rasuah (BMR) mengesyaki bahawa Koper 1958 Amir Hamzah telah menerima suap dari Zainur bin Bujang kerana membantu Zainur dalam kegiatan penyeludupan.

Walau bagaimanapun semasa siasatan dijalankan oleh BMR, adalah didapati bahawa pada 1 Januari 2003 berdekatan dengan Jalan El Panaga Seri, Koper 1958 Amir Hamzah telah bersubahat dengan Zainur dalam melakukan empat (4) kesalahan iaitu mengangkut barang-barang yang ditegah yang berupa 240 botol air putih (White Wine), 6 kilogram sayap ayam Seara, 270 kilogram daging beku Allana dan 400 bungkus rokok Perillys, dengan menggunakan kenderaan.

Pengauditan pengurusan penting

Oleh
Haji Ahmad HS



PENGARAH Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin ketika berucap merasmikan Bengkel Pengauditan Pengurusan. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

GADONG, 6 April. - Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin berkata, pengurusan telah mengalami pelbagai perubahan dalam dekad terakhir ini iaitu dalam pelaksanaan pengurusan, pengauditan pengurusan merupakan penggerak dalam memberikan penilaian melalui peningkatan keberkesanan.

Oleh yang demikian, menurut beliau, pengenalan konsep pengurusan baru dalam pengauditan merupakan cara memperhalusi maklumat yang ada dan sistem perkhidmatan dalam sektor awam dan swasta yang menjadi antara keutamaan kita.

"Kita mengambil mak-

lum hasil perkhidmatan dan maklumat merupakan sokongan kuat dalam membentuk dasar-dasar dan peningkatan proses membuat keputusan," jelas Abd. Ghani di Majlis Bengkel Pengauditan Pengurusan yang berlangsung di Pusat Pengurusan ASEAN-EC di sini.

Pengauditan pengurusan, tambah beliau, sangat bersesuaian pada masa kini walaupun skopnya berbeza-beza dengan pengauditan kewangan dan bertujuan mengenal pasti potensi permasalahan pengurusan syarikat-syarikat kecil yang mengancam kewujudannya di dalam perkhidmatan kerajaan.

"Pengauditan Peng-

urusan mengenai persoalan kita iaitu perancangan strategik, struktur organisasi, pengurusan sumber manusia, sistem akaunting, pengawalan perbelanjaan, pengurusan tunai, risiko dan insurans, pembelian, promosi strategi pasaran dan jualan, lokasi, harga perancangan pertumbuhan dan yang berhubung kait dengan bidang-bidang berkenaan yang mana pengurusan ada di dalamnya," jelas beliau.

Bengkel Pengauditan Pengurusan yang dijalankan selama dua hari itu dihadiri oleh 17 orang peserta dari jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta. Sepanjang bengkel, beberapa tajuk akan dibentangkan termasuk peng-

urusan kualiti menyeluruh, pengendalian pengauditan dan perkecilaan lingkungan masa dalam proses pengauditan.

Di samping itu, para peserta akan memperolehi beberapa faedah yang antaranya, satu strategik pemodenan permintaan, pengawalan dan kemajuan untuk pengauditan pengurusan, memahami cara menyampaikan nilai setiap pengauditan yang dibuat dan memahami cara untuk mengendalikan asas pengauditan pengurusan mengenai prinsip permegan.

Bengkel anjuran Pusat Pengurusan ASEAN-EC dikendalikan oleh Ken The Kian Lang, seorang pakar dari Malaysia.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Lengkap pendidikan dengan kemahiran

PENDIDIKAN adalah asas paling penting dalam kehidupan dan ianya merupakan siji kepada setiap individu untuk memasuki alam pekerjaan.

Adalah difahami bahawa pendidikan itu merangkumi bidang dan pengertian yang amat luas. Selain pendidikan dalam pelbagai ilmu pengetahuan, ianya juga tidak dinafikan termasuk pendidikan yang membentuk rohani dan jasmani.

Di negara ini, pendidikan akademik sangat-sangat diambil perhatian oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ianya terbukti dengan pertambahan kemudahan-kemudahan pendidikan seperti bangunan-bangunan sekolah rendah, menengah dan sekolah-sekolah agama, di samping kemudahan teknologi maklumat.

Beruntunglah bagi individu atau pelajar yang memahami dan menghargai erti pendidikan itu setentunya akan terus berusaha menimba pendidikan ke tahap yang lebih tinggi dan menganggap ianya sebagai proses yang berterusan.

Dalam era siber ini, tahap pendidikan jelas semakin tinggi dan mencabar sejajar dengan keperluan global yang masing-masing mempertingkatkan proses pendidikan dari peringkat usia muda hinggalah ke usia tua.

Persoalannya di sini, adakah dengan memperoleh pendidikan akademik yang tinggi sahaja sudah mencukupi bagi setiap individu itu untuk terus berjaya dalam kehidupan atau pekerjaan sehari-hari?

Memang diakui pendidikan akademik khusus-

nya pendidikan yang tinggi itu setentunya akan dapat menjamin kehidupan. Bagaimanapun rasanya masih ada sesuatu perkara yang perlu disertakan bersama dengan pendidikan akademik iaitu kemahiran.

Dengan peningkatan jumlah graduan-graduan yang menamatkan pengajian dari pelbagai universiti sama ada dari dalam dan luar negeri ketika ini menghadapi persaingan untuk mendapatkan pekerjaan.

Di sektor kerajaan, pekerjaan akhir-akhir ini amat sukar untuk diperolehi di mana para pencari kerja dinasihatkan agar tidak menumpukan pergantungan pekerjaan di sektor kerajaan tetapi lebih digalakkan untuk menjalankan perniagaan atau mencari pe-

luang-peluang pekerjaan di sektor swasta.

Dalam persoalan ini, sektor swasta setentunya turut menumpukan perhatian kepada mereka yang lebih berkemahiran untuk menjawab sebarang jawatan-jawatan tinggi dalam sesebuah syarikat.

Adalah diakui bahawa kemahiran turut memainkan peranan dalam apa jua gerak laku dalam setiap pekerjaan seharian kerana pendidikan tanpa kemahiran akan mengakibatkan kelambatan bagi sesebuah organisasi untuk mencapai kejayaan.

Ini berbeza dengan pendidikan yang disertai kemahiran setentunya akan mempercepatkan proses perkembangan dan tidak mustahil akan mengesepi

kemajuan dalam jangka masa yang singkat.

Di sektor swasta kemahiran lebih diutamakan kerana para pelanggan akan hanya menaruh kepercayaan kepada sesebuah syarikat yang mempunyai kemahiran dan dapat mengurus sesuatu urusan dengan cepat dan berkualiti.

Pendidikan yang dilengkapi dengan kemahiran, insya-Allah akan mencapai kesempurnaan dalam segenap urusan.

Mohd. Mazdi bin Haji Marsidi,
No. 10, Simpang 662,
Kampung Salambigar,
Jalan Muara.
No. k/p: 00-310905

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Pendidikan Akademik Perlu Dilengkapi Dengan Kemahiran' akan menerima hadiah wang tunai sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu disiarkan di muka surat ini.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Berikan Bantuan Kepada Kurang Upaya'. Tarikh tutup 28 April 2004.
2. 'Libatkan Diri Dengan Sukarela'. Tarikh tutup 4 Mei 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjangnya antara 300 hingga 500 patah perkataan. Awda hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon dan nombor akaun serta nama bank. Pendapat hendaklah dihantar kepada alamat berikut:

Penerbit Minda Pembaca,
Bahagian Akhbar,
2 Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunet.bn
Faks: 2381004

Miliki kemahiran pelbagai bidang

SUMBER manusia merupakan aset terpenting dan penyumbang terbesar kepada pembangunan sosio-ekonomi. Pendidikan yang mantap akan melahirkan tenaga kerja yang berkualiti dan produktif. Ini bermakna pendidikan merupakan aset yang amat berharga dalam membangun sesebuah negara. Justeru itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperuntukkan kewangan yang besar pada setiap tahun dalam usaha berterusan melahirkan sumber manusia bagi menjana pembangunan dan kemajuan negara di masa mendatang.

Walau bagaimanapun dalam situasi sekarang dan global ini kita bukan sahaja hanya melahirkan sumber tenaga manusia yang berorientasikan akademik semata-mata namun yang penting ialah ilmu yang digandungi dan disertai dengan kemahiran pelbagai bidang. Untuk itu, tenaga kerja yang berkemahiran, berkualiti dan mudah menyesuaikan diri dengan perubahan kemajuan industri adalah penggerak kepada sumber-sumber lain negara dan menghasilkan output yang lebih dan bernilai tinggi.

Ini juga bermakna para penuntut yang bakal mewarisi kepimpinan dan penggerak kemajuan negara, perlulah mengubah sikap dengan mengutamakan kemahiran-kemahiran tertentu. Para penuntut perlulah berjinak-jinak dan berusaha sedaya upaya meningkatkan kemahiran-kemahiran, kerana kita merasakan dalam dunia tanpa sempadan, pendidikan akademik sahaja tidak menjanjikan untuk lebih mudah meraih peluang pekerjaan jika tidak dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran tertentu. Dalam sektor swasta misalnya, pengambilan tenaga kerja lebih mengutamakan

mereka yang mempunyai kemahiran profesional, berdaya tahan dan dinamik serta produktif kerana sektor tersebut mengutamakan penghasilan dan produktiviti yang berkualiti dan bukannya kuantiti.

Kemahiran utama yang perlu ada bagi setiap penuntut ialah berkeupayaan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Dalam serba-serbi sekarang, ICT diberikan penekanan dan kini mendapat tempat serta diberikan perhatian serius oleh semua negara termasuk Negara Brunei Darussalam. ICT mempengaruhi semua kehidupan kita, baik di rumah, pejabat di kedai-kedai dan semestinya. Ternyata ICT menjadi keperluan asas masa kini kerana ianya mampu menghasilkan produktiviti dan penghasilan yang lumayan khususnya di bidang industri, perdagangan, pelaburan. Kemahiran di bidang komputer juga merupakan satu kelebihan dalam penghasilan tenaga kerja. Kemampuan menggunakan komputer dengan mahir kini menjadi suatu kemestian dalam apa jua bidang pekerjaan. Mereka yang mahir di bidang komputer ternyata mudah untuk mendapatkan pekerjaan berbanding mereka yang mempunyai kelulusan di bidang akademik.

Selain daripada itu, kemahiran di bidang komunikasi juga merupakan aset yang penting. Keupayaan kita berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik serta mampu bersaing dengan dunia luar merupakan faktor yang penting yang kini diutamakan oleh dunia luar. Bagi negara kita, Brunei Darussalam kemahiran di bidang ini amatlah dituntut dan kerajaan menggalakkan agar warga kita berkemampuan untuk berkomunikasi dengan baik bagi menyayangi masyarakat luar negara terutama dalam usaha kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur melabur di negara kita.

Tanpa kemahiran berkomunikasi kita akan tertinggal dalam mengejar kemajuan dan pembangunan.

Kemahiran-kemahiran lain yang perlu ada ialah di bidang teknikal dan vokasional, kerana bidang ini sangat popular dan kini mendapat perhatian dalam pasaran tenaga kerja berbanding dengan pendidikan akademik. Kalau kita perhatikan negara matahari terbit seperti Jepun dan juga Republik Korea lebih mengutamakan kemahiran yang berorientasikan teknikal dan vokasional daripada pendidikan akademik. Maka tidak hairanlah negara-negara berkenaan kini bukan sahaja maju tetapi memonopoli perdagangan ekonomi dunia sejagat dengan pendapatan per kapita yang tinggi.

Apa pun alasannya, pendidikan akademik perlulah dilengkapi dengan kemahiran, kerana tanpa adanya kemahiran tertentu bukan sahaja menjejaskan peluang untuk mendapat pekerjaan tetapi kita akan tertinggal jauh di belakang. Mereka yang berpendidikan tinggi dan mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu, berdaya maju, dinamik serta produktif tentu sahaja akan mendapat keutamaan dan diperluk oleh negara dalam menjana serta membangunkan Negara Brunei Darussalam khususnya dengan wujudnya industri-industri mega di masa depan yang lebih memerlukan guna tenaga kerja tempatan yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran.

Nor Azimah binti Haji Mohammad
Universiti Brunei Darussalam.
Jalan Tungku Link, Gadong
No. k/p: 00-297668

REMAJA

MEMUPUK SEMANGAT SUKARELAWAN

OLEH H. A. MANAP

SUDAH menjadi suatu keperluan dalam kehidupan kita bermasyarakat iaitu akan ada yang saling memerlukan dan diperlukan. Tidak dapat tidak inilah sebahagian daripada warna kehidupan yang mesti kita lalui. Namun dalam apa pun keadaannya, di antara kedua-dua faktor ini anggota yang saling memerlukan itu perlu kita peduli dan tangani dengan sebaiknya. Adakalanya mereka dalam keadaan serba kekurangan, adakalanya pula mereka dalam keadaan tidak berkemampuan dan banyak lagi kemungkinan-kemungkinan yang serba memerlukan. Jika ini yang kita hadapi maka kita yang serba ditakdirkan boleh berperanan menjadi penyumbang dan membantu hendaklah tidak membiarkan ia berlaku begitu sahaja dan kita perlu peka bahawa kita amat diperlukan.

Melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarelawan merupakan salah satu amalan yang sangat baik dan terpuji, kerana ini boleh mewujudkan suatu keadaan saling hormat-menghormati dan saling bantu-membantu. Bila kita terlibat dalam kerja-kerja sukarelawan misalnya, kita boleh melakukan dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan bantuan dari kita. Secara berkumpulan pula jika kita melakukan kerja-kerja amal tentulah akan memberikan satu kekuatan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut. Kita melihat golongan sukarelawan merupakan kelompok masyarakat yang sanggup untuk menabur bakti dan kerja secara sukarela tanpa mengharapkan dibayar upah dan sebagainya.

Imbalannya hanyalah satu untuk menuntut keredaan Allah dan dapat meringankan bebanan orang yang memerlukan bantuan tersebut. Di negara kita semangat dan iklim sedemikian ini perlu kita jaga dan semai agar ia terus subur dengan baiknya. Di kalangan generasi baru bukan sedikit daripada mereka melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela. Hasilnya kita dapat melihat pada setiap perkara-perkara yang melibatkan kerja sukarela untuk masyarakat, akan ramai yang turut serta dan menghulurkan bantuan. Kesedaran sedemikian merupakan suatu trend yang sangat mulia. Ia menghasilkan suatu gerak kerja yang sangat tinggi nilainya di sisi agama dan masyarakat. Namun kita perlu menyemai semangat dan iklim sedemikian ini di kalangan generasi baru agar ianya tidak pupus dalam kita melalui arus permodenan hidup.

Meskipun kita terpaksa berdepan dengan keadaan tertentu di mana sikap 'inda berapa ingau' sudah mula wujud, namun ia boleh sahaja kita perkecilkan saiz pengaruh tersebut dengan adanya pelbagai kegiatan sama ada di peringkat kumpulan, kampung, mukim dan negara mengadakan gerak kerja yang berunsurkan amal ini. Hanya dengan langkah sedemikian ini kita bukan sahaja akan dapat melahirkan generasi yang tidak camah mata malahan yang mempunyai 'sense of

belonging' yang sangat mendalam terhadap masyarakatnya. Kewujudan pertubuhan-pertubuhan yang bukan kerajaan, juga merupakan pelantar kerja yang boleh meningkatkan kesedaran untuk melakukan kerja sukarela ini.

Matlamat sesebuah organisasi tersebut perlu lah kemas dan teratur untuk merancang strategi bagi membolehkan setiap ahli dapat berperanan membantu masyarakat. Ramai yang sedia melakukan kerja-kerja sukarela akan dapat menanamkan sifat pemedulian yang tinggi. Sikap sedemikian amat kita perlukan dalam pembentukan sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera yang kita inginkan. Kita tidak semestinya terus menjadi penonton terhadap kehidupan yang dideritai oleh sebahagian dari anggota masyarakat kita. Langkah yang sepatutnya kita lakukan ialah berperanan dalam apa-apa yang boleh kita sumbangkan. Inilah harapan dan juga apa yang sentiasa dinantikan oleh mereka yang memerlukan kita.

Justeru bila kita terlibat secara langsung dengan kerja-kerja sukarela, kepuasan yang akan kita terima ialah bila kita dapat membantu dalam

meringankan dan membebaskan anggota masyarakat kita dari kepayahan dan kesulitan hidup yang mereka lalui. Keindahan kerja sukarela memang tidak dapat kita nafikan lagi, kerana ia adalah hasil dari keikhlasan hati ingin menghulurkan bantuan. Ada orang boleh membantu dengan sumber kewangan yang ia miliki, sementara ada pula dengan harta yang sesuai untuk dijadikan alat membantu, namun bagi kita yang tidak mampu berbuat sedemikian, tenaga dan kerja ikhlas kitalah yang patut digembeng untuk dijadikan modal bagi menghulurkan bantuan. Di negara kita ini, kita amat bersyukur, anggota masyarakat kita mempunyai kesedaran yang sangat tinggi terhadap betapa pentingnya kerja sukarela atau menjadi sukarelawan.

Bantuan yang dihulurkan bukan sahaja setakat untuk membantu anggota masyarakat di dalam negara kita malahan juga di negara luar. Bantuan-bantuan terhadap saudara-saudara kita seugama di negara-negara yang ditimpa bencana tidak pernah lepas dari pandangan dan pemerhatian kita. Mudah-mudahan sikap dan kesedaran sedemikian ini akan terus menjadi pakaian kita, bukan setakat generasi lama akan tetapi menjadi asuhan dan ditanamkan pada diri generasi yang baru. Kita berdoa semoga kerja-kerja amal dan sumbangan ikhlas yang kita lakukan akan mendapat keredaan Allah dan diterima-Nya jua. Amin.

Penerima anak kunci rumah menjunjung kasih

GADONG, 7 April. - Penerima lot-lot tanah dan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Mata-Mata (Katok B) dan perumahan yang dimajukan oleh pemaju di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampong Tungku, Kampong Lambak Kanan dan penggeran tapak rumah di atas tanah lesen tumpang sementara melahirkan rasa syukur dan setinggi-tinggi menjunjung kasih kerana berjaya mengikuti skim tersebut.

Bagi Dayang Hajah Afsah binti Haji Abdul Rahman, beliau melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana telah memakbulkan doa bagi mendapatkan rumah walaupun menunggu agak lama.

"Saya mula memohon bagi mendapatkan rumah sejak berusia 17 tahun, kini saya sudah berumur 46 tahun baru mendapat rumah dan mula mendiami rumah baru setelah 18 tahun permohonan," katanya.

Tambahnya, setelah menunggu proses demi proses mereka diberikan rumah jenis kelas C dan telah mendiami rumah tersebut sejak 1997, dan sebelum itu mereka mengikut orang tua yang tinggal di atas tanah lesen tumpang sementara buat

Oleh
Abdullah Asgar

beberapa lama dan setelah berkahwin tinggal di berek tentera.

Beliau memberitahu wakil PELITA BRUNEI dalam satu temu bual setelah menerima anak kunci rumah barunya di Majlis Pengantugahan yang berlangsung di Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar dekat sini.

Sementara bagi Dayang Hajah Mardini binti Haji Md. Noor yang menerima bagi Allahyarham ayahnya (Haji Md. Noor) berkata, walaupun menunggu lebih 16 tahun tapi akhirnya barulah ayahnya mendapatkan rumah dan dia bagi pihak ayahnya mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana menerima mereka rumah yang dinantikan selama ini.

"Sebelum ini kami tinggal di Kampong Sungai Siamas, Kampong Ayer sehinggalah kami berpindah ke rumah baru Kampong Mata-Mata Katok B bersama emak dan anak-anak buah yang kesemuanya empat orang," katanya.

Manakala Awang Z. Noordin bin Haji Zainal berusia 40 tahun pula melahirkan rasa gembira dan puas hati walaupun terpaksa menunggu hampir 20

tahun untuk mendapat sebuah rumah tempat berteduh dari hujan dan panas matahari.

Beliau yang bertugas di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sebelum ini tinggal di rumah kerajaan selama lebih 10 tahun.

"Saya telah dan sedang merancang penghidupan baru dengan rumah baru bersama keluarga yang tersayang," katanya.

Manakala bagi Awang Ramli bin Haji Ismail, 46 tahun, juga meluahkan rasa syukur dan berpuas hati kerana mendapat sebuah rumah yang selama ini dinantikan.

"Saya menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas penganugerahan anak kunci rumah dan telah memperkenalkan kami untuk mendapat sebuah rumah yang kekal dan selesa," katanya.

Beliau yang menunggu lebih 19 tahun untuk mendapatkan rumah telah mula mendiami rumah barunya sejak hampir lapan bulan yang lalu.

Kini hidup beliau lebih ceria kerana mendapat rumah yang diidamkan dan dapat tinggal dengan selesa bersama keluarga dan merancang penghidupan yang lebih baik dari sebelumnya.



SAYA menunggu lebih 19 tahun untuk mendapat rumah ... Awang Ramli bin Haji Ismail, 46 tahun.



PERMOHONAN yang dibuat sejak berusia 17 tahun akhirnya membuahkan hasil ... Dayang Hajah Afsah binti Haji Abdul Rahman kini berusia 46 tahun.



SELAMA hampir 20 tahun menunggu kini kami sekeluarga mendapat rumah yang diidamkan ... Awang Z. Noordin bin Haji Zainal, 40 tahun.



KAMI sekeluarga sebelum ini tinggal di Kampong Sungai Siamas ... Dayang Hajah Mardini binti Haji Md. Noor (wakil Allahyarham Haji Md. Noor bin Bakar).

PPNBD akan menambah kepada 10,000 keahlian menjelang tahun 2013

PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dalam memperkasa keutuhannya telah membuat satu visi yang mana bilangan ahli akan ditambah dari 2,500 kepada 10,000 orang menjelang tahun 2013.

Keahlian PPNBD di peringkat sekolah dan maktab dan bilangan keahlian setakat ini adalah di tahap yang sama.

Salah satu faktor yang menyumbang ke arah ini ialah kerana kurangnya minat di kalangan guru-guru sekolah dan maktab untuk menubuhkan pa-

sukan pengakap secara sukarela.

Walaupun ini satu cabaran yang hebat, PPNBD terus berusaha untuk mencapai visinya adalah cerah terutama di kalangan remaja dan belia kerana lebih separuh dari penduduk negara ini terdiri dari kumpulan umur remaja dan belia.

Salah satu strategi untuk merealisasikan visi ini adalah dengan menubuhkan pasukan 'HQ Base' di keempat-empat daerah di negara ini bermula 1 Januari 2004.

Sementara itu bagi Daerah Brunei dan Muara,

pasukan-pasukan berikut juga akan ditubuhkan mulai 1 Mei 2004. Pasukan-pasukan tersebut ialah:

* Adi Pengakap untuk umur antara 5 - 8 tahun.

* HQ Open Troop untuk umur antara 13 - 25 tahun.

* Elite Troop untuk umur antara 15 - 25 tahun.

Keahlian pasukan-pasukan baru ini akan dibukakan kepada semua sukarelawan, orang ramai dan penuntut, lelaki atau perempuan. Bagi pengakap-pengakap perempuan yang tidak dapat meneruskan pelajaran berpepengakap mereka di sekolah

atau maktab masing-masing adalah dipelawa dan boleh menyertai 'HQ Open Troop' bagi meneruskan pelajaran berpepengakap mereka.

Beberapa program yang lebih mencabar dan dinamik bagi menjana pembangunan mental, rohani dan jasmani telah dirancang. Program-program ini dirancang bagi melatih ahli-ahli pengakap menjadi warga yang taat kepada Allah, setia kepada raja, mematuhi undang-undang, ibu bapa, pemimpin dan sentiasa menghayati falsafah negara 'Melayu Islam Beraja', insyaa-Allah.

Pertukaran lawatan wartawan ASEAN di Viet Nam

Viet Nam yang terkenal dengan sejarah dan kebudayaan sentiasa menjadi ingatan sesiapa yang pernah mengunjunginya. Viet Nam negara yang mempunyai lebih 50 kumpulan etnik kaya dengan keunikan kebudayaan yang terbilang dengan identiti kebangsaannya. Budaya yang mereka kekalkan memang sudah wujud beribu-ribu tahun dahulu yang telah membina semangat bagi bangsanya dalam menghirup arus kemerdekaan.

Begitulah gambaran sedikit sebanyak pengalaman ketika bersama seramai 16 orang wartawan negara-negara ASEAN melangkah kaki ke negara yang kaya dengan bangunan-bangunan lama dan tradisi, kebudayaan dan hasil-hasil kraf tangan.

Selama lima hari berada di ibu negara Viet Nam, Hanoi di mana terdapatnya empat juta penduduk berbanding dengan Ho Chi Minh, dan mempunyai tujuh juta penduduk menggunakan bahasa utamanya bahasa Viet Nam telah mengusik hati para peserta ketika melawat beberapa tempat menarik dan bersejarah termasuk ke Kampong Bat Trang terkenal dengan pembuatan pelbagai jenis seramik yang bermutu tinggi, diikuti perjalanan ke Daerah Ha Tay yang menempatkan Perfume Pagoda, Huong Son (Perfume Mountain) yang terletak di Daerah My Duc.

Dalam perjalanan menuju ke Kampong Bat Trang dengan menaiki sebuah bas, pemandangan di sebelah kanan agak menarik dengan sawah padi yang subur menghijau sajanya mata memandang yang memang melayakkan Viet Nam mempunyai lebih dua pertiga hasil pertanian-punya. Manakala sebelah kiri pula memperlihatkan bangunan-bangunan lama yang dimodrenkan sedikit reka bentuk dan rumah-rumah persendirian yang dibina secara klasik yang kesemuanya mempunyai dua hingga empat tingkat telah mengekalkan tradisi hidup orang-orang Viet Nam.

HASIL KERJA TANGAN

Kira-kira sejam perjalanan para wartawan tiba ke destinasi yang dikehendaki iaitu perkampungan Bat Trang yang menghasilkan hasil-hasil pembuatan seramik yang bermutu tinggi yang berjaya dieksport ke luar negara seperti Asia dan Eropah. Kebanyakan industri seramik adalah warisan turun-temurun keluarga perkampungan Bat Trang, menurut Nguyen Tran Long ketika ditemui bual. Keluarganya kini mempunyai industri seramik yang terletak kira-kira satu kilometer dari kedainya. Pekerja-pekerjanya terdiri seramai 20 orang termasuk 10 wanita yang masing-masing ada kema-

hiran menghasilkan seramik pelbagai bentuk dan saiz seperti pasu, piring, cawan, yang reka bentuknya menggambarkan keunikan dan kehidupan orang-orang Viet Nam. Ada di antara para wartawan juga sempat meluangkan masa untuk membeli seramik berbentuk cenderamata sebagai tanda kenangan.

BERSEJARAH

Viet Nam menjadi negara bersatu pada tahun 1976 setelah kekuatan bersenjata komunis dari Viet Nam Utara menguasai Viet Nam Selatan setahun sebelumnya. Penyatuan ini terjadi setelah tiga dekad perang kemerdekaan yang penuh kepahitan, dengan perang kekuatan komunis melawan kolonial Perancis dan diikuti melawan Viet Nam yang didukung Amerika Syarikat.

Perang di hutan-hutan Viet Nam membawa korban yang amat besar bagi kedua-dua belah pihak, di samping berlakunya kekejaman terhadap penduduk biasa dan penghancuran yang tidak memandang bulu ke semua kawasan di negara ini termasuk penggunaan bahan kimia beracun.

Pada bulan November 2000, Presiden Amerika Syarikat ketika itu, Tuan Bill Clinton berkunjung ke Viet Nam yang digambarkan sebagai puncak dari upaya Amerika Syarikat untuk memperbaiki hubu-

ngan dengan bekas musuhnya.

Viet Nam berusaha keras membangunkan negaranya sejak penyatuan Utara dan Selatan. Pemimpin komunis pertama mencuba mengelolakan perekonomian berdasarkan garis kolektif yang ketat, tetapi sejak tahun 1986, elemen-elemen kekuatan pasaran dan perniagaan mulai dibenarkan.

Viet Nam adalah negara pertanian dengan lebih dua pertiga hasil negaranya adalah pertanian, tetapi eksport utamanya adalah pakaian, beras dan alas kaki. Penduduk negara itu dianggarkan berjumlah 81.4 juta pada tahun 2003. Ibu negaranya adalah Hanoi. Rata-rata pendapatan perkapita setahun ialah US\$410 (Bank Dunia 2001).

Perjalanan seterusnya ke tempat bersejarah iaitu Perfume Pagoda yang terletak di Daerah My Duc, Ha Tay, kira-kira empat jam perjalanan dari Hanoi. Sebelum itu para wartawan diberikan penerangan oleh pegawai-pegawai pelancongan dari Daerah Ha Tay yang berperanan penting mengembangkan pelancongan negara tersebut.

Sebelum menuju ke Perfume Pagoda, para wartawan berkumpul di Tebing Sungai 'Day' yang seakan-akan menyerupai Tebing Sungai Kianggeh dan seterusnya menaiki perahu berbentuk seperti 'tamuai'

bagi menikmati keindahan Sungai Day yang dikelilingi oleh bukit-bukau yang menghijau. Para wartawan agak kagum perahu-perahu yang berlabuh di tebing itu kira-kira 6,000 buah memandangkan bertambahnya para pelancong melawat ke tempat yang bersejarah dan penduduk setempat sering berulang alik ke Pagoda terutama musim dalam upacara keagamaan menurut kalendar lunar dan kepercayaan orang-orang Viet Nam, yang mungkin membawa rezeki dan tuah selepas musim menuai padi. Menurut seorang rakan yang sama-sama mengiringi perjalanan para wartawan untuk melalui sungai ini, kerajaan tidak membenarkan perahu yang menggunakan kuasa enjin bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar.

Selama lebih sejam menghirup udara segar Sungai Day, para wartawan tiba di Perfume Pagoda iaitu tempat bersejarah menarik para pelancong yang tidak kurang dari 10,000 pengunjung dalam sehari. Huang Son (Perfume Mountain) adalah nama kesatuan yang mempunyai keluasan sepanjang Sungai Day ini dikatakan tempat persucian orang-orang beragama Buddha. Pada tahun 1774, Lord Trinh Sam melihat kecantikan pemandangan sekitarnya telah menanamkan 'Nam Thien De Nhat Dong' (gua pertama di bawah langit selatan) menggambarkan ciri-ciri Cina-Viet Nam di bawah luar dinding gua Huong Tich.

Wartawan yang berada di hadapan bangunan Perfume Pagoda mengambil kesempatan bergambar ramai bersama para peserta akan keindahan dan kecantikan sekitarnya dan Sungai Day yang dikelilingi oleh bukit-bukau. Untuk sampai ke puncak Pagoda, para wartawan meneruskan perjalanan berjalan kaki selama sejam dengan menggunakan jalan yang dilalui batu-batu yang licin dan agak menggerunkan.

MEDIA

Semasa berada di republik ini, para wartawan ASEAN telah berpeluang beramah mesra bersama Menteri Kebudayaan dan Penerangan, Dr. Pham Quang Nghi mengenai peranan kementeriannya termasuk bertanggungjawab dan mengawal terhadap media cetak dan elektronik,



siaran akhbar, berita mahu-pun terbitan berkala.

PARA peserta Pertukaran Wartawan ASEAN ketika bergambar kenangan bersama Menteri Kebudayaan dan Penerangan Viet Nam, Dr. Pham Quang Nghi.

Media elektronik adalah media yang dominan di Viet Nam dengan kepemilikan televisyen mencapai 98 peratus. Viet Nam Television (VTV) mengadakan penyiaran dari Hanoi melalui satelit ke seluruh negara dan juga wilayah Asia. Ada lebih 50 stesen televisyen daerah dan sekitar 230 stesen 'relay'.

Mendengar radio adalah kegiatan yang sedikit dilakukan. Hanya sekitar 20 peratus orang Viet Nam yang mendengar radio dan 50 peratus bahkan tidak mendengar radio. Stesen radio yang paling popular ialah Tieng Noi Viet Nam (Voice of Viet Nam) dan Phat Tanh.

Rancangan 'Voice of Viet Nam' yang dipusatkan di Hanoi adalah siaran nasional dengan mempunyai lima jaringan domestik dan satu layanan antarabangsa.

Manakala surat khabar yang terkenal di Viet Nam ialah Nhan Dan, harian Partai Komunis, Viet Nam Economic Times, Viet Nam News berbahasa Inggeris, Quan Doi Nhan Dan, Harian Angkatan Bersenjata dan Le Courier du Viet Nam berbahasa Perancis.

Di akhir lawatan para wartawan berpeluang beramah mesra bersama Ahli-ahli Persatuan Wartawan Viet Nam yang mana persatuan ini hampir menjangkau 70 tahun. Para wartawan ASEAN telah mengajukan beberapa soalan dan bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan wartawan negara masing-masing.



SEORANG pembuat seramik begitu teliti untuk menghasilkan seramik yang bermutu.



MENUNGGANG motosikal dan mengayuh basikal memang menjadi trend biasa di Viet Nam.



PARA wartawan ASEAN sedang menuju ke Perfume Pagoda, salah satu destinasi menarik untuk para pelancong.

Biasiswa ditawarkan kepada pelajar cemerlang akademik

KUALA BELAIT, 31 Mac. - Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi berkata Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar untuk mendedahkan pencapaian ketulusan pembelajaran yang diperlukan di universiti dalam dan luar negara.

Ini kerana negara memerlukan rakyat yang berpelajaran dan berkemahiran tinggi untuk membantu kerajaan serta membawa negara ke tahap yang lebih tinggi, selain itu negara juga memerlukan rakyat yang taat, bersemangat patriotik, komited dan mempunyai arah, visi dan wawasan untuk berjaya. Dato Paduka berucap demikian di Majlis Ramah Mesra bersama pelajar-pelajar Pra U1 (Tingkatan 6 Bawah) sesi 2004/2005

Sekolah Menengah Sayyidina Ali di sini.

Dato Paduka menekankan peralihan para pelajar dari Tingkatan 5 ke Tingkatan 6 bukan setakat naik kelas dan ianya bukan sesuatu yang mudah untuk naik satu anak tangga kerana mereka akan memasuki alam pendidikan yang berbeza dari segenap segi memerlukan pendekatan, pemikiran dan kehidupan yang berbeza. Selain itu walaupun mereka mungkin mengambil tiga, empat atau lima mata pelajaran sahaja tetapi ianya memerlukan tuntutan yang lebih, pandai membahagikan masa dan memerlukan tumpuan sepenuhnya.

Oleh yang demikian, kata Dato Paduka, pendidikan memerlukan matlamat untuk mencapai kejayaan dengan membuat persediaan bagi menghadapi kegagalan dan belajar daripada kegagalan itu dan anggaplah kegagalan itu sebagai cabaran dan ujian serta mengambil pengajaran daripada kegagalan.

Dato Paduka menambah, bukan mudah seseorang itu menjadi contoh baik terutama kepada anak sendiri. Banyak contoh si ayah atau ibu berjaya dalam karier dan kehidupan mereka tetapi anak-anak mereka tidak berdaya membina hidup mereka tanpa terus bergantung kepada ibu bapa atau hidup mereka susah dari ibu bapa mereka sendiri.

"Ini yang mahu kita elakkan. Kalau ibu bapa kita hidup senang kita mahu lebih senang dari mereka, bagaimana pun semua itu memerlukan usaha yang sungguh-sungguh dari diri sendiri kerana tidak ada orang lain yang boleh membantu melainkan adanya

Berita dan gambar oleh Dk. Hajah Saidah PHOA

usaha sendiri dan orang lain hanya sebagai pemerhati sahaja," kata Dato Paduka menasihati pelajar-pelajar berkenaan.

Pengetua sekolah berkenaan, Cikgu Koh Hong Pua dalam ucapan alu-aluannya menyentuh mengenai pencapaian para pelajar Tingkatan 6 sejak beberapa tahun kebelakangan meningkat dengan begitu menggalakkan.

Sehubungan itu katanya, pihak sekolah akan terus memantau dan memastikan pencapaian cemerlang semua pelajar sebagaimana hasrat Kementerian Pendidikan dan dari segi rekod pencapaian para pelajar dalam Peperiksaan BGCE Peringkat A juga sebagai faktor penyumbang kepada peningkatan keyakinan ibu bapa mengenai keupayaan sekolah tersebut menyelenggarakan Program Peringkat A.

Beliau menyatakan keputusan pertama BGCE Peringkat A dalam tahun 1998 ialah 36 peratus bagi pelajar yang mendapat 2 Peringkat A ke atas dan pada tahun lepas meningkat kepada 64 peratus.

Pusat Tingkatan 6, sekolah itu telah ditubuhkan pada bulan April 1997 yang membuka lembaran baru dalam sejarah pendidikan Tingkatan 6 dan menunjukkan perkembangan pesat pendidikan di negara ini. Sungguhpun pada awalnya terdapat keraguan sebilangan kecil ibu bapa mengenai keupayaan sekolah tersebut menyelenggarakan pengajian Tingkatan 6 tetapi sokongan padu Kementerian

Pendidikan usaha-usaha melengkapkan tenaga pengajar dan buku-buku teks dalam waktu yang begitu singkat telah mengubah persepsi ibu bapa dan orang ramai.

Pada mula ianya ditubuhkan keramaian pelajar 135 orang dan semakin meningkat setiap tahun. Mengikut perangkaan sejak tahun 1997 hingga 2004 keramaian pelajarinya 1,470 orang belajar dalam Tingkatan 6 Bawah dan Atas iaitu 515 pelajar pada tahun ini di mana seramai 192 orang datang dari sekolah menengah kerajaan dan 93 orang dari sekolah bukan kerajaan.

Di majlis itu Timbalan Menteri Pendidikan menyampaikan hadiah pelajar terbaik dalam Peperiksaan BGCE Peringkat 'O' tahun lepas dari 11 buah sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan di daerah ini yang kini belajar dalam Tingkatan 6 Bawah di sekolah itu dan penyerahan bantuan kewangan kepada beberapa pelajar Tingkatan 6 yang kurang mampu.

Timbalan Menteri Pendidikan dan rombongan terdiri Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua Pengarah Pendidikan, Pegawai Tugas-tugas Khas, Pengarah-pengarah dan Penolong-penolong Pengarah menyaksikan pameran kemajuan pelajar dan beramah mesra bersama para pelajar sekolah berkenaan.

TAHNIAH ... Timbalan Menteri Pendidikan menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar terbaik dalam Peperiksaan BGCE Peringkat 'O' tahun lepas.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi beramah mesra bersama pelajar-pelajar Pra U1 Sekolah Menengah Sayyidina Ali.

Halqaqah Tilawatil Quran program makmurkan masjid

KUALA BELAIT, 23 Mac. - Memakmurkan masjid melibatkan semua golongan masyarakat tanpa mengira peringkat umur di mana pelbagai aktiviti diwujudkan di masjid-masjid di negara ini bertujuan bagi memakmurkan masjid, di samping mendorong masyarakat agar mencintai masjid dan agama.

Salah satu aktiviti ialah mengadakan Halqaqah Tilawatil Quran yang diadakan di Masjid Perpindahan Kampong Pandan di sini. Tetamu kehormat di majlis itu, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Adnan bin Hanafiah.

Majlis disemarakkan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh beberapa orang qari negara. Pegawai Hal Ehwal Masjid Daedah Belait, Awang Zulkifli bin Zakaria menjelaskan pengertian memakmurkan masjid itu boleh diertikan sebagai mengimarahkan atau menyemarakkan masjid, di samping orang ramai beramal ibadat di dalamnya.

Katanya, pelbagai aktiviti memakmurkan masjid selain sebagai tempat menunaikan ibadah salat juga mengadakan pelbagai program seperti Kelas

Pengajian Al-Quran, Kelas Kuliah Ujama, ceramah agama dan pelbagai kegiatan yang menjurus kepada masyarakat itu sendiri tanpa mengira peringkat umur.

Ini bermakna apa jua bentuk aktiviti yang berfaedah dan membina yang dibuat dalam masjid tergolong sebagai kegiatan yang bertujuan untuk memakmurkan masjid. Setiap masjid mempunyai aktiviti yang tersendiri yang boleh mendorong masyarakat ke arah melakukan sesuatu yang bermanfaat kepada individu itu sendiri.

SAUDARA BARU TERIMA RUMAH BANTUAN PDI

SUNGAI LIANG, 29 Mac. - Pemangku Ketua Unit Da'wah Daerah Belait, Dayang Hajah Hanisah binti Abdullah berharap saudara-saudara baru yang menerima bantuan rumah dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI) agar sentiasa menunaikan segala perintah dan meninggalkan larangan Allah Subhanahu Wataala pada amnya dan melaksanakan amal ibadat khususnya.

Selain itu beliau juga

berharap agar mereka dapat menghayati ajaran agama Islam dengan sebaiknya kerana segala rezeki yang diperolehi datangnya daripada Allah dan dalam waktu yang sama berharap mereka menjaga kebersihan sama ada di dalam, luar dan kawasan rumah mereka.

Beliau menambah bantuan rumah bukan bermakna semestinya diberikan kepada setiap orang di kalangan

saudara baru tetapi ia hanya diberikan kepada mereka yang terpilih oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Penimbangan Bantuan Kebajikan Saudara-saudara Baru PDI dengan mengambil kira dari segi keperluan, kepentingan dakwah atau keadaan kehidupan mereka yang berkenaan seperti kehidupan tertali daif. Beliau berucap demikian di Majlis Penyerahan Anak Kunci Rumah Bantuan PDI kepada Dayang Siti Maryani

binti Abdul Rahim @ Jedni anak Anjan yang berlangsung di Lot 3912 Simpang 1183 - 71 Kampong Tunggalan di sini.

Rumah bantuan berkenaan merupakan projek tahunan PDI setakat ini di Daerah Belait rumah bantuan iaitu termasuk bahan binaan serta upah sebanyak 10 buah, manakala bantuan (hanya bantuan untuk sebuah rumah) sebanyak dua buah. Rumah bantuan tersebut dibina bagi meningkatkan taraf kehidupan saudara-saudara baru terhadap kehidupan sebelum mereka memeluk Islam, di samping memberikan keselesaan kepada mereka sehari-hari lebih-lebih lagi dalam melaksanakan ibadah kepada Allah Subhanahu Wataala serta merupakan salah satu daripada strategi dakwah kepada mereka yang berkenaan.

Tetamu kehormat majlis, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Dato Seri Setia Awang Haji Adam menyampaikan anak kunci rumah kepada Dayang Siti Maryani. Rumah berharga lebih \$47,000.00 itu dibina pada 19 Ogos 2002 dan siap pada akhir bulan November pada tahun yang sama. Dayang Siti Maryani dan suaminya, Awang Reduan bin Abdullah @ Budol anak Sauh mempunyai empat orang anak memeluk agama Islam pada 13 Mei 1989.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Dato Seri Setia Awang Haji Adam ketika membuka rasmi rumah Dayang Siti Maryani binti Abdul Rahim @ Jedni anak Anjan.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan ketika menghadiri Majlis Perjumpaan Jawatankuasa Tindakan Kecemasan Daerah Belait.



ANGGOTA bomba bekerja keras memadam kebakaran yang meranapkan 30 buah rumah setinggan di kawasan Kampong Baru.

TONJOLKAN KUIH ASLI BRUNEI KEPADA MASYARAKAT UMUM

KUALA BELAIT, 2 April. - Negara Brunei Darussalam sememangnya kaya dengan kuih-muih asli, namun sebahagian generasi muda kurang mengetahui akan kewujudan kuih-muih tersebut disebabkan kurang pendedahan mengenainya kepada mereka.

Sehubungan itu lebih 60 kaum wanita Daerah Belait menyeru Bengkel Latihan dan Tunjuk Cara Membuat Kuih Asli Brunei selama dua hari anjuran Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Belait dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP) Daerah Belait diadakan di Mini Pusat Belia di sini.

Bengkel tersebut sebagai salah satu usaha untuk memperkenalkan kuih-muih asli Brunei di Daerah Belait. Antara kuih yang diperkenalkan

ialah pulut panggang, wajit dan kusoi. Bengkel bertujuan memberi bimbingan dan galakan dalam memperkenalkan, mempertahankan dan mengekalkan masakan makanan tradisi yang semakin kurang mendapat perhatian dan sambutan di kalangan generasi muda.

Sepanjang bengkel para peserta berpeluang membuat sendiri kuih asli Brunei dengan cara yang betul, di samping menyaksikan tunjuk cara penyediaan masakan serta mempelajari resipi makanan yang disediakan. Peserta bengkel dibahagikan enam kumpulan dan setiap kumpulan membuat kuih yang sama iaitu pulut panggang, kusoi dan kuih delamu. Generasi muda mungkin tidak tahu akan kuih delamu, bahan-bahan untuk membuat kuih ini senang didapati

seperti kelapa parut, pisang, air dan tepung. Apabila sebatian adunan tersebut dibungkus dengan daun pisang lalu dikukus hingga masak.

Dalam bengkel tersebut kemahiran para peserta juga diuji melalui pertandingan membuat kuih asli yang dijadualkan pada hari kedua dengan hadiah istimewa oleh penganjur bagi para pemenang.

Melalui bengkel seumpama itu diharapkan membuka peluang kepada generasi wanita muda bergiat aktif, inovatif dan berdaya kreatif serta komersil dengan menghasilkan produk makanan asli di arena antarabangsa, di samping mengeratkan hubungan sesama kaum wanita Daerah Belait melalui pertukaran idea dalam urusan pemasaran kuih-muih asli Brunei.

Tempat tinggal pekerja yang selamat mesti diambil kira

SERIA, 3 April. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan menyeru setiap agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta orang ramai supaya berganding bahu memikul tanggungjawab bagi membantu mangsa kebakaran rumah setinggan di kawasan Kampong Baru.

Dato Paduka berkata, langkah tersebut perlu bagi meringankan bebanan yang dihadapi mereka yang terlibat, selain itu Dato Paduka juga meminta para majikan menyediakan kediaman bagi para pekerja mereka.

Dato Paduka berucap demikian di Majlis Perjumpaan Jawatankuasa Tindakan Kecemasan Daerah Belait yang berlangsung di Pejabat Daerah Seria di sini.

Kejadian kebakaran yang berlaku pada hari Jumaat lepas kira-kira jam 2.30 petang telah meranapkan kira-kira 30 buah rumah setinggan di kawasan Kampong Baru di mana enam buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran itu tinggal sehelai sepinggang.

Berikutan kejadian itu jawatankuasa (task-force) ditubuhkan. Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah selaku Pengerusi Jawatankuasa menerangkan, sebuah Bilik Gerakan ditubuhkan di Pejabat Daerah Seria dengan talian telefon hotline 3222052 yang akan dibuka bermula jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari sehingga 9 April

Berita dan gambar-gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas, Jabatan Daerah Belait, Awang Haji Sueb Rizal bin Haji Abdul Malek menyampaikan bantuan Jabatan Pembangunan Masyarakat, badan-badan bukan kerajaan dan orang-orang persendirian kepada mangsa kebakaran rumah setinggan di kawasan Kampong Baru.

bagi menerima sebarang aduan yang berkaitan kebakaran, selain sebagai pusat penerimaan dan pembahagian bantuan kecemasan.

Orang ramai juga dialu-alukan bagi menghulurkan bantuan berupa pakaian dan makanan serta sebagainya kepada mangsa-mangsa berkenaan dan bolehlah menghubungi Urus Setia Jabatan Daerah Belait bertempat di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Seria.

Antara tindakan yang diambil mengumpulkan semua mangsa di Dewan Pejabat Daerah Seria selain mengambil keterangan mangsa bagi tindakan lanjut, manakala bantuan berupa keperluan makanan juga dihulurkan kepada

mangsa melalui pihak Persatuan Bulan Sabit Merah, Daerah Belait.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman di majlis itu menyeru para majikan supaya menyediakan tempat penginapan yang selamat bagi para pekerja.

Menurut Dato Paduka menyediakan tempat penginapan kepada para pekerja adalah berdasarkan Peraturan dan Undang-undang Akta Buruh yang dikuatkuasakan ketika ini dan tanggungjawab tersebut tidak sepatutnya diabaikan begitu sahaja oleh para majikan.

Dato Paduka menambah perkara seumpama itu ber-

tujuan mengelakkan kejadian malang berulang lagi dan sehubungan itu Dato Paduka menyarankan supaya kawasan kebakaran dibersihkan dan tidak didirikan semula rumah kediaman yang baru di kawasan itu.

Sejurus selepas perjumpaan itu Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan rombongan melawat tapak kebakaran terbahit. Mangsa yang terbahit terdiri daripada warga asing, penduduk tetap dan sebilangan kecil warga tempatan dilaporkan tidak berada di rumah ketika kejadian selain beberapa orang suri rumah dan anak-anak yang sempat menyelamatkan diri. Turut musnah dalam kebakaran itu empat buah kenderaan yang diletakkan berdekatan tempat kejadian.

Api dilaporkan berjaya dikawal dalam masa kira-kira dua jam oleh 30 anggota bomba dari Kuala Belait, Sungai Liang dan Seria. Turut berada di tempat kejadian ialah Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Abdul Majid bin Alias; Pegawai Tugas-Tugas Khas, Jabatan Daerah Belait, Awang Haji Sueb Rizal bin Haji Abdul Malek dan Pegawai Memerintah Polis Daerah Belait, Awang Haji Majid bin Awang Damit.

Punca kebakaran bagaimanapun masih disiasat dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan, manakala kerugian harta benda dilaporkan bernilai lebih \$230 ribu.

ATLDB adakan Pameran Kerjaya dan Kapal Terbuka

KUALA BELAIT, 22 Mac. - Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) telah mengadakan Pameran Kerjaya dan Kapal Terbuka selama empat hari di Pelabuhan Komersil di sini.

Orang ramai tidak melepaskan peluang menyaksi-

kan lebih dekat alat-alat kemudahan yang terdapat di tiga buah kapal terbuka ATLDB iaitu Kapal Diraja Brunei Seteria, Kapal Diraja Brunei Perwira dan Kapal Diraja Brunei Teraban sambil diberi penerangan oleh Pegawai-pegawai Tentera

Laut.

Pameran Kerjaya dan Kapal Terbuka bertujuan bagi mengeratkan tali silaturahmi di antara masyarakat Daerah Belait dan anggota tentera laut, di samping melatih pegawai-pegawai muda tentera laut dalam per-



PENGUNJUNG kecil ini mencuba salah satu kemudahan yang terdapat di sebuah kapal ATLDB sambil diawasi oleh ayahnya dan Pegawai Tentera Laut.

ancangan dan pelaksanaan dedikasi.

Pameran tersebut menumpukan kepada syarat-syarat pengambilan rekrut baru dan peralatan khas bagi mengesan bulat dan bintang serta pameran replika kapal pejuang bantu. Melalui kunjungan tersebut orang ramai juga berpeluang menyusuri beberapa kilometer Sungai Belait.

Semasa berada di daerah ini pegawai-pegawai kanan tentera laut diketuai oleh Mejar (L) Haji Aznan telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Pemangku Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Azman bin Menudin. Juga menyertai rombongan tersebut Mejar (L) Nurshahrinizam, Mejar (L) Muhiyuddin Syarifuddin dan Kapten (L) Suhailee.

Selain mengadakan Pameran Kerjaya dan Kapal Terbuka, ATLDB juga melakukan kerja amal dan mengadakan perlakuan bola sepak persahabatan bersama pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan.

Dari muka 2

semua orang Melayu yang akan dapat menumpahi ambuyat tersebut dengan sempurna. Dan selalunya, ambuyat dinikmati bera- mai-ramai antara keluarga ataupun teman rapat. Bayangkanlah keba- hagian dan kegembiraan antara ahli keluarga yang berkumpul, kecil besar, tua muda, semuanya bergembira dan dengan

wajah yang ceria. Mahu tidak mahu, tanpa kita sedari, keadaan berurung- urung tersebut dapat meninggalkan kesan men- dalam di sanubari ahli-ahli keluarga terdekat, sambil menimbulkan perasaan kasih sayang sesama sendiri, hormat-menghor- mati dan menjaga keu- tuhan hidup berkeluarga.

Dari segi spiritual atau keroanian, bayangkan betapa molek dan indah- nya cara menunjuk kita, orang-orang Melayu yang

tidak langsung menggu- nakan jari telunjuk. Sebaliknya, sebagai rasa hormat, ibu jari yang dibengkokkan ke depan akan digunakan sebagai satu cara yang menun- jukkan satu nilai peradab- an yang murni dan halus. Cara menunjuk tersebut mungkin cuma satu hal yang remeh temeh dan tak perlu diperbesar-besarkan. Akan tetapi dalam usaha untuk membuktikan bahawa orang-orang Me- layu itu hidup berbudaya

lujur dan tidak bersikap kurang ajar, maka hal tersebut seharusnya senti- asa diambil kira.

Kebudayaan adalah perlu bagi survival bangsa. Sebuah bangsa yang tidak berbudaya dap- atlah dianggap sebagai sebuah bangsa yang tidak bertamadun, tidak ada jati diri dan tidak relevan lagi.

Seperkara lagi, kita orang-orang Brunei seha- rusnya berbangga dengan kesediaan kita untuk

Kebudayaan - kekayaan material dan spiritual sesuatu bangsa

mempertahankan kedau- latan kesultanan kita yang telah wujud zaman-berza- man ini. Ketaatan kita orang-orang Brunei ter- hadap Raja yang memer- intah, memang termaktub sudah. Dengan ketaatan tersebutlah maka keadaan kehidupan kita seharian yang harmoni ini dapat dipertahankan.

Satu perkara lagi yang perlu ditekankan di sini, sikap pemalu orang-orang Brunei itu, yang tidak rela dianggap kurang ajar atau anak yang tidak tahu diuntung. Makanya, orang tua selalunya dijaga sebaik mungkin dengan kasih sayang, sebagai tanda tahu mengenang budi. Demikian pula hal- nya orang-orang Melayu itu marah jika dituduh penderhaka. Oleh kerana itu, kesinambungan kege- milangan kesultanan kita masih tetap terpelihara hingga kini.

Akhirnya perlu dije- laskan betapa pentingnya nilai-nilai murni budaya atau kebudayaan itu di- pelihara, dipupuk dan di-

tanai supaya tidak lapuk dek hujan dan tidak hilang dek zaman. Di dalam kon- teks ideologi MIB yang menjadi teras pemerinta- han kerajaan kita, sesung- guhnya budaya hormat- menghormati, beragama dan mematuhi ketua (Ulil Amri) merupakan pe- mangkin kepada hidup sejahtera dan aman sentosa seperti yang kita nikmati sekarang. Ketaatan kepa- da Raja pemerintah, mem- buat kita berani mendabik dada sebagai rakyat yang bermaruah dan gagah. Raja untuk rakyat dan rakyat untuk Raja adalah simbol yang tidak perlu dibantah. Simbol tersebut akan tetap terus bertahan hingga ke akhir zaman, sejajar dengan proklamasi kemerdekaan yang kita gapai pada tahun 1984 dulu. Kita sebagai rakyat yang berbudaya cintakan keamanan, akan tetap terus bersedia untuk men- daulatkan Raja demi kece- merlangan bangsa Brunei yang ulung dan terbilang dengan taufiq dan hidayah dari Allah jua.

KEBUDAYAAN adalah perlu bagi survival bangsa. Sebuah bangsa yang tidak berbudaya dapatlah dianggap sebagai sebuah bangsa yang tidak bertamadun, tidak ada jati diri dan tidak relevan lagi.

BIBLIOGRAFI

Tinggal Landas Ke Abad 21, Dewan Bahasa dan Pustaka 1994;

Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, *Cerocok Budaya Brunei*, Akademi Pengajian Brunei, Univer- siti Brunei Darussalam 1999;

Kamus Dewan. Edisi Baru Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka 1989.

PERATURAN RUANGAN SASTERA DAN BUDAYA

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar rencana mengenai Sastera dan Budaya untuk terbitan akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Rencana hendaklah dialamatkan kepada: PENERBIT SASTERA DAN BUDAYA, BAHAGIAN AKHBAR, #2, JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS BB 3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Rencana mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam bahasa Melayu menggu- nakan ejaan rumi baru.
3. Rencana hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer. Walau bagaimanapun gam- bar-gambar, lukisan, ilustrasi atau grafik boleh disertakan secara berasingan jika perlu.
4. Rencana tulisan tangan tidak akan diterima.
5. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).
6. Rencana yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disedia- kan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang di- sediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seming- gu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 7 April 2004

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



Sila berikan nama penuh gambar di atas?

Nurul Hidayatulain binti Haji Harun, Umur : 11 tahun, Sekolah Rendah Loqman, Kampong Jerudong.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 614

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 614,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 7 April 2004

Dk. Altan Nazihah Daraina binti Pg. Azman, Umur : 5 tahun, St. George's School, Bandar Seri Begawan.
Azwan bin Maskam, Umur : 10 tahun, Sekolah Nusa Laila Puteri, Beribi, Gadong.

SUDAH dua hari Samsul ditahan di ward. Kakinya berbalut. Kepalanya juga berbalut. Masa dua hari itu hanya dihabiskan dengan berbaring di atas katil di ward. Samsul hanya bergerak jika hendak membuang hajat di sungai kecil atau ke sungai besar. Itu pun pergerakannya terbatas, perlahan dan sukar. Kalau dulu berjalan dengan dua kaki yang normal, kini sebelah kaki digantung, tak boleh dipijak ke lantai. Kaki kanannya yang berbalut, terasa sakit jika diinjakkan. Badannya dianduh dengan tongkat bagi memudahkan pergerakannya. Pergerakan yang cukup perlahan dan sukar.

Badannya terasa lenguh, kebas dan timbul rasa sakit-sakit kerana banyak berbaring. Sejak ditahan di ward Samsul merasa pergerakan masa amat perlahan sekali. Pergerakan masa tak ubah langkah kura-kura yang mengengsot-engsot. Siang dirasakan terlalu panjang. Malam pula seperti tak akan ada penyudahnya. Bagaikan siang tak akan muncul kembali. Kegelapan dan kesunyian menjadi teman yang amat membosankan.

Suasana di ward yang dihuni oleh para pesakit yang mengalami berbagai-bagai penyakit dan kecederaan itu seakan menyajikan hidangan yang hambar dan amat tidak menyelerakan. Tak ubah hidangan pesakit kencing manis dan penghidap darah tinggi yang tawar, tiada bergula, tiada bergaram. Suasana sekeliling seperti menonjolkan kebosanan dan kemurungan. Meskipun sering sang jururawat yang bertugas menghadiahkan senyuman, namun senyuman manis itu tidak berdaya mengubah suasana muram, murung dan membosankan itu. Apa lagi tidak ramai yang datang melawat Samsul.

Kini baru dirasakan-nya bila tiada kawan, tiada sanak saudara yang datang berkunjung. Ada rasa iri dan rasa cemburu muncul di sanubarinya bila melihat ramai pelawat mengunjungi pesakit di katil sebelah kanan, pada pesakit di katil unjuran kaki, pada pesakit di kiri

katilnya. Sedang katilnya hanya akan dikunjungi oleh ayahnya dan emaknya.

Semalam adik perempuannya juga datang melawatnya. Kawan-kawannya belum seorang pun muncul menjenguknya. Mungkin mereka sibuk atau sen-gaja tak mahu melawatnya.

"Samsul, tengah lakimu kena tahanan di rumah sakit. Marilah temankan emak melawatnya," seakan terngiang suara emaknya beberapa bulan sudah mengajaknya ke rumah sakit.

"Saya sibuklah mak. Kalau mak nak melawat, mak pergilah dengan ayah."

Itulah dalih Samsul. Setiap kali diajak melawat sanak saudara sakit, pelbagai alasan dicarinya. Begitu juga dengan rakan yang sakit, hatinya tidak teringin hendak melawat mereka. Kalau melawat pun setelah dipaksa, setelah diajak berkali-kali.

Kini kesepian membungkus dirinya. Masanya lebih banyak dihabiskan dengan

tidur atau membaca buku dan majalah. Dalam masa dua hari ini dia sudah menghabiskan sebuah novel yang dibawa oleh adiknya Salina. Kalau di rumah dia tak minat langsung pasal membaca. Usahkan membaca novel, membaca surat khabar pun jarang. Tetapi bila berada di wad, dia seakan menjadi ulat buku pula.

"Mak, saya bosanlah duduk di ward ini."

"Sabarlah Samsul. Tunggulah luka di kaki dan kepalamu sembuh."

"Dengar dan ikutlah nasihat doktor." Haji Durani yang agak pendiam mencelah. Lelaki berusia lima puluh lima tahun itu baru saja memulakan persaraannya setelah bekerja dengan kerajaan selama tiga puluh dua tahun. Dua orang tuanya ini sajalah yang taat mengunjunginya. Membawakannya makanan, membawakannya buah. Terhibur juga hatinya bila ada orang melawatnya.

Kini benar-benar dia insaf betapa ada hikmah jika mengunjungi pesakit. Hati



DENDAM PESAKIT

CERPEN

OLEH
HJ. A. MOHAMMAD HJ. TIMBANG

pesakit jadi terhibur, masa luangnya jadi terisi. Suasana keliling yang membosankan akan bertukar dengan sesuatu yang menimbulkan kegembiraan. Sebab itu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menyarankan umatnya agar mengunjungi dan menziarahi pesakit. Mendoakan mereka agar lekas sembuh, kerana tiada lain yang diharapkan oleh seorang pesakit selain dari sembuh dan bebas dari beban penyakit yang dihidapi.

MASYARAKAT SEKARANG

Masyarakat sekarang sudah berubah. Sudah bernaftsu nafsi. Masing-masing dididik dengan kesibukan, dengan kepantasan. Semua yang dimahu ingin didapat dengan segera. Jika mahu berjalan, ingin segera tiba ke tempat dituju. Jika ada halangan, mulut mudah mengomel, rasa berontak muncul menguasai diri. Jika sudah diresapi rasa amarah, sumpah-seranah akan keluar dari mulut. Timbul rasa dendam. Jika orang berbudi, akan dikenang. Jika orang tak tahu erti budi juga akan dikenang. Sehingga jadilah masyarakat seumpama ada ubi ada batas. Ada budi ada balas.

Kini Samsul menyedari ada ubi ada batas itu. Dirinya seakan dipencilkan setelah ditahan di ward. Tiada orang sudi untuk datang melawatnya. Bila sendirian di katil ward, terasa benar dirinya terasing. Tak ubah anak dagang yang jauh di perantauan.

Samsul amat kesal dengan apa yang menimpa dirinya. Kemalangan jalan raya yang menimpa dirinya amat dikesalinya. Hendak menyesal pun sudah tiada gunanya. Bak kata orang nasi sudah menjadi bubur. Kini terpaksa dia menghirup bubur yang disajikan itu. Satu perkara lagi yang menjadi kekesalan pada dirinya, dia tidak mudah menerima nasihat dan pandangan orang lain. Apa lagi jika cerita atau isu yang dinukilkan kepadanya tidak masuk akal, dia akan membuangnya jauh-jauh dari sudut hati nuraninya.

GADIS MISTERI DI LEBUH RAYA

Cerita mengenai seorang gadis merayau-rayau di sebuah kawasan di Lebu Raya Muara - Tutong merebak dan menjadi perbualan hangat. Terutama di kalangan pemandu-pemandu yang menggunakan lebu raya tersebut. Cerita yang didengar berubah-ubah, tetapi motif cerita tetap sama, kononnya seorang gadis akan berjalan di lebu raya, akan menumpang kereta. Malah ada yang mengatakan si gadis duduk di boot kereta sambil berjun-tai kaki! Kejadianya di sekitar tengah malam membawa ke dinihari.

"Samsul, kau percayakah dengan cerita mengenai gadis yang merayau-rayau di lebu raya itu?"

"Entahlah. Nak percaya, tak pernah lagi melihatnya. Tak nak percaya tapi ia sudah menjadi cerita hangat. Kau bagaimana pula Razali?"

"Aku?" ketawa memanjang.

"Aku tak percaya. Itu semuanya karut."

"Kau jangan cakap besar Samsul."

"Kau pun terpengaruh dengan cerita karut dan kolot itu, Razali?"

"Tetapi kalau tak benar, masakan timbul cerita begitu. Kita jangan ..."

"Sudahlah. Aku tak percaya. Semua itu adalah cerita karut. Kau tahu itulah menjadikan bangsa kita tertinggal."

Samsul mengecil-ngecilkan cerita dari rakan-rakannya. Dia menganggap cerita misteri adalah cerita karut. Cerita yang tidak sepatutnya disimpan dalam disket mile-nium ini. Baginya cerita sebegini hanya sesuai didengar, dihidangkan kepada masyarakat di abad kedua puluh atau lebih awal dari itu. Misalnya masyarakat di tahun 1906.

"Samsul, berhentikanlah kegiatan kau merayau dan

KINI kesepian membungkus dirinya. Masanya lebih banyak dihabiskan dengan tidur atau membaca buku dan majalah. Dalam masa dua hari ini dia sudah menghabiskan sebuah novel yang dibawa oleh adiknya Salina. Kalau di rumah dia tak minat langsung pasal membaca. Usahkan membaca novel, membaca surat khabar pun jarang. Tetapi bila berada di wad, dia seakan menjadi ulat buku pula.



ستياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليڤيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menakar mana-mana
jua rancangan

R A B U 21 APRIL	PAGI	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.27	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL
		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	DIKIR MAULUD	8.50	DRAMA - 'Jodoh'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	SESAME STREET		9.20	MERENTAS KENANGAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN			5.10	GILLETTE WORLD OF SPORT	MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	PETANG	5.45	BERITA	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	SUKAN ANTARABANGSA

K H A M I S 22 APRIL	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	KIDS HOUR - 'Adventures Of Papyrus/Braceface'	6.27	AZAN MAGHRIB	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT			6.45	DIKIR MAULUD		
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	ON THE BALL	MALAM		10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.30	GREAT WRITERS, GREAT CITIES - Siri Baru	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN WARTA ISLAM	10.30	DRAMA - 'Takhta Hati'
			4.02	MUTIARA FIRMAN			7.25	AZAN ISYAK	11.00	WAYANG PILIHAN - 'Star Trek : Firs Contact'
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 23 APRIL	PAGI		10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
			10.15	SESAME STREET	1.30	VISI SUCI	6.00	CROCODILE HUNTER'S	9.00	SEMINAR HARI
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	BUNYI	2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung		CROC FILE		KEBANGSAAN KE-20
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	2.30	LAGENDA	6.27	AZAN MAGHRIB	9.30	GLOBAL GUARDIANS
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	JEJAK RASUL SR. 8 'Ulangan'	3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Mein Prem Ki Deewani Hoon'	6.45	DIKIR MAULUD	10.00	NEWS AT 10
			12.15	BRUM III			MALAM		10.40	ISTIADAT MENGAGAI BAGI PENGURNUAAN
	9.00	BERITA	12.30	SEMBAHYANG FARDU	3.33	AZAN ASAR	7.00	LIPUTAN SEMASA		GELARAN
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		JUMAAT- Siaran Langsung	3.40	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan	7.25	TAMAN SARI	11.55	KHUTBAH JUMAAT
							7.38	AZAN ISYAK	12.10	DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 24 APRIL	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	Tahfiz Al-Quran Sultan Haji	3.20	SMALLVILLE	MALAM			
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.05	KIDS HOUR :	Hassanal Bolkiah' -	3.34	AZAN ASAR	7.00	DUNIA ASIA	
		KEBANGSAAN		'TOMAN/RIPLEY'S	Ulangan	4.30	BEYOND 2000	7.25	ANIMALIA	
	6.02	MUTIARA FIRMAN		BELIEVE IT OR NOT'	12.21	AZAN ZUHUR	5.00	MONSTER BY MISTAKE	7.38	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI -	10.55	OCEANS OF MYSTERY	PETANG		5.25	JAY JAY THE JET PLANE	8.00	BERITA NASIONAL
		Siaran Langsung	11.20	DRAMA : 'Amanah' -	12.50	PANGGUNG PETANG	5.45	BERITA	8.50	IMPIANKU
	9.00	BERITA		Ulangan		SABTU - 'Ruby Bridges'	6.00	WILD RESCUE	10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI -	11.30	BERITA	2.20	ASPIRASI	6.27	AZAN MAHGRIB	10.30	TAYANGAN GAMBAR -
	Sambungan	12.05	DOKUMENTARI : 'Institut	2.50	OUTER BOUNDS	6.45	DIKIR MAULUD	12.10	'Nick Of Time'	DOA DAN SIARAN TAMAT

A H A D 25 APRIL	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	LEAGUE 2003/2004		'Teknik Bijak Belajar'	7.38	AZAN ISYAK
		10.10	SESAME STREET	PREVIEW	5.30	ANIMATION - 'The Wacky World Of Tex Avery'	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.10	TAMAN ABC	1.45	WILDLIFE IN RUSSIA	8.50	TAYANGAN GAMBAR
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	5.35	BERITA		KLASIK - 'Pendekar Bujang Lapok'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	SUNDAY MATINEE - 'Tremors II : The Aftershocks'	2.40	BIOLOGIC	10.00	NEWS AT 10

I S N I N 26 APRIL	PAGI	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.27	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA: 'KEMBANG SEMUSIM'	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN KIDS HOUR - 'Nilus The Sandman/The Adventure Of Muhammad Ali'	6.45	DIKIR MAULUD	9.30	MENARA SUMBER
			10.00	SIARAN TAMAT				10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN			5.15	EVEN WEIDER TV	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	ISTIADAT
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	PETANG		5.45	BERITA	7.25	DAPUR WARISAN		MENGURNIAKAN GELARAN
				4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	ANIMAL PRECINCT - Siri Baru	7.38	AZAN ISYAK	
						8.00	BERITA NASIONAL	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	

S E L A S A 27 APRIL	PAGI	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM	9.30	MUDA & MODEN		
		9.15	RAMPAI PAGI -	4.15	KIDS HOUR - 'Cedric'	7.00	DRAMA - 'Masih Ada Rindu'	10.00	NEWS AT 10	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	Sambungan	5.00	CROCODILE HUNTER	7.25	DOKUMENTARI	10.30	ISTIADAT MENGAGAI	
		KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.38	AZAN ISYAK		BAGI PENGURNUAAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	6.10	TAHUKAH AWDA?	8.00	BERITA NASIONAL		GELARAN	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.27	AZAN MAGHRIB	8.50	KAMPUNG KITA -	11.45	MDA SR. 2 - 'A Closer
		Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	DIKIR MAULUD		'Kampung Sungai Teraban'		Walk'
							Bhg II	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

SETIAMU BUMI

Tatkala itu
gerimis membasahimu bumi
kenapa tidak sesekali
kau merasa kedinginan
menggigil jauh sekali
malah kau julang nafas dadamu
bertumpukan daki-daki
telajahan kaki-kaki
pelusuk dunia.

Tatkala itu
terik mengontangkan dada hatimu
kering kegersangan
malah tidak sesekali pun
kau mahu mengaku kalah
apa lagi tunduk menyembah
kau bagaikan akur
menantikan tapak-tapak merah
yang aku pastikan
dapat menyuburkan benua dunia ini
menjadi damai.

Alia M S

KAMPONG AYER

Kampung Ayer ...
tika pagi menguntum sinar
beraneka bentuk dan corak
deretan indah dan megah
para nelayan sibuk ke laut
para penambang hilir mudik
menampung arus kehidupan
para putera puterinya
menimba ilmu masa hadapan.

Kampung Ayer ...
tika malam menguntum sinar
cahaya lampu neon
menerangi situasi kegelapan
keindahan dan kedamaian
adalah ciptaan Ilahi....

Yakup P. A.

KEHORMATAN DIRI

Di mana kehormatan diri
yang telah Tuhan anugerahi
namun tak pernah dihargai
lalu tersesat di lembah keji
hilang demi ikatan yang tidak direstui.

Ia bukan sekadar selaput nipis
atau sebahagian dari anatomi dan fisiologi
yang terdapat dalam biologi manusia
di dalamnya, ada kenikmatan yang terbatas
setelah diijabkan satu ikatan suci
maka dihalalkan baginya
hubungan antara seorang lelaki
dan pasangannya wanita.

Apa lagi kan disesali
hilangnya takkan kembali lagi
seumur hayat ini
kumiliki ia hanya sekali.

Hidup perlu diteruskan
bersama kehormatan diri yang telah hilang
semoga dibuka pintu keampunan
pada-Mu Tuhan
jiwa dan raga ini kuserahkan.

Aimmie

KE MEDAN JAYA

Bersama bersatu cita-cita
langkah-langkah kukuh
dengan semangat waja
hati tidak tergugat
walau seribu dugaan
demi berjuang ke medan jaya.

Terus maju
maju dan terus maju
menghadapi segala cabaran
merempuh segala halangan
berserta keyakinan
bulatkan tekad dan harapan
berjuang tetap berjuang.

Mari ke medan jaya
bersama ilmu di dada
semangat tidak mudah patah
cita-cita mesti tercapai
demi ugama
demi bangsa
dan demi negara
kita ke medan jaya.

Ira 0106

BICARA

Dalam angin ada bicara
dalam suara ada kata
dalam kata ada bicara
bicara tentang kebahagiaan
bicara tentang penderitaan
bicara tentang kekayaan
bicara tentang kemiskinan.

Itu ... bicara dunia
berbicara tentang penghuninya
kekayaan
kemiskinan
kebahagiaan
penderitaan.

Akhirat juga mahu bicara
bicara Syurga
bicara Neraka.

Tapi ... aku bicara tanpa suara
kalbuku berbicara pada yang tiada
kerana waktu akan bertukar waktu
pada setiap waktu
manusia takkan sempat mencari
keperibadian diri
pasti bicara sendiri
hanya Engkau yang mengerti
Ya ... Rabbi.

A. H. Tuah

MALAM

Di kala keheningan malam
aku terjaga lagi
bukan kerana dikejut
bukan kerana mimpi ngeri
aku ingin bermunajat
mengingati Ilahi
dudukku di atas tikar mengkuang
aku hanya mampu duduk
tanpa berdoa
tanpa berzikir
tanpa berselawat
fikraku hanya tertumpu pada kenangan lalu
pada dosa-dosa lalu
mampukah dosa-dosa itu dihapuskan
hanya dengan sekeping doa
atau mungkin esok atau lusa aku
akan berbuat dosa lagi.

Adi Rahman

AWALNYA KAU PERGI

Semalam aku berlari
berlari di waktu sunyi.

Tertentu awal engkau pergi
hujan masih belum berhenti.

Aku berlari
mencari-cari.

Hingga kini
aku masih berteka-teki
dalam hidup ini
serba-serbi tidak pasti
kenapa?

Setiap kali kubuka langkah
setiap kali kumaju selangkah
setiap kali kumenyusun langkah
setiap kali kumengorak langkah
langkahku akan terhenti
dan di situlah langkahku mati.

Namun kubersyukur pada Ilahi
kerana kumasih mampu berdiri.

Cukuplah sampai di sini
kumenempuh onak duri
tamatlah kisah duka ini
biar namamu abadi di sini.

KENANGAN SILAM

Jemariku menari mencoretkan
sebuah lukisan kenangan silam.

Di ruang ingatan
masih jelas penglihatan
dengan penaku membariskan
peritnya sebuah kenangan silam.

Engaku temanku
satu antara beribu
penghibur hatiku
pengubat laraku.

Namun begitu
kini, kau lawanku.

Pengalaman ini membuatkan aku
tabah pada kehidupan penuh liku.

Sudahlah
biar bulan bicara sendiri
ku tak akan bersedih hati
cukup derita sampai di sini
biarlah kenangan itu pergi.

Pergilah
tinggalkan aku
pergilah
janganku diganggu
pergilah
aku benci denganmu.

Akeem HGM

DARI SUBUH INI

Dari kedamaian subuh ini
aku semai kalimah
Subhanallah, Walhamdulillah, Allahuakbar
menerima peramanahan Allah
sebagai mukmin
memikul tanggungjawab hidup
memperbanyakkan peribadatan
menghidupkan sunnatullah.

Dari subuh ini
aku berkeyakinan pada kecerahan hari
menerangi diri
menapakkan tipu muslihat kehidupan
di peralatan dunia
untuk pemilihan di antara dosa dan pahala.

Dari subuh ini
dari gementar memulakan perlangkahan

menghadapi pengujian hidup bertaqwa
di jalanan perlikuan
memerlukan penelitian memandu.

Satukan keberanian, keyakinan membentuk
ketaqwaan diri
dengan rela penyerahan berkalimah
memulakan langkah
Bismillahirrahmanarrahim.

Hanirah

DARI ORIENTAL BANGKOK KE AYUTHAYA

Dari Oriental Bangkok
aku, isteriku dan pendanganiku
serta para penerima SEA Write Award
dan penumpang lainnya
menaiki kapal Oriental Queen
menyusuri Sungai Chao Phraya
menuju Ayuthaya.

Sepanjang perjalanan
kami berbual-bual dan mengambil gambar
melihat deretan rumah dan bangunan
menyaksikan masjid, surau dan perkampungan
yang terbina sejak sekian lamanya
berdekatan tebing Sungai Chao Phraya.

Tiba di Ayuthaya
kami menaiki bas seketika
melawat Bang Pa In Summer Palace
dan kuil-kuil Buddha
di sini kawasannya terlalu luas
banyak bangunan cantik, menarik dan antik
Royal Floating House, The Quarter Palace
Aisawan Thiphaya Art Pavilion dan lainnya
sajau mata memandang ...
kami bergambar kenang-kenangan.

Di Ayuthaya
tidaklah sesibuk kota Bangkok
yang dikatakan tidak pernah tidur itu
ia lebih merupakan sebuah pekan
yang cantik dan menarik
teristimewa bentuk rumah-rumahnya
dan keunikan pemandangannya.

Dari Oriental Bangkok ke Ayuthaya
suatu pengalaman yang paling
menyeronokkan
dan menjadi kenangan manis
selama kami dirai dan dihargai
hanya penulis yang pernah dinobatkan
anugerah ini
dapat membayangkan betapa gahnya
menjadi penerima Anugerah SEA Write ini
abadi!

Rahim M. S.

PERATURAN HALAMAN PUISI

SUKACITA menarik perhatian para penulis yang ingin menghantar puisi ke akhbar PELITA
BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Puisi hendaklah dialamatkan kepada:

PENERBIT HALAMAN PUISI,
BAHAGIAN AKHBAR,
#2, JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Puisi mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam Bahasa Melayu
menggunakan ejaan rumi baru.

3. Puisi hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer (tulisan tangan
tidak akan diterima).

4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat penuh, nom-
bor telefon, nombor akaun bank dan alamat bank dan nama samaran (jika ada).

5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

Penyusunan Kamus Bahasa Melayu Nusantara

Wadah memuatkan warisan budaya

BERAKAS, 27 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, usaha penyusunan Kamus Bahasa Melayu Nusantara adalah inisiatif Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan sebuah kamus yang komprehensif yang dapat dimanfaatkan oleh para penutur Bahasa Melayu Brunei, Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia di mana ketiga-tiga bahasa ini akar umbinya adalah bahasa Melayu.

"Kamus ini dihasilkan sebagai wadah yang memuatkan warisan budaya negara masing-masing dan dengan hasrat murni itu, Kamus Bahasa Melayu Nusantara ini dapat berfungsi sebagai integrasi pelbagai upaya kebahasaan di negara-negara yang dominan dalam penuturan Bahasa Melayu," jelas

Oleh
Abd. Karim HAB

Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, Dewan Bahasa dan Pustaka, agensi yang diamanahkan untuk menangan projek itu, belum pernah mengemukakan sebuah projek kebahasaan sebesar projek penyusunan kamus berkenaan.

"Projek ini di samping memerlukan kepakaran dalam bidang leksikografi, juga menghendaki logistik kerja dan prasarana yang rapi. Alhamdulillah, amana yang berat itu telah dapat ditangani dengan penuh tanggungjawab oleh tenaga kerja di Dewan Bahasa dan Pustaka yang melihat projek ini sebagai satu cabaran ke atas kewibawaannya menangani hal-hal kebahasaan," jelas Yang Berhormat dalam sembah alu-aluan di Majlis Pelancaran

Kamus Bahasa Melayu Nusantara yang disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, di Dewan Plenary Pusat Persidangan Antarabangsa.

Yang Berhormat menyebarkan menjunjung kasih atas limpah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan projek itu diungkapkan dengan sejumlah peruntukan yang mencukupi bagi menampung seluruh perbelanjaan termasuk bagi kemudahan-kemudahan mendatangkan para pakar.

"Limpah kurnia ini telah meningkatkan lagi semangat tanggungjawab dan iltizam semua tenaga kerja untuk menjayakan projek ini kerana ke mana lagi tumpah taat setia kalau tidak kepada raja dan tanah air tercinta. Kerjasama yang erat lagi padu telah dihidulurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia dan Pusat Bahasa, Republik Indonesia yang memperbantuan beberapa pakar leksikografi yang berganding bahu dengan tenaga-tenaga pakar tempatan sepanjang projek ini diungkapkan. Semangat muhibah bangsa serumpun yang ditunjukkan dalam penyusunan kamus ini adalah satu petanda positif ke arah kerjasama kebahasaan pada masa akan datang. Bahasa Melayu adalah kepunyaan umat rumpun Melayu dan Kamus Bahasa Melayu Nusantara adalah kepunyaan setiap penutur bahasa Melayu di Nusantara," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, seperti juga dengan amalan penyusunan kamus Bahasa-bahasa besar di dunia, Kamus Bahasa Melayu Nusantara akan dipantau dan dikemaskini dari semasa ke semasa.

"Tugas mengemaskini sesebuah kamus adalah berterusan iaitu dari satu generasi ke satu generasi bagi memastikan kosa kata dalam kamus itu sentiasa kemas kini sesuai dengan dinamika bahasa

yang malar hidup dan berkembang. Adalah diharapkan, Dewan Bahasa dan Pustaka selaku pusat tenaga penggerak penyusunan kamus ini, akan menyusun mekanisme pemantauan ke atas tanggapan masyarakat terhadap kamus ini dan mengumpulkan data-data seperti ulasan, kritikan dan pandangan masyarakat



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

bagi keperluan ulang cetak akan datang," tambah Yang Berhormat.

Projek penyusunan Kamus Bahasa Melayu Nusantara bermula pada bulan Ogos 1994 dan siap dicetak pada akhir bulan September 2003.

Penyerahan surat-surat

ADALAH dimaklumkan kepada mangsa-mangsa kebajikan Kampong Baru, Seria supaya akan dapat mengambil persuratan mereka di Pejabat Pos Seria pada waktu bekerja.

Untuk makluman, Jabatan Perkhidmatan Pos juga menyediakan perkhidmatan ubah hala. Mangsa-mangsa kebajikan bolehlah mengisikan borang yang berkenaan bagi memudahkan penyerahan persuratan mereka ke alamat yang baru. Perkhidmatan ini hanyalah untuk tempoh tiga (3) bulan sahaja dan dalam tempoh tersebut mangsa-mangsa kebajikan adalah diharapkan akan dapat menyelesaikan perubahan alamat mereka.

Walaupun bagaimanapun mangsa-mangsa kebajikan hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pos Seria jika mereka menghadapi masalah terhadap penyerahan persuratan mereka dari masa ke semasa.

Kerjasama Polis Brunei - Malaysia terus erat

Oleh
Samle HJ

BERAKAS, 7 April. - Hubungan kerjasama di antara Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Malaysia terus erat

dan ditingkatkan lagi melalui pelbagai bidang termasuk pertukaran lawatan. Sehubungan dengan itu, Ketua Polis Negara,

Pasukan Polis Diraja Malaysia, Dato' Seri Mohd. Bakri bin Haji Omar telah membuat lawatan muhibah kepada Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan di Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei.

Menyertai rombongan kunjungan itu ialah Pesuruhjaya Polis Sarawak, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato' Talib bin Jamal dan Pesuruhjaya Polis Sabah, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Datuk Illiyas bin Ibrahim.

Terdahulu, Ketua Polis Negara telah menerima tabik kehormatan dan memeriksa barisan kehormatan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kunjungan muhibah Dato' Seri Mohd. Bakri merupakan kali pertama sejak dilantik sebagai Ketua Polis Negara pada bulan November tahun lalu.

Semasa perjumpaan itu, kedua-dua pemerintah pasukan polis antara lain membincangkan tatacara meningkatkan hubungan dalam bidang-bidang penyiasatan dan pencegahan jenayah bersama, di samping isu-isu yang berkaitan termasuk kursus-kursus bagi meningkatkan kemahiran anggota.

Ketua Polis Negara Malaysia itu juga menghadiri kejohanan sukan Polis Tiga Wilayah di mana Pasukan Polis Diraja Brunei menjadi tuan rumah pada tahun ini.



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman ketika menerima kunjungan hormat Ketua Polis Negara, Pasukan Polis Diraja Malaysia, Dato' Seri Mohd. Bakri Haji Omar. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



KETUA Polis Negara, Pasukan Polis Diraja Malaysia, Dato' Seri Mohd. Bakri memeriksa barisan kehormatan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Brunei - Australia tandatangani MOU P'khidmatan Udara

Oleh
Abd. Karim HAB

BERAKAS, 24 Mac. - Negara Brunei Darussalam dan Australia meningkatkan kerjasama di bidang pengangkutan udara dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU). Dalam Perkhidmatan Udara antara kedua-dua buah negara yang berlangsung hari ini di Canberra, Australia. Perjanjian antara Negara Brunei Darussalam dan Australia berkaitan perkhidmatan udara dimeterai di Canberra pada 30 April 1992.

Kementerian Perhubungan dalam siaran akhbar-nya yang diedarkan di sini menjelaskan, menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam penandatanganan itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, manakala Kerajaan Australia diwakili oleh Setiausaha Jabatan Pengangkutan dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Serantau, Tuan Ken Matthews.

Penandatanganan yang baru ini, jelas siaran akhbar itu, menawarkan peluang-peluang baru kepada kedua-dua buah negara yang akan meningkatkan kerjasama dalam bidang pengangkutan udara yang menunjang kepada kepesatan industri pelancongan dan perdagangan kedua-dua buah negara.

MOU itu juga membolehkan syarikat-syarikat penerbangan Negara Brunei Darussalam menawarkan perkhidmatan udara antara Bandar Seri Begawan dan Australia di destinasi-destinasi baru seperti Sydney dan Melbourne, di samping membolehkan peningkatan hak muatan ke dan dari Sydney, Melbourne, Brisbane dan Perth bagi suatu tempoh.

Sebelum ini, Negara Brunei Darussalam diberikan jumlah muatan dan kekerapan penerbangan dan jenis pesawat yang tidak terbatas ke dan dari semua lapangan terbang di Australia kecuali Sydney, Melbourne, Brisbane dan Perth.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

- 1) DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- 2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
- 3) Tawaran yang mempunyai rujukan a) DRG/22/2004 dan DRG/23/2004 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin, 10 Mei 2004 semantara rujukan KK/TK/7/2004 dan KK/TK/7/2004 hendaklah di hantar tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin, 26 April 2004. b) DRG/24/2004, DRG/25/2004, KK/10/2004, KK/12/2004, KK/TK/9/2004 dan KK/TK/10/2004 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin, 10 Mei 2004.
- 4) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 5) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang iaitu hari Isnin hingga hari Khamis dan Sabtu jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.
- 6) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- 6) Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Perniagaan Yang Masih Sah Laku

TAWARAN BIASA

BILANGAN TAWARAN : DRG/22/2004 : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS (3) (LIST 22/2004) .Yuran Tawaran : \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN : DRG/23/2004 : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS (3) (LIST 23/2004) .Yuran Tawaran : \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN : DRG/24/2004 : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS (3) (LIST 22/2004) .Yuran Tawaran : \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN : DRG/25/2004 : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS (3) (LIST 23/2004) .Yuran Tawaran : \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/10/2004 : PLANNED PREVENTIVE MAINTENANCE SERVICE & CALIBRATION FOR THIRTEEN (13) UNITS OF GENERAL ELECTRIC (GE) MEDICAL IMAGING EQUIPMENT, RADIOLOGY DEPT, MINISTRY OF HEALTH FOR 1 YEAR TERM CONTRACT .Yuran Tawaran : \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/10/2004 : TO SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL SUPPLIES (CATHETERS) FOR THREE (3) YEARS (AS WHEN WE REQUIRED) .Yuran Tawaran : \$ 200.00.

TAWARAN KECIL

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/7/2004 : TO SUPPLY, INSTALL, TESTING AND COMMISSIONING ONE SET OF ACCESS CONTROL SYSTEM AND CCTV FOR WARD 21 AND 22 RIPAS HOSPITAL .Yuran Tawaran : \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/8/2004 : TO SUPPLY, INSTALL, TESTING AND COMMISSIONING OF INTERCOM SETS (36) UNITS WITH CABLING (1 LOT) FOR RADIOLOGY DEPT RIPAS HOSPITAL .

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/9/2004 : ONE OFF PREVENTIVE MAINTENANCE SERVICES AND REPLACEMENT OF FAULTY PARTS FOR TOSHIBA DIGITAL FLUOROSCOPY MODEL MAS -1000 A SERIAL NO. D05522601 RADIOLOGY DEPARTMENT HOSPITAL RIPAS .Yuran Tawaran : \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/10/2004 : ONE OFF SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING ONE OFF COMMISSIONING ONE UNIT OF G. E PROSPEED ADVANTAGE CT SCANNER X-RAY, RADIOLOGY DEPARTMENT, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran : \$ 100.00.



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran: JPA/TEN(P)/01/2004

**MEMBEKALKAN DAN MENJAHIT PAKAIAN SERAGAM BAGI
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN WANITA BAGI TAHUN 2004- 2005**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
2. Tarikh tutup ialah pada hari Isnin, 24 Mei 2004 sebelum jam 2.00 petang dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan dan seterusnya dihantar dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi dimana pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran tanpa menunjukkan pengelasan syarikat/pembekal.
4. Tawaran hendaklah disertakan dengan Sijil Perniagaan yang diakui sah.
5. Keterangan lanjut mengenai contoh pakaian serta borang tawaran boleh diperolehi dari Unit Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Tingkat 4, Bangunan SSPA Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu bekerja.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Bilangan Tawaran: JPA/TEN(P)/02/2004

**MEMBEKALKAN DAN MENJAHIT PAKAIAN SERAGAM BAGI KETUA
JABATAN, TIMBALAN-TIMBALAN DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
BAGI TAHUN 2004- 2005**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
2. Tarikh tutup ialah pada hari Isnin, 24 Mei 2004 sebelum jam 2.00 petang dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan dan seterusnya dihantar dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi dimana pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, BB 3910 Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 10 Mei 2004 jam 2.00 petang.
2. Keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan penentuan-penentuan (specification) bagi kenderaan tersebut bolehlah diperolehi dari Bahagian Unit Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan pada waktu bekerja.
3. Bayaran Tawaran (Tender Fee) bagi sebuah kenderaan sebanyak \$50.00 tidak dikembalikan.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan berketat (sealed) dan ditulis dengan perkataan TAWARAN BAGI MEMBEKAL SATU (1) UNIT KERETA 4WD KEKUATAN INJIN 2800CC.
5. Penawar/penender yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog (gambar) jenis kenderaan yang ditawarkan berserta dengan butir-butir.
6. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran tanpa menunjukkan pengelasan syarikat/pembekal.

4. Tawaran hendaklah disertakan dengan Sijil Perniagaan yang diakui sah.
5. Keterangan lanjut mengenai contoh pakaian serta borang tawaran boleh diperolehi dari Unit Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Tingkat 4, Bangunan SSPA Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu bekerja.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran: JPI/4/2004 DAN JPI/5/2004

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910 Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 7 Jun 2004 bagi tajuk-tajuk berikut:-

Bilangan Tawaran JPI/4/2004

TAWARAN BAGI THE DESIGN, CONSTRUCTION AND DELIVERY OF ENFORCEMENT VESSEL FOR THE FISHERIES DEPARTMENT.

Bilangan Tawaran JPI/5/2004

TAWARAN BAGI THE DESIGN, CONSTRUCTION AND DELIVERY OF OFF-SHORE CAGES WORK BOAT FOR THE FISHERIES DEPARTMENT.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
3. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Setiap syarikat yang menyertai Bilangan Tawaran JPI/4/2004 ini adalah dikehendaki untuk membayarkan yuran sebanyak B\$250.00 dan dokumen tawaran sebanyak B\$250.00 bagi tiap-tiap satu tawaran sementara Yuran Tawaran JPI/5/2004 ini adalah dikehendaki untuk membayarkan yuran sebanyak B\$125.00 dan dokumen tawaran sebanyak B\$125.00 bagi tiap-tiap satu tawaran.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran: JBS/TDR/03/04 DAN JBS/TDR/04/04

TAWARAN-tawaran diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**"REPAIR AND REPLACEMENT OF TIMBER SPORT FLOORING FOR SQUASH COURT, TUTONG SPORT COMPLEX".
DAN**

"REPAIR AND REPLACEMENT OF TIMBER SPORT FLOORING FOR SQUASH COURT, MUMONG SPORT COMPLEX".

Tarikh Tutup : 10 Mei 2004 (Isnin)

Cagaran : \$25.00 (untuk dokumen - tidak dikembalikan)

Dokumen-dokumen dan penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Tingkat 5 (Bahagian Pemeliharaan dan Operesen, JBS) manakala resit pembayaran dari tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA 1211, Negara Brunei Darussalam dari jam 8.00 pagi hingga 1.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang pada setiap hari bekerja.



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 34/2002

HSBC FINANCE (B) BERHAD Pemiutang/Penghakiman/
Pemetisyen

LAWAN

ROSIAH BINTI HAJI IDRIS
(BYIC NO. 00-056478) Penghutang Penghakiman/
Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Disember 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **6 Mei 2004** jam 8.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 6 Mei 2004 jam 8.30 pagi.

Bertarikh : 6 Mac 2004

LAILATUL ZUBAIDAH HAJI MOHD HUSSAIN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 67/2003

MALAYAN BANGKING BERHAD Pemiutang Penghakiman/
Pemetisyen

LAWAN

HAJAH KUMARIAH BINTI HAJI SIRAT
(BYIC NO. 00-074606) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 28 Februari 2004.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **12 Mei 2004** jam 9.15 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 12 Mei 2004 jam 9.15 pagi.

Bertarikh : 8 Mac 2004.

RAMZIDAH POKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 195/2003

HONGKONG & SHANGHAI BANGKING CORP. LTD
..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

ABDUL MANAF BIN DOLLAH @ SMINGGU
(BYIC NO. 00-039628) Penghutang Penghakiman/
Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 20 November 2004.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **13 Mei 2004** jam 8.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 13 Mei 2004 jam 8.30 pagi.

Bertarikh : 8 Mac 2004

LAILATUL ZUBAIDAH HAJI MOHD HUSSAIN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 209/2003

PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI BERHAD
..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

SITI NAQIAH HANIM BINTI ABDULLAH SHIM
(BYIC NO. 00-118227) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 Februari 2004.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **5 Mei 2004** jam 9.15 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 5 Mei 2004 jam 9.15 pagi.

Bertarikh : 8 Mac 2004.

RAMZIDAH POKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 228/2003

THE ASIA INSURANCE CO. LTD Pemiutang Penghakiman/
Pemetisyen

LAWAN

RAMBUNAI BINTI SUBOH @ RAMZIAH
(BYIC NO. 00-271926) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 Februari 2004.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **5 Mei 2004** jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 5 Mei 2004 jam 9.30 pagi.

Bertarikh : 8 Mac 2004.

RAMZIDAH POKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 234/2003

HSBC FINANCE (B) BERHAD Pemiutang Penghakiman/
Pemetisyen

LAWAN

RAJALI BIN BUJANG
(BYIC NO. 00-258249) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 26 Februari 2004.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **5 Mei 2004** jam 9.45 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 5 Mei 2004 jam 9.45 pagi.

Bertarikh : 8 Mac 2004.

RAMZIDAH POKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyioal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-hal nya dan juga sebab kegagalannya.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempelawa pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan yang bersesuaian untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

- DESIGN DAN TEKNOLOGI**
JAWATAN : PEGAWAI PELAJARAN
JABATAN : JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN.
BILANGAN KOD : 114 13 111
TANGGAGAJI : G13 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.
BAHAGIAN : II

KELAYAKAN MINIMUM:

- Umur: 23 - 45 tahun.
- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda [Pendidikan Teknikal] dalam bidang Design dan Teknologi pengkhususan dalam penggunaan kayu, besi dan plastik sebagai bahan dari mana-mana Universiti atau Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai Sijil Perguruan, Diploma Pendidikan atau yang sebanding dengannya.
